

**FAKTOR-FAKTOR LONJAKAN SAUJANA DI SEKOLAH
KEBANGSAAN DI LEMBAH
KLANG**

YUNOS BIN PIPET

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**

**FAKTOR-FAKTOR LONJAKAN SAUJANA DI SEKOLAH
KEBANGSAAN DI LEMBAH KLANG**

YUNOS BIN PIPET

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN & EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dari ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

10 Jun 2010

YUNOS BIN PIPET

PENGHARGAAN

Penghargaan ini diberikan khusus untuk semua pihak yang telah mendorong saya berusaha dan terus berusaha menyediakan kajian ini dari awal hingga ke saat akhir. Sesungguhnya saya sangat terhutang budi di atas semua tunjuk ajar, bimbingan dan kesabaran yang ditunjukkan oleh Dr. Hj Nek Kamal Yeop Yunus, Penyelia Tesis ini. Bimbingan dan dorongan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Dr. Che Mohd. Zulkifli Che Omar. Kepada Prof. Madya Hariri Kamis yang banyak meluangkan masa bersama dalam kajian penyelidikan.

Tidak terlupa juga kepada Prof. Madya Mohd. Taib Ariffin, Hj. Nazimuddin Ahmad dan En Khairuddin Lim yang memberikan berbagai pandangan berguna sepanjang penyelidikan ini. Terima kasih tidak terhingga kepada Tuan Pengarah, Jabatan Pelajaran Selangor, semua kakitangan PPD Petaling Perdana, kakitangan PPD Petaling Utama, kakitangan PPD Klang, kakitangan PPD Gombak dan kakitangan PPD Hulu Langat yang memberikan kebenaran saya melaksanakan kajian di daerah mereka.

Paling besar jasa buat insan tersayang yang banyak memberikan dorongan, suntikkan moral serta sokongan tidak berbelah bagi, isteri saya Hj. Norieza Ya'cob, anak-anak khususnya Khairunnisa Yunus, Ahmad Zahry Iswandi dan Muhammad Sharifuddin. Tidak lupa juga kepada semua Ahli Jawatankuasa "Tokoname Student Intercity Internasional Exchange (TSIE) 2007 / 2008" yang selalu bersama semasa di Tokoname, Nagoya, Jepun, Sayonara...

Akhirnya buat semua guru dan murid-murid tersayang di Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 Shah Alam, Selangor. Pada anda semua setiap detik sewaktu kita bersama dahulu akan tetap menjadi ingatan abadi dan tak mungkin saya lupakan kerana telah membimbing serta memberikan tunjukajar berterusan kepada saya untuk melalui cabaran demi cabaran demi kegemilangan bangsa yang masih mundur dan ketinggalan.

Semoga panduan, teguran serta bimbingan ini akan menjadi dorongan kepada rakan lain yang belum bersedia menyahut cabaran bangsa dan negara.

"Kalau Si tua mampu melangkah..."

Terima kasih.

Hj. Yunus bin Pipet

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi lonjakan saujana di SK di Lembah Klang. Kajian ini telah dijalankan ke atas 276 buah SK dalam Lembah Klang. Daerah terlibat ialah Petaling Perdana, Petaling Utama, Klang, Gombak dan Hulu Langat. Kajian ini melibatkan guru besar di sekolah berkenaan. Kajian SK lonjakan saujana meliputi kerjasama guru, kemudahan infrastruktur, kepimpinan guru besar, sokongan PIBG dan iklim pembelajaran SK yang mengandungi 62 soalan pelbagai bidang. Dapatan dalam kajian ini melihat kolerasi di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Hasil kajian ini mendapati lonjakan saujana di Sekolah Kebangsaan di Lembah Klang mempunyai hubungan dengan lokasi, pencapaian sekolah, gaya kepimpinan guru besar, sosio-ekonomi, kemudahan infrastruktur, sokongan PIBG dan iklim pembelajaran di sekolah. Kajian ini juga mendapati lonjakan saujana mampu meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk menempatkan anak mereka di sekolah kebangsaan. Usaha membina lonjakan saujana mampu menjadi satu penanda aras untuk mempromosi Sekolah Kebangsaan. Justeru kajian ini sangat relevan dengan keperluan penjenamaan semula sekolah kebangsaan untuk mempertingkatkan keyakinan masyarakat terhadap Sekolah Kebangsaan. Sekolah lonjakan saujana membina daya saing ke arah sekolah berprestasi tinggi. Ini bermakna cadangan yang konkrit diperlukan untuk menentukan ciri-ciri yang relevan dalam pembinaan SK lonjakan saujana. Melalui cadangan tersebut guru besar membina kembali keyakinan terhadap Sekolah Kebangsaan sebagai sebuah sekolah pilihan paling sesuai di masa akan datang.

Kunci kata : Lonjakan saujana, pencapaian akademik, korelasi.

ABSTRACT

This research was designed to determine the factors that affect the “lonjakan Saujana” (momentum leap) in national primary schools (NPS) at Klang Valley. This research was conducted at 276 national primary schools in Klang Valley. The involved districts were: Petaling Perdana, Petaling Utama, Klang, Gombak and Hulu Langat. This sample consisted of the principals of those schools. The research involved these aspect: the co-operations of teachers, infrastructure facilities, leadership of principals, the support of PTA and the learning condition. This study utilized a correlational design. This findings show that the momentum leap of national primary schools in Klang Valley has significant relationship with location, the school’s performance, the principal’s leadership style, socio-economic status, infrastructure, support of PTA and learning condition at school. This results also show that the momentum leap can increase parents’ confidence to place their children in national primary schools to enhance. The momentum leap is also capable of promoting the national primary schools. Thus, study suggests some criteria in building the momentum leap in national primary schools. With those suggestions, the principals should reconstruct the confidence of the society towards national primary schools as the preferred choice of school in the future.

The key words: momentum leap, school performance, correlation.

ISI KANDUNGAN

Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiii
Senarai Singkatan	xiv
 BAB 1: PENGENALAN 1	
1.1 Latarbelakang Pendidikan Di Malaysia	1
1.2 Memahami Sekolah Kebangsaan	6
1.3 Perkembangan Sekolah Kebangsaan	8
1.4 Latarbelakang Keperluan Pendidikan Negeri selangor	12
1.5 Pernyataan Masalah	20
1.6 Kepentingan Kajian	28
1.7 Objektif kajian	29
1.8 Persoalan kajian	30
1.9 Hipotesis kajian	30
1.10 Kerangka Teoritikal	31
1.11 Definisi Istilah	33
1.12 Rumusan	35

BAB 2:	SOROTAN KEPUSTAKAAN	36
2.1	Pengenalan	36
2.2	Cadangan Pembinaan Sekolah Lonjakan Saujana	48
2.2.1	Ciri-Ciri SK Lonjakan Saujana	49
2.2.1.1	Menentukan ciri pembinaan iklim SK lonjakan saujana.	49
2.2.1.2	Ciri-ciri SK Lonjakan Saujana	50
2.2.1.3	Menentukan ciri sokongan PIBG SK lonjakan saujana.	51
2.2.1.4	Menentukan ciri-ciri kemudahan infrastruktur SK lonjakan saujana.	51
2.2.1.5	Menentukan ciri kepimpinan guru besar SK lonjakan saujana.	52
2.2.1.6	Menentukan ciri semangat setiakawan guru SK lonjakan saujana.	52
2.2.2	Kerjasama guru dan guru besar	56
2.2.3	Kemudahan infrastruktur	58
2.2.4	Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar	59
2.2.5	Sokongan PIBG	62
2.2.6	Kepimpinan Guru Besar	63
2.2.7	Iklim Pembelajaran di Sekolah	69
2.3	Kekuatan SK Lonjakan Saujana	70
2.4	Kelemahan SK Lonjakan Saujana	74
2.5	Cabaran SK Lonjakan Saujana	76
2.6	Peluang SK Lonjakan Saujana	79
2.7	Syarat SK Lonjakan Saujana	82
2.8	Konsep Teori Pendidikan	83
2.9	Rumusan	87

BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	89
3.1	Pengenalan Metodologi kajian	89
3.2	Pemilihan Sampel Sekolah Kajian	91
3.3	Metodologi Kajian Sampel	93
3.4	Pendekatan kajian	99
3.5	Menentukan Strategi Dan Teknik	100
3.6	Instrumen kajian	101
3.7	Kebolehpercayaan Dan Keesahan kajian	103
3.8	Kebolehpercayaan Dapatan Kajian	105
3.8.1	Faktor Kerjasama Guru dan Guru Besar	105
3.8.2	Faktor Kemudahan Infrastruktur	105
3.8.3	Faktor Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar	106
3.8.4	Faktor Sokongan PIBG	106
3.8.5	Faktor Gaya Kepimpinan Guru Besar	106
3.8.6	Faktor Iklim Pembelajaran di Sekolah	106
3.8.7	Nilai Cronbach's Alpha Keseluruhan	106
3.9	Kutipan Data	108
3.10	Jadual Kutipan Data	109
3.11	Analisis Data	110
3.12	Rumusan Metodologi Kajian	110
BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	112
4.1	Pengenalan Dapatan Kajian	112
4.1.1	Dapatan Umum	113

4.2	Analisis Korelasi	119
4.3	Pengujian Hipotesis	124
4.4	Analisis Regresi	119
4.5	Rumusan	131
BAB 5: PERBINCANGAN		132
5.1	Pengenalan	132
5.2	Perbincangan Dapatan	133
5.2.1	Faktor-Faktor SK Lonjakan Saujana	138
5.3	Implikasi Kepada Pengurusan Sekolah	139
5.4	Kesimpulan	150
RUJUKAN		152
LAMPIRAN A	Soalselidik	a - j
LAMPIRAN B	Surat Berkaitan	k - l
LAMPIRAN C	Jadual	m - y

SENARAI JADUAL

1	Jadual 1.1: Jumlah Murid SK Tahun 2006 Di Seluruh Negara.	4
2	Jadual 1.2: Jumlah Pecahan SK Bandar dan Luar Bandar (2006).	5
3	Jadual 1.3: Maklumat Kependudukan Negeri Selangor Berbanding Daerah Petaling Tahun 2007.	13
4	Jadual 2.1: Panduan Penarafan Jenama sekolah.	46
5	Jadual 2.2: Rumusan Skor Instrumen Pemastian Standard.	47
6	Jadual 2.3: Faktor-faktor yang mempengaruhi lonjakan saujana Abdul Rahman Arshad (1989)	48
7	Jadual 3.1: Unjuran Jumlah Penduduk Daerah-Daerah Negeri Selangor.	90
8	Jadual 3.2: Bilangan Sekolah, Murid, Kelas, Guru dan Kakitangan Sokongan Sekolah Rendah di Negeri Selangor.	91
9	Jadual 3.3: Bilangan Murid, Kelas, Sekolah, Guru dan Kakitangan Sokongan Daerah Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk tahun 2007.	92
10	Jadual 3.4: Agihan Mengikut Jenis Sekolah Mengikut Daerah Dalam Lembah Klang.	93
11	Jadual 3.5: Bilangan Item Soalan Awal	96
12	Jadual 3.6: Data Agihan soalan kumpulan sasar awal(kajian 1)	96
13	Jadual 3.7: Cronbach's Alpha Keseluruhan Set Soalan Awal	97
14	Jadual 3.8: Cronbach's Alpha mengikut item awal.	97
15	Jadual 3.9: Cronbach's Alpha keseluruhan set soalan pindaan awal.	98
16	Jadual 3.10: Cronbach's Alpha mengikut item pindaan awal.	98
17	Jadual 3.11: Agihan Set Soalan dan Fokus Sampel.	99
18	Jadual 3.12: Agihan Bahagian soalan kajian.	102

19	Jadual 3.13: Sekolah Kebangsaan Yang Terpilih.	105
21	Jadual 3.14: Nilai Cronbach's Alpha mengikut Faktor dan keseluruhan.	107
22	Jadual 3.15: Perbandingan Nilai Cronbach's Alpha.	107
23	Jadual 3.16: Kutipan maklum balas Sampel Mengikut Daerah.	108
24	Jadual 3.17: Jadual Mesyuarat Pengurusan Guru Besar Daerah Negeri Selangor.	109
25	Jadual 3.18: Bilangan Sekolah Sampel Mengikut Daerah.	110
26	Jadual 4.1: Agihan Guru Mengikut Keturunan.	113
27	Jadual 4.2: Agihan Guru Mengikut Jantina.	114
28	Jadual 4.3: Agihan Kelulusan Guru Di sekolah.	115
29	Jadual 4.4: Sumbangan guru kepada Masyarakat.	115
30	Jadual 4.5: Lokasi sekolah	116
31	Jadual 4.6: Gred sekolah sampel mengikut daerah.	116
32	Jadual 4.7: Cadangan sekolah dilawati dan taburan sekolah sebenar memberi respon	117
33	Jadual 4.8: Gred sekolah	118
34	Jadual 4.9: Taburan jenis sekolah	118
35	Jadual 4.10: Taburan Umur Semasa Perkhidmatan	119
36	Jadual 4.11: Analisis Korolasi.	119
37	Jadual 4.12: Ringkasan Hubungan.	121
38	Jadual 4.13: Hubungan Antara Pembolehubah	122
39	Jadual 4.14: Hipotesis dalam kajian	124
40	Jadual 4.15: Keputusan Ujian Hipotesis.	126
41	Jadual 4.16: Ringkasan Model (<i>Model Summary</i>)	129

SENARAI RAJAH

1	Rajah 1.1 : Kerangka Teoritikal Kajian SK Lonjakan Saujana.	32
2	Rajah 2.1 : Ciri-ciri SK Lonjakan Saujana	51
3	Rajah 4.1 : Persamaan pembolehubah parameter lonjakan saujana	127

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
ANOVA	Analisa Varian (Analysis of varian)
BCK	Bahasa Cina Komunikasi
BSM	Bahagian Sumber Manusia
BTK	Bahasa Tamil Komunikasi
BTN	Biro TataNegara
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPK	Dasar Pelajaran Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Nasional
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPK	Guru Penolong Kanan
GPMS	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung
HEM	Hal Ehwal Murid
IAB	Institut Aminuddin Baki
ICT	Information Computer and Technology
j-QAF	Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual
JN	Jemaah Nazir
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNKL	Jabatan Pelajaran Negeri Kuala Lumpur
KEPTAN	Kesatuan Pembantu Tadbir



KESUBA	Kesatuan Sukan dan Kebudayaan
KM	Kerajaan Malaysia
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPPM	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KPPMS	Kesatuan Pelajar-Pelajar Melayu Selangor
MGB	Majlis Guru Besar
MSSD	Majlis Sukan Sekolah Daerah
NGO	Non Government Organisations
PA	Pencapaian Akademik
PEMBINA	Permaufakatan Badan Ilmiah Majlis Pendidikan Parlimen
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010
PP	Perkembangan Pendidikan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPSMI	Program Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris
PSKPP	Persatuan Sukan Kebudayaan Kakitangan dan Pegawai Pelajaran
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PT	Pusat Tusyen
RIMUP	Rancangan Integerasi Murid Untuk Perpaduan
RMK	Rancangan Malaysia Ke-



RM	Ringgit Malaysia
RRPPS	Rangka Rancangan Pembangunan Pendidikan Negeri Selangor
SA	Sekolah Antarabangsa
SAPM	Sekolah Anugerah Perdana Menteri
SHN	Sekolah Harapan Negara
SES	Sosio Ekonomi Status
SI	Sekolah Agama
SK	Sekolah Kebangsaan
SK Asli	Sekolah Kebangsaan Orang Asli
SK Khas	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
SKM	Sekolah Kurang Murid
SM	Sekolah Menengah
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SP	Sekolah Pondok
SR	Sekolah Rendah
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SRJK(C)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SRJK(T)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
SRs	Sekolah Rintis
SS	Sekolah Swasta
SW	Sekolah Wawasan
STKM	Standard Tinggi Kualiti Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UMNO	United Malays National Organisation

WP Wilayah Persekutuan

3K Keselamatan, Kebersihan dan Keceriaan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Pendidikan Di Malaysia

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Kebangsaan KPM, 1996).

Demikianlah murninya hasrat dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidikan negara bermatlamat dan memfokuskan penjaan warganegara yang mampu memberi sumbangan bermakna kepada diri masing-masing, masyarakat dan negara. Maksud yang tersurat dalam FPK itu diterjemahkan ke dalam misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan

menjadi asas kepada usaha ke arah peningkatan dan pengukuhan sistem pendidikan negara sehingga mencapai bertaraf dunia. Fokus yang mendasari matlamat utama ini ialah pengembangan potensi pelajar pada tahap optimum.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (dulunya disebut Falsafah Pendidikan Negara (FPN) merupakan dasar kepada pendidikan di Malaysia. Ini bermakna, semua program, proses dan aktiviti pendidikan dan persekolahan di Malaysia mestilah selaras dengan FPK. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2001) pula telah menetapkan setiap murid, ibu bapa, guru dan bakal guru di Malaysia diwajibkan membaca, memahami, menghayati dan mengingati falsafah ini agar setiap tindakan mereka melalui proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa berada dilandaskan yang betul. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan PIPP (2006). Intipati utama dalam FPK ini ialah melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang sering disebut oleh guru-guru sebagai jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Kesemua faktor adalah penting, tidak ada yang lebih utama antara keempat-empat unsur tersebut, yakni tidak boleh dikatakan jasmani lebih penting daripada intelek atau sebaliknya.

Dalam usaha melaksanakan hasrat FPK di sekolah guru besar dan guru berusaha menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berdasarkan sukatan pelajaran serta perancangan yang relevan dengan keperluan komuniti. Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) menyatakan pencapaian objektif pengajaran guru akan terlaksana dengan jayanya melalui kerjasama berpasukan.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) menjelaskan kerjasama inilah yang bakal menentukan penggunaan infrastruktur berkesan di sekolah.

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (2003) menyatakan matlamat utama pendidikan itu hanya boleh dicapai, sangat bergantung kepada wujudnya iklim sekolah yang kondusif kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) seterusnya menjelaskan iklim pembelajaran di SK memacu pencapaian murid ke arah kecemerlangan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) turut menyedari hakikat ini maka KPM sentiasa memberi penekanan kepada kepentingan pengukuhan disiplin pelajar di Sekolah Kebangsaan dengan menyediakan pelbagai panduan, peraturan dan dasar disiplin yang dikuatkuasakan di sekolah-sekolah secara menyeluruh.

Sebagai satu langkah awal pembinaan bangsa Malaysia, sebelum merdeka, satu persefahaman antara kaum telah dibentuk, bersetuju untuk menubuhkan SK, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJK Tamil). Amalan ini telah diguna pakai sehingga hari ini walaupun pada pendapat sesetengah pemimpin ia merugikan perpaduan jangka panjang. Hishamuddin (2006) tidak pernah memaksa rakyat memilih SK sebagai satu-satunya tempat untuk menyekolahkan anak-anaknya (Mahathir 2005).

Penekanan juga diulangi di bawah Plan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), setiap aliran sekolah mendapat layanan saksama. Sebagai contoh, dalam

pemilihan sekolah kecemerlangan kluster, ada kluster terpilih untuk setiap aliran. Walau bagaimana pun Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) menegaskan agenda memperkasa genre sekolah itu perlu diberikan keutamaan. SK merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan, kerjasama dan semangat cintakan negara (Abdullah 2006). Menurut Lan Poh Chin (1988) generasi masa kini perlu memahami hasrat yang tersirat demi perpaduan sebuah bangsa negara akan datang.

Jelaslah bahawa perpaduan menjadi satu keperluan yang mendesak untuk memperkasa SK pada ketika ini (Abdullah 2006). Pada tahun 2007 sahaja terdapat, sekitar 2.3 juta murid yang belajar atau 76.3 peratus daripada sejumlah 3.1 juta murid sekolah rendah berada di 5,789 buah SK. Dalam kalangan 5,789 buah SK ini, 4,036 daripadanya berada di luar bandar, 1,453 merupakan Sekolah Kurang Murid (SKM), 309 merupakan Sekolah Bantuan Modal, 651 adalah sekolah dua sesi, 1,414 tidak mempunyai bekalan air awam, 768 tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan 1,988 masih belum mempunyai makmal dan bilik komputer.

Jadual 1.1
Jumlah Murid SK Tahun 2006 Di seluruh Negara

Jumlah Sekolah	Bilangan Murid (juta)	%
SK	2.3	76.3
Bukan SK	0.8	23.7
Jumlah	3.1	100.0

Sumber: PIPP, (KPM, 2006).

Berdasarkan maklumat dari Jadual 1.1 di atas ternyata bahawa SK masih jauh terkebelakang berbanding bilangan sekolah, guru dan muridnya. Menurut

Mahathir (2005) kepincangan ini jika tidak diatasi akan menimbulkan suasana kurang senang di kalangan orang Melayu. Masalah ini jika dibiarkan menurut Hishamuddin (2006) akan menambah jurang yang lebih besar diantara pelbagai kaum di negara ini. Untuk memastidikawal maka kemudahan di SK perlu diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Berikutan itu maka Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang untuk memastikan SK mendapat prasarana yang sama seperti SK yang telah maju.

Jadual 1.2
Jumlah Pecahan Sekolah Kebangsaan Bandar dan Luar Bandar(2006)

Kategori SK	Bilangan Sekolah	%
SK Luar Bandar	4036	69.72
SK Bandar	1753	30.28
Jumlah	5789	100

Sumber: PIPP, (KPM, 2006).

Kementerian Pelajaran Malaysia merancang menjadikan SK sebagai pilihan utama yang diyakini oleh masyarakat dengan pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar yang cemerlang disamping meningkatkan kualiti kepimpinan, pengurusan dan guru-guru, menyeimbangkan nisbah guru dari pelbagai etnik serta meningkatkan penglibatan dan rasa kepunyaan ibu bapa serta komuniti terhadap SK(Yahya Don 2007).

Sebagai langkah proaktif KPM, sepanjang 2007, telah mengambil langkah menjadikan SK pusat kecemerlangan pendidikan dari semua segi. Ini bermakna satu instrumen baru yang mengabungkan usaha pelbagai agensi KPM untuk membimbing, mengurus, memantau yang bertujuan membina SK perlu dibina.

Program membina lonjakan saujana SK perlu dipandang sebagai satu wadah mampan. Program SK lonjakan saujana yang meliputi latihan guru, pemantauan serta penguatkuasaan SK telah dilaksanakan di seluruh negara.

Program SK lonjakan saujana dilihat mencakupi prasarana, disiplin dan keselamatan pelajar, pencapaian akademik, pencapaian ko-kurikulum, penguasaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), kualiti guru dan pengurusan sekolah. Abdullah (2006) menjelaskan tujuan PIPP(2006-2010) bukan menafikan kepentingan kaum dan sekolah lain tetapi kearah pembinaan bangsa negara yang sejati melalui pendidikan. SK yang melaksanakan bahasa pengantar bahasa Melayu seharusnya dijadikan pilihan untuk perpaduan di Malaysia. Kaum lain perlu memandang secara positif membina imej baru SK yang gemilang.

1.2 Memahami Sekolah Kebangsaan

Rohani (1998) pula menegaskan, berdasarkan perancangan awal SK telah dibina dan dijadikan sekolah rendah (SR) kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun. Sekolah Kebangsaan juga menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Untuk kemudahan pengajaran dan keselesaan semua murid di SK, pendidikan

dibahagikan kepada empat peringkat iaitu Prasekolah, Pendidikan rendah, Pendidikan menengah dan Pengajian tinggi. Akta Pelajaran 1996 (Akta 550).

Dalam akta tersebut penekanan dibuat dengan hanya pendidikan di Sekolah Rendah diwajibkan dalam undang-undang. Oleh itu, pengabaian keperluan pendidikan selepas sekolah rendah tidak melanggar undang-undang. Sekolah Rendah dan sekolah menengah diuruskan oleh KPM tetapi dasar yang berkenaan dengan pengajian tinggi diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) yang ditubuhkan pada tahun 2004.

Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan dalam Akta 550, pendidikan rendah bermula dari tahun 1 hingga tahun 6, dan menerima kemasukan kanak-kanak berumur 7 tahun sehingga 12 tahun. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Sekolah Rendah (SR) awam di Malaysia terbahagi kepada dua jenis, iaitu SK dan SRJK. Kedua-dua sekolah telah menggunakan kurikulum yang serupa. Perbezaan antara dua jenis sekolah ini hanyalah bahasa pengantar yang digunakan. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di SK.

Bahasa Mandarin dan bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar di SRJK Cina dan SRJK Tamil masing-masing. Pada akhir tahun persekolahan SR, ujian awam diadakan bagi menilai prestasi murid-murid. Ujian awam pada peringkat SR dinamakan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Pelajar yang

telah menduduki UPSR, dibenarkan melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah.

1.3 Perkembangan Sekolah Kebangsaan

Di Sekolah Rendah, UPSR menjadi pengukur paling mampan di SK untuk menilai pencapaian murid peringkat sekolah rendah. Kejayaan cemerlang dalam UPSR dijadikan ransangan kepada murid dan ibubapa di Sekolah Rendah. Malahan UPSR telah menarik perhatian untuk membuat program membantu P&P di sekolah.

Guru besar menyedari murid di SK perlukan kegemilangan dalam pencapaian akademik akan menjamin kejayaan dalam kehidupan (Robiah 1998). Othman Alhabshi (2001) turut menekankan bahawa kegemilangan dalam akademik ini akan menentukan kemampuan mereka untuk bersaing di masa akan datang. Kecemerlangan pencapaian akademik (PA) individu yang berterusan dilihat sebagai penentu kemampuan menghadapi persaingan secara terbuka diperingkat awal pendidikan rendah.

Sebaliknya Abdul Shukor (1991) dan Sharifah Md Nor (2000) pula mengakui sehingga hari ini PA merupakan sistem yang menjadi kayu ukur bertujuan menentukan kegemilangan sesebuah sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia dan masyarakat secara umumnya menjadikan kecemerlangan

peperiksaan sebagai piawai. Justeru itu Jemaah Nazir (JN 1999) pula menyimpulkan kegagalan mencapai kecemerlangan bermakna sesebuah sekolah itu tidak cemerlang. Kesilapan tanggapan masyarakat yang menentukan kecemerlangan sesebuah SK hari ini dengan membuat penilaian hanya melalui kegemilangan PA muridnya (Zairiha 2007).

Pirelli Scorpion (2008) sebaliknya berpendapat pengwujudan Sekolah Elit di dalam sistem pendidikan diantaranya telah mengiktiraf PA yang tinggi agar diberikan peluang lebih besar kepada murid untuk bersaing. Menurut Abdul Shukur (1991) Kementerian Pelajaran Malaysia mula melupakan bahawa orang Melayu adalah sebuah bangsa yang kurang daya saing. Mereka sering gagal dalam apa jua bentuk persaingan terbuka. Kecenderungan orang Melayu ialah mencari alternatif baru, membina bidang baru, muncul sebagai wira bidang yang baru (Kim, Chan 2005). Guru besar, guru dan masyarakat Melayu mudah beralah dalam pendidikan, dalam mengusahakan kegemilangan pendidikan dan menyerahkan kepada kebijaksanaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Daya saing dan keupayaan murid menghadapi persaingan sangat diperlukan dalam sistem sekolah sekarang terutama untuk murid menghadapi persaingan terbuka. Walau bagaimana pun hanya dengan pencapaian kurikulum yang tinggi akan menjadikan murid yang kaku tanpa perasaan tidak sesuai menjadi pemimpin akan datang (Abdul Shukor 1991).

Persaingan PA telah dicadangkan, dipersetujui dan diterimapakai sejak awal sebagai kaedah paling mampan melihat persaingan dikalangan murid. Sharifah (2000) mengulas kaedah peperiksaan digunakan bertujuan menilai dan mengukur keupayaan daya saing murid. Hasil ujian dan peperiksaan yang dibuat memberikan gambaran keupayaan seseorang murid hanya berdasarkan akademik. Kepercayaan inilah yang membudayakan sekolah terus menekankan pencapaian kualiti dalam peperiksaan. Namun SK gagal dalam persaingan itu (Yahya Don, 2007).

Walaupun pelbagai pandangan telah dikemukakan, amalan sistem pendidikan di Malaysia masih berkeyakinan dan menghalalkan persaingan PA. Amalan ini telah terbukti dan berjaya melahirkan insan berkebolehan tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Menurut Sharifah Alwiyah (1988), sistem ini dapat menghasilkan kemajuan dan daya saing di kalangan murid. Namun kekusaran yang melanda ialah sejauh manakah kemampuan orang Melayu bersaing untuk mengelakkan penindasan pada masa akan datang.

Kementerian Pelajaran Malaysia setiap tahun merungut kerana masih wujud keciciran tegar yang besar sehingga mencapai ribuan orang murid di SK (Hishamuddin 2006). Ini bermakna ramai murid yang tidak terbela. Kejadian sebegini masih berlaku sama ada di bandar mahupun luar bandar sehingga ke hari ini. Pelbagai langkah, strategi dan peruntukkan diberikan namun ia terus bertambah saban tahun.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2004) pula, menyatakan keputusan semua peperiksaan awam di sekolah telah dijadikan indeks mencirikan sesebuah sekolah sebagai sekolah berkesan, sekolah daif atau sekolah kluster. Mohd Salleh (2000) menyimpulkan persaingan berlaku melalui perbandingan analisis peperiksaan setiap tahun. Dalam membandingkan analisis peperiksaan tersebut SK perlu meningkatkan kualiti dan strategi pengajarannya.

Pelbagai usaha kemudiannya telah dilakukan untuk menjadikan SK sebuah institusi mampan dalam masyarakat majmuk negara kita. Dari sebelum merdeka sehingga ke hari ini pelbagai akta, ordinan dan penyata telah diperkenalkan untuk membugarkan kembali fungsi dan peranan SK. Berikutan dengan perkembangan itu KPM memperkenalkan pelbagai jenama untuk sistem pendidikan rendah di Malaysia. Contohnya sekolah berkesan, sekolah wawasan, sekolah bestari dan sekolah kluster. Langkah sebegini agar menjadikan SK lebih berdaya saing. Akhirnya semua sekolah bersaing untuk memahkotakan diri sebagai sekolah yang berjenama. Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (1995) dalam Rangka Rancangan Pembangunan Pendidikan Negeri Selangor (RRPPS) yang menekankan 'zero defect' menjelang 2000 tidak terlaksana. Mampukah bangsa Melayu mengharungi gelombang itu?

Jemaah Nazir (1999), menegaskan bahawa semua asas penjenamaan sekolah adalah dilihat berdasarkan PA, perkembangan sahsiah murid, kegiatan kokurikulum, komunikasi guru, iklim pembelajaran sekolah, kepimpinan dan kemudahan infrastruktur di sekolah. Kriteria ini dilihat terus mempengaruhi iklim

pembelajaran murid di SK dari dahulu hingga ke hari ini. Namun ternyata SK tidak mungkin mencapai tahap tersebut.

1.4 Latarbelakang Keperluan Pendidikan Negeri Selangor

Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang padat dan paling maju di Malaysia sejak selepas 1970. Selangor telah menghadapi perkembangan yang sangat pesat, keadaan yang serupa turut dirasai di SK di negeri ini. Sependapat dengan itu Zainal (1996) juga menjelaskan peningkatan dan penurunan PA di sekolah banyak bergantung kepada keupayaan murid, kebolehan guru dan kemudahan prasarana sekolah. Menurut Ibrahim (2001) yang menyatakan pandangan perkembangan SK lebih signifikan berbanding sekolah SRJK Cina dan SRJK Tamil. Perkembangan ini kerana SK sering mengalami perubahan bilangan murid yang mendadak dan peningkatan serta penurunan pencapaian akademik tahunan di SK yang tidak stabil.

Negeri Selangor telah diistiharkan sebagai sebuah negeri maju tahun 2005. Ternyata sehingga kini Selangor juga telah berjaya memperlihatkan sebagai diantara negeri terpesat dalam pelbagai bidang di Malaysia. Malah di negeri inilah kita menyaksikan perkembangan pesat pelbagai institusi pendidikan di Malaysia. Negeri Selangor dibahagikan kepada sembilan daerah yang terdiri daripada Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Petaling, Klang dan Sepang.

Jadual 1.3

Maklumat Kependudukan Negeri Selangor Berbanding Daerah Petaling Tahun 2007

Bil	Maklumat Umum	Penduduk (juta)	Keluasan perhektar
1	Selangor	5.94	796,432
2	Petaling	1.04	48,432

Sumber: Biro Tataneegara, (2008).

Secara keseluruhannya Selangor mempunyai keluasan 796,084 hektar dengan penduduk seramai 4.75 juta orang. Ini menjadikan Selangor mempunyai kepadatan 5.94 orang perhektar. Kepadatan ini menggambarkan keperluan yang mendesak dalam menghadapi masalah pendidikan berbanding negeri lain.

Berbanding Daerah Petaling pula dengan keluasan 48,432 hektar dengan penduduknya seramai 1.04 juta orang. Kepadatan ini menjadikan daerah Petaling paling padat di Malaysia iaitu 29.29 orang pehektar. Ini menggambarkan daerah Petaling sebagai tumpuan dan terpaksa menampung keperluan pendidikan di Lembah Klang. Kepadatan ini memerlukan kos yang tinggi untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkesan untuk penduduknya.

Statistik terkini (November 2007) menunjukkan terdapat seramai 525,298 murid belajar di SK di negeri Selangor, terdapat 142,570 orang di Petaling. Mereka berada di 134 buah SK pada tahun satu 2008. Pada tahun 2008 juga sebanyak 644 buah prasekolah telah beroperasi di seluruh Selangor untuk memenuhi keperluan pendidikan awal.

Namun Biro Tata Negara BTN (2004) turut menyatakan perkembangan kegemilangan pendidikan peringkat rendah di kalangan masyarakat Melayu di bandar khususnya di Petaling Jaya, Shah Alam masih belum mampu dibanggakan lagi. Ini kerana kadar PA di kalangan murid Melayu masih kecil. Walaupun setiap tahun puluhan ribu murid telah berjaya mencapai 5A dalam UPSR, namun bilangan pencapaian kegemilangan murid Melayu masih kecil.

Rosenthal (1992) menegaskan sebarang kegagalan ini akan mencorak masa depan pewaris bangsa Melayu dalam mendominasi apa jua perjuangan di masa depan. Isahak (2001) menegaskan jika di peringkat SK kita masih gagal menyemai kegemilangan bagaimana akan kita harapkan di peringkat lebih tinggi yang semakin mencabar dan meruncing

Kecenderungan sesetengah ibu bapa yang bersifat melampau dalam mengadaptasi agama Islam juga telah dijadikan alasan untuk meminggirkan SK. Zulaida (2006) dan Zulkifli (1998) pula menekankan para guru besar perlu bertindak bijak dalam menerima dan mengadaptasi idea dalam usaha mengimarahkan nilai sejagat.

Menurut Fagerlind dan Saha (1993) melihat fenomena ini sebagai cabaran bangsa yang tidak berkesudahan. Wan Zahid (1987) mengingatkan kita, mampukah program sedia ada digarab untuk menangani semua persoalan itu atau ia akan terus menghantui pemikiran dan minda kita sampai bila-bila.

Abdul Rahman Arshad (1989) pula menekankan dalam ucapannya: "Kalau kita hendak menebus mutu pendidikan negara ini, yang paling penting bukan di sekolah menengah. Apa sebabnya?" Bagi beliau beberapa keadaan di sekolah-sekolah rendah memerlukan 'perubahan' dan 'pembangunan' yang amat mendesak jika 'keberkesanan' sekolah sekaligus mutu pendidikan dan pencapaian para pelajar hendak dipertingkatkan. Keadaan-keadaan yang beliau sebutkan ialah: Satu perbincangan mengenai kerjasama untuk menghasilkan pencapaian cemerlang di SK perlu dilaksanakan. Inilah keutamaan untuk meningkatkan profesionalisme guru di SK. Majlis Guru Besar MGB perlu mempunyai pasukan guru yang pakar dalam menilai, mencadangkan dari segi kesesuaian buku teks dan sistem di sekolah. Mengajar guru, kaedah-kaedah yang digunakan, keperluan infrastruktur SK. Oleh kerana tahap akademik juga rendah, maka profesionalismenya juga rendah, setiakawan di SK juga rendah. Sekolah-sekolah itu kecil; oleh itu kaitan dan perhubungan masyarakatnya dari segi membangunkan fikiran hampir tidak ada. Terdapat guru-guru di sekolah rendah yang kurang mendapat latihan dalam perkhidmatan. MGB hendak dibangunkan secaras lebih luas, jangan jadi satu badan yang "keraian sahaja"; badan yang bertemu hanya untuk melantik jawatankuasa, Suasana di SK dari segi persekitarannya tidak begitu menggalakkan.

Langkah segera yang diperkenalkan oleh KPM dengan memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan pada (2006), Memperkasakan SK menjadi satu usaha baru dalam usaha membina SK lonjakan saujana. Menurut Ibrahim (2001) jika kita menuding jari ke arah sistem pendidikan yang rigid atau

melontarkan persoalan sikap manusia sebagai kaedah melepaskan tanggungjawab diri. Jika kita meneliti segala persoalan itu, berbagai punca akan kita temui. Sebaliknya Sharifah (2000) tetap menegaskan persoalan dalaman serta keupayaan pengurusan sekolah akan lebih mendominasi persoalan itu.

Abdul Shukor (1999) pula menegaskan jika murid yang datang ke sekolah dengan harapan menggunung untuk satu perubahan tetapi guru besar gagal menggunakan kesempatan itu untuk merancang pendidikan yang terbaik. Isahak (2001) dan John Bratton (2003) bersetuju jika guru besar yang lalai dalam membina kumpulan kerja untuk menentang kejahilan dan membiarkan sekolahnya hanya mengikuti kehendak rutin yang akhirnya mengagalkan keseluruhan misi pendidikan bangsanya.

Hishamuddin (2006) konsep sekolah Kluster: “Sebanyak 300 buah sekolah cemerlang bakal diangkat statusnya menjadi sekolah kluster yang akan ditadbir mirip sebuah sekolah swasta pada tahun ini, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein. Sekolah kluster yang akan membuka lembaran baru sistem persekolahan negara mempunyai kuasa autonomi dari segi pentadbiran, kewangan, pemilihan guru dan pelajar, kurikulum, kokurikulum, pengajaran dan pembelajaran, yuran serta penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), kata beliau, masih tetap di bawah bidang kuasa KPM.” Sumber: Utusan Malaysia, (bertarikh 1 Mei 2006).

Ini bermakna definisi sekolah lonjakan saujana perlu dibugarkan kembali. Ciri-ciri lonjakan saujana juga perlu diperjelaskan secara terperinci. Berdasarkan beberapa Model Sekolah lonjakan saujana hanya diambil berdasarkan peningkatan akademik PA dan kokurikulum. Keupayaan guru besar sebagai pengurus merancang dan melaksanakan perancangan tadbirurus yang baik perlu dilihat sebagai faktor yang menentukan kekuatan sekolah (Abdul Shukor 1999). Sekolah perlu dilihat sebagai satu komuniti yang memerlukan pengurusan yang kukuh dan mampan. Tambahan pula menurut John West (1998) usaha berterusan guru besar mempromosikan sekolah menjadi daya tarikan ibu bapa. Pemimpin tidak boleh memajukan sekolah hanya berdasarkan keceriaan sekolah sahaja. Kothler (2000) pula menyatakan usaha perlu disandarkan kepada keupayaan sekolah mencapai kejayaan gemilang dalam akademik, menyediakan prasarana mencukupi, sesuai serta terkini untuk merangsang pembelajaran murid. Setiap usaha dilakukan mendapat kerjasama guru melaksanakan pengajaran secara kolektif untuk kegemilangan akademik.

Kemampuan guru besar meyakinkan guru dalam tugas hariannya perlu dalam usaha membina semangat setiakawan. Menurut Johnson (2000) menerangkan keyakinan dan kepercayaan guru ini membuka ruang sokongan PIBG dalam usaha membina imej sekolah kebangsaan. Didalam usaha menjadikan sekolah sebagai sebuah institusi masyarakat yang diyakini dan dipercayai. Menurut Abdullah (2006) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai tugas dan tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan generasi muda negara akan menjadi modal insan yang berwibawa,

berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan. Sentuhan orang pertama negara ini menjelaskan SK tidak boleh menanti tetapi bertindak membina imej baru.

Menurut Abdullah (2006), SK wajar menjadi ikon pendidikan global yang mampu bersaing dan sentiasa mendepani kepincangan sikap dan budaya tempang Melayu. Untuk menjadi sekolah yang diyakini dan diterima semua keturunan adalah penting. Program SK lonjakan saujana dilaksanakan di sekolah. Mengikis prasangka buruk yang melebelkan SK sekadar untuk orang Melayu dan tidak produktif.

Asas kejayaan tradisional SK perlu diubah kepada lonjakan saujana, agar diyakini dan menjadi tumpuan seluruh masyarakat setempat. Menurut Wina (2007), minda orang Melayu yang mengisi SK perlu perubahan. Laporan Toledo (2007) pula memaklumkan perubahan kerjasama, sokongan, dorongan, persaingan bukan budaya peminta sedekah, mengharapkan bantuan kepada penyumbang dan pencabar.

Laporan "*High expectations of all learners*" (2007) menyatakan untuk menjadi bangsa yang dihormati kita perlu membina budaya mempercayai orang lain, sentiasa berusaha memperbaiki nilai kehidupan dan meningkatkan hubungan yang cemerlang. Menghargai kejayaan orang lain pada hari ini untuk kita mengambil contoh dan membina kegemilangan hari esok tegas (Ron Kurtus 2007).

In any dealing with another person, you should seek a solution in which you both win something. This is called a win-win situation, where you both reach a mutually beneficial transaction. Don't try to beat the other person into the ground and win everything.

Mahathir (1994) m.s102

Sebaliknya Ibrahim (2001), mengingatkan peranan pemimpin di sekolah ialah membina budaya dan iklim pembelajaran untuk kemandirian bangsa. Walau bagaimana pun Abdullah (2006), menegaskan bahawa peranan pemimpin ialah mengekalkan kuasa, menyalurkan peruntukan, melindungi hak yang ada dan menjadi penghubung yang berkesan.

Justeru itu lonjakan saujana di SK perlu menjadi agenda utama perancangan strategik di masa akan datang. Seluruh pemimpin Melayu, komuniti masyarakat termasuk ibu bapa, guru, murid dan guru besar perlu mengembeleng tenaga membina sekolah yang gemilang, John Simmons (1980). Menyokong pendapat tersebut Mahathir (1970), menyatakan jika semua pihak mengambil tanggungjawab, peranan masing-masing dan berusaha terus serta memandang ke hadapan bukan sahaja SK yang berjaya tetapi bangsa Melayu akan dihormati dan Malaysia menjadi bangsa terbilang.

1.5 Pernyataan Masalah

Menurut Abdullah (2006), kesedaran masyarakat tentang pentingnya pendidikan dapat dilihat melalui keperihatinan ibu bapa yang mahu mendaftarkan anak

mereka sama ada di sekolah rendah atau menengah. Kecenderungan para ibu bapa memilih hanya sekolah yang terbukti berkualiti, berkesan, mempunyai sejarah kecemerlangan dan disiplin murid yang terkawal. Mereka beranggapan jika anaknya belajar di sekolah yang baik maka kemungkinan anak mereka mendapat keputusan yang cemerlang adalah cerah.

Menurut Abd Razak (1996), dalam sebuah artikel bertajuk "Apakah Pembestarian Sekolah?" mengulas bahawa masyarakat Melayu semakin sedar keperluan pendidikan anak mereka di masa akan datang. Mereka melihat keperluan dan cabaran yang semakin besar perlu ditempuhi, tanpa persiapan pendidikan awal, pasti mereka gagal. Ini bermakna masalah disiplin murid semakin membimbangkan ibu bapa. Buli, peras ugut dan keganasan semakin tidak terkawal. Kejadian sebegini membimbangkan ibubapa terutamanya bukan melayu di SK.

Sebaliknya menurut Muhamad Khir (2004), masalah penempatan semula penduduk setinggan di kawasan perumahan rumah pangsa kos rendah sering tidak disertakan dengan pembangunan SK berhampiran. Ini menimbulkan kesulitan yang besar yang menyebabkan ibu bapa terpaksa memindahkan anak-anak mereka ke kampung atau memberhentikan anak mereka dari sistem persekolahan.

Menurut Azhad (2008) kini bilangan murid SK di bandar semakin padat. Ibu bapa resah anak mereka gagal mendapat perhatian guru semasa P&P

berlangsung. Kegagalan tumpuan ini menyebabkan keciciran serius murid SK. Disamping itu, menurut Osman Awang (2006) menjelaskan orang Melayu hari ini sangat menyedari untuk memastikan peluang pendidikan yang mampan memerlukan modal besar, komitmen dan dorongan berterusan keluarga dan kerajaan. Harapan masyarakat kepada sekolah kebangsaan semakin mendesak, mereka mahu kepastian untuk anak mereka berjaya dengan cemerlang. Ini bermakna semua SK perlu menyediakan produk yang mampan dan berkesan. Sekolah Kebangsaan diharap mampu menunjukkan kejayaan cemerlang yang berterusan. Kegagalan mencipta kegemilangan akan menjadi asas penolakan dan kritikan kepada SK di masa akan datang.

Menurut Mohd. Salleh Lebar (2000), orang Melayu sering bertanya apakah permasalahan sebenar, sehingga SK masih kurang cemerlang. Adakah kerana berlaku kekurangan murid bukan Melayu di SK. Adakah kerana ibu bapa tidak memberikan keyakinan kepada guru-guru. Adakah masih wujud prasangka buruk ibubapa kepada kepimpinan di sekolah pada hari ini. Adakah ibubapa juga menganggap menyediakan keperluan pendidikan tanggungjawab mutlak pihak kerajaan semata-mata. Mengapa masih lagi berlaku pembangunan di SK masih terlalu lambat. Adakah guru-guru masih takut bertindak kepada permasalahan P&P. Atau benarkah berlaku kekurangan infrastruktur yang serius di sekolah kebangsaan sekarang. Persoalan adakah JPN dan PPD gagal memainkan peranan atau berfungsi untuk membantu SK. Persoalan terus berlegar kemungkinan berlaku kekurangan kewangan untuk pembinaan modal insan di sekolah. Jika itu benar bagaimanakah sokongan ibubapa di sekolah kebangsaan kini.

Masalah ini menyebabkan gangguan dalam pengajaran dan pengurusan SK. Sofean (1998) berpendapat kecuai dalam memberikan latihan juga memberi kesan kepada kualiti P&P di kelas. JPN dan PPD masih gagal membendung pelaksanaan aktiviti sukan di luar waktu persekolahan yang melibatkan murid dan guru.

Sebaliknya menurut Abd Razak (1996) murid di SK diarah melibatkan diri dalam berbagai aktiviti Hari Kebangsaan, menyambut lawatan orang kenamaan sedangkan murid di SRJK Cina dan SRJK Tamil terus tekun belajar tanpa gangguan di sekolah. Kecemerlangan SK sukar dicapai kerana JPN dan PPD gagal memainkan peranan yang adil. Satu mekanisma baru perlu ditangani agar masalah ini tidak berlarutan dan guru besar terus dipersalahkan.

Menurut Muhamad Khir (2006) pula mengingatkan masalah yang dihadapi di kebanyakan SK di seluruh negara pada hari ini ialah ibu bapa Melayu gagal mengambil tanggungjawab, hanya mengharapkan sekolah, ibu bapa tidak menyumbang pembangunan sekolah, ibu bapa enggan terlibat dalam pembangunan minda murid. Mereka meletakkan tanggungjawab kepada tangan guru semata-mata. Ibu bapa Melayu hanya bertindak membuat aduan, menyalahkan orang lain tanpa memikirkan peranan dan sumbangan mereka,

"Ibu bapa di sekolah kebangsaan sering mengkritik, membuat tuduhan liar kepada pihak sekolah tetapi tidak pernah tampil membantu mengawal pembelajaran anak di rumah, menyediakan kemudahan pembelajaran atau menyediakan pembelajaran tambahan."

Petikan laporan Sekolah Wawasan (2008) ms 12.

Masalah pengurusan SK yang masih berdepan dengan isu kekurangan guru, kekurangan kakitangan, keadaan fizikal yang daif serta perubahan dasar yang terlalu kerap menyebabkan guru-guru gagal membuat pembaharuan. Menurut laporan Sekolah (2007) masalah kekurangan guru semakin ketara kerana ramai guru yang dipinjamkan ke JPN dan PPD tetapi gagal diganti, tenaga guru tidak digunakan sepenuhnya mengajar di sekolah. Jabatan Pelajaran Negeri dan PPD pula hanya menumpukan pengambilan guru untuk berkhidmat di JPN dan PPD daripada SK sahaja. Keadaan ini menyebabkan masalah kekurangan guru semakin serius, akibatnya SK kurang kepakaran, sukar untuk mencapai kecemerlangan, tidak berdaya saing dan tidak diminati. Jemaah Nazir pula hanya datang membuat pemeriksaan, memantau dan melapor hanya apabila wujud aduan. Walau bagaimana pun Jemaah Nazir belum pernah menegur sikap pegawai JPN dan PPD yang mengganggu serta mengabaikan pemantauan P&P. Justeru itu kajian ini menjadi semakin penting agar keperluan dan masalah SK dapat diatasi.

Muhamad Khir (2006) turut menjelaskan bahawa kegagalan guru besar untuk membina kegemilangan melalui kerjasama guru, sikap setiakawan akan menjadikan SK terus menghadapi masalah keyakinan. Kos meningkatkan kemudahan prasarana, memberikan latihan untuk peningkatan kepimpinan guru besar semakin bertambah. Mohd. Salleh (2000) sebaliknya berpendapat pengurusan sekolah wajar mendapat sokongan PIBG serta pembinaan iklim belajar di sekolah yang kondusif, bertujuan meningkatkan keseronokan bekerja dikalangan guru dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab perlu dikemaskini.

Zulkifli (1998) juga memberitahu bahawa kegagalan guru besar dalam usaha meningkatkan prestasi sekolah, dengan memperhebatkan kerjasama di kalangan guru akan mengurangkan sokongan ibu bapa kepada sekolah. Sebaliknya menurut Ibrahim (2001) menjelaskan wujud budaya tempang yang terus berlaku di kalangan masyarakat Melayu di bandar. Jika mereka sekadar mengharapkan bantuan kerajaan, mereka akan merosakkan usaha memperbaiki iklim pembelajaran SK. Menurut Md. Hasidin (1996), gangguan ini akan menafikan usaha guru, kelewatan pelaburan menambahkan infrastruktur hanya akan mengagalkan usaha mempromosikan dan memperkasa SK.

Mahathir (2001), Ron Kurkus (2005) dan Diogenes Laertius (2007) pula sependapat untuk memberikan pendidikan terbaik disesebuah negara mesti bermula dari kanak-kanak. Pendapat ini menyebabkan Guru besar di SK berada dalam situasi serba salah. Kegagalan pelaksanaan dasar JPN dan PPD mengakibatkan kemerosotan pencapaian SK. Teguran dan pandangan guru besar tidak diendahkan oleh JPN. Apa pun persoalan dasar di SK hanya dirasai guru dan murid SK sahaja.

Ini bermakna kesedaran terhadap kepincangan SK telah bermula sejak 1989. Walau bagaimana pun jentera di peringkat JPN, JN dan PPK secara jelas gagal berfungsi secara berkesan dan sistematik. Di JPN sehingga hari ini mereka masih bertelagah mengenai tempoh sesuatu lonjakan saujana yang mampu dilakukan. Walaupun di Malaysia masih belum wujud sekolah lonjakan saujana yang menepati ciri yang dikehendaki. Walau bagaimana pun SMK Labis (2008)

telah dinobatkan sebagai sekolah Cemerlang Negara 2007 Kategori Lonjakan Saujana yang pertama.

Persaingan pendidikan di Malaysia bermula sekitar 1991 apabila Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) waktu itu mengumumkan program "*Back to basic*". Beberapa kajian tidak langsung juga dibuat Hussein (1993), Abdul Shukor (1998), Muhamad Salleh (2000), Abu Bakar (2003), Edaris (2004) dan Cik Zulaida (2007). Mereka sependapat apabila mendapati SK pada waktu itu perlu perubahan kerana SK terus gagal mendapat keyakinan masyarakat bukan Melayu. Perubahan ini lebih ketara di bandar apabila masyarakat Melayu lebih terbuka dan menerima pendidikan dengan fikiran terbuka.

Sebaliknya Zulaida (2006) memberitahu SK dan pengurusan sekolah tidak menumpukan kepada lonjakan saujana, mereka lebih menumpukan kepada keceriaan sekolah, pencapaian akademik dan kokurikulum di sekolah. Tumpuan pula dilakukan secara berasingan sehingga wujud kecenderungan menumpukan pada bidang tertentu sahaja. Lonjakan saujana di SK sepatutnya dilakukan seiring untuk membina insan kamil sebagai satu modal insan mampan yang mantap. Justeru itu pendefinisian baru perlu bagaimana lonjakan saujana perlu dilakukan. SK perlu berusaha membina keyakinan melalui paduan peningkatan kurikulum, kokurikulum, infrastruktur, hubungan masyarakat, iklim serta kepimpinan sekolah. Menurut Ibrahim (2001) pula mengingatkan kehendak masyarakat ini agar SK mengupaya tenaga professional guru menghasilkan produk yang

berkualiti dalam perkhidmatan sehariannya. Mereka mahu anak mereka lebih gemilang dalam pelajaran.

Di SK hari ini masih kedapatan guru-guru yang kurang komitmen dalam tugas seharian, "*Purposeful teaching*" (2007) melaporkan sikap ini mampu menjejaskan kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan. Walaupun ramai di kalangan guru ini masih muda dan kekurangan pengalaman dan pendedahan dalam tugas seharian, keadaan begini sangat membimbangkan ibu bapa. Terdapat juga guru yang berada di zon selesa yang kurang mengambil berat pencapaian sekolah dan murid.

Laporan *School for champions* (2008) pula memberitahu terdapat juga guru yang gagal menunjukkan kualiti pengajaran yang diharapkan sehingga telah menimbulkan keadaan kurang senang ibu bapa. Sagaladoola (2007) pula menyatakan pendapat yang menegaskan ibu bapa bukan Melayu enggan menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Kualiti pengajaran ini menyebabkan sekolah kurang menyerlah dan gagal melakukan lonjakan saujana.

Kajian ini sangat penting untuk menentukan kerjasama guru menjadi faktor penentu melakukan lonjakan saujana di SK. Kajian pihak Educators (2007) pula melaporkan bahawa kecemerlangan murid di sekolah menjadi indeks keutamaan pilihan ibu bapa di bandar masa kini. Sekolah Kebangsaan berprestasi tinggi diyakini ibu bapa sebagai tempat menimba ilmu yang terjamin berkualiti, selamat, selesa dan kondusif. Sekolah Kebangsaan juga mendapat perhatian serta

bimbingan yang baik dari JN untuk mengekalkan potensi sebagai sekolah berdaya saing dan sekolah berkesan.

Kajian ini dapat menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi lonjakan saujana di SK di daerah Lembah Klang. Akhirnya mampu untuk menjelaskan faktor-faktor pesaing, yang menyebabkan SK kurang mampan dalam persaingan global. Kajian mengenai keperluan kemudahan infrastruktur telah banyak dilakukan tetapi masih gagal dimanfaatkan untuk meningkatkan kecemerlangan pencapaian akademik SK. Adalah menjadi tanggungjawab para guru membuat cadangan baru untuk menjadi rujukan agensi lain demi kemajuan negara.

Pembinaan semangat setiakawan walaupun diketahui penting tetapi tidak diberikan keutamaan di SK. Menurut Sagaladoola (2007) semangat setiakawan ini menjadi teras perkhidmatan di SRJK Cina selama ini sehingga mencambahkan kejayaan yang berterusan. Menurut Rosnah Ahmad (2005) pula yang menyeru agar kajian mengenainya perlu dilakukan untuk menyedarkan kembali pemimpin SK untuk mengembalikan keyakinan ibubapa di masa akan datang.

Apa yang ingin dilakukan di dalam kajian ini akan mempertingkatkan kualiti kepimpinan guru besar di SK. Lonjakan saujana yang bakal diciptakan akan menghindari sekolah daripada masalah keciciran, kemerosotan pencapaian akademik, membuka kembali SK kepada kaum lain dan ketidakyakinan ibubapa kepada SK selama ini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini berperanan mengubah amalan di SK. Guru dan guru besar perlu menjalankan kerjasama, memupuk semangat setiakawan supaya terjalin pasukan kerja yang mampan.

Pandangan, dapatan dan cadangan kajian ini sangat perlu sebagai sebagai perbandingan sebelum sesuatu keputusan mampu diambil secara menyeluruh khususnya ketika membuat cadangan merombak dasar pelajaran. Amalan hari ini ialah perubahan dasar pelajaran tidak pernah dibincang secara khusus tetapi sekadar arahan seorang menteri. Panduan hasil kajian ini akan membimbing bagaimana tindakan guru besar untuk membina sekolah melakukan lonjakan saujana berdasarkan kehendak dan harapan ibu bapa. Berdasarkan faktor kajian yang dipaparkan, faktor yang manakah lebih dominan terhadap keupayaan guru besar mengurus sekolah mereka.

1.7 Objektif Kajian

Objektif kajian ini untuk mengenalpasti permasalahan yang dihadapi di SK untuk membina lonjakan saujana. Di samping membina keyakinan guru besar melakukan lonjakan saujana di SK sebagai dorongan usaha memperkasa sekolah.

1.7.1 Menentukan hubungan di antara kerjasama guru dan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana.

- 1.7.2 Menentukan hubungan di antara kemudahan infrastruktur di sekolah dengan lonjakan saujana.
- 1.7.3 Menentukan hubungan di antara ciri-ciri semangat setiakawan antara guru-guru besar dengan lonjakan saujana.
- 1.7.4 Menentukan hubungan di antara ciri-ciri sokongan PIBG kepada sekolah dengan lonjakan saujana.
- 1.7.5 Menentukan hubungan di antara ciri-ciri kepimpinan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana.
- 1.7.6 Menentukan hubungan di antara ciri-ciri iklim pembelajaran dengan lonjakan saujana.

1.8 Persoalan kajian

Pelbagai persoalan kajian yang perlu dipaparkan tetapi tumpuan hanya diberikan kepada beberapa persoalan pokok. Persoalan tersebut meliputi berbagai pekara yang berhubung kait. Bersesuaian dengan rumusan permasalahan kajian dan objektif kajian ini maka dirumuskan persoalan kajian ini adalah;

- 1.8.1 Apakah wujud hubungan di antara kerjasama guru dan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana?
- 1.8.2 Apakah wujud hubungan di antara kemudahan infrastruktur di sekolah dengan lonjakan saujana?

- 1.8.3 Apakah wujud hubungan di antara semangat setiakawan antara guru dan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana?
- 1.8.4 Apakah wujud hubungan di antara sokongan PIBG di sekolah dengan lonjakan saujana?
- 1.8.5 Apakah wujud hubungan di antara kepimpinan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana?
- 1.8.6 Apakah wujud hubungan di antara iklim pembelajaran di sekolah dengan lonjakan saujana?

1.9 Hipotesis Kajian

Hipotesis dalam kajian ini untuk menentukan;

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kerjasama guru dan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana.
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemudahan infrastruktur di sekolah dengan lonjakan saujana.
- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara semangat setiakawan disekolah dengan lonjakan saujana.
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan PIBG di sekolah dengan lonjakan saujana .
- Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kepimpinan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana.

Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara iklim pembelajaran di sekolah dengan lonjakan saujana.

1.10 Kerangka Teoritikal

Rajah 1.1 di bawah adalah ringkasan korolasi diantara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini merupakan matlamat kajian lonjakan saujana. Pembolehubah bebas pula adalah hubungan kerjasama guru dan guru besar, kemudahan infrastruktur yang disediakan, semangat setiakawan diantara guru dan guru besar, sokongan PIBG kepada sekolah, gaya kepimpinan guru besar di sekolah dan iklim pembelajaran di sekolah. Pembolehubah bebas merupakan rumusan teori yang dikemukakan oleh Napoleon Hill (1928), Robert Schuller (1963), Wayne(1976),. Fred (1983), Earl Nightingate (2002), Brian Tracy (2003), Robbins(2003) dan Zag Zigar(2006). Pembolehubah bebas dinyatakan dalam kerangka teoritikal sebagaimana di dalam Rajah 1.1:

PEMBOLEH UBAH

PEMBOLEHUBAH

BEBAS

BERSANDAR

KERJASAMA GURU
& GURU BESAR



Rajah 1.1

Kerangka Teoritikaj kajian SK lonjakan saujana.

1.11 Definisi Istilah

Beberapa definisi khusus diberikan kepada istilah-istilah tertentu yang akan memberikan maksud yang lebih jelas dengan kajian yang dijalankan. Diantara istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.10.1 Dalam kajian ini lonjakan saujana didefinisikan sebagai satu peningkatan dalam pencapaian akademik, pencapaian kokurikulum, pentadbiran, kewangan, melaksanakan program peringkat antarabangsa dan perhubungan masyarakat disesebuah sekolah. Untuk menyeragamkan proses lonjakan saujana syarat ini

perlu dipatuhi; (a). Menentukan lonjakan saujana sebuah SK di Lembah Klang, (b). Menentukan guru besar sekolah lonjakan saujana, (c). Menentukan infrastruktur sekolah lonjakan saujana, (d). Menentukan setiakawan sekolah lonjakan saujana, (e). Menentukan PIBG sekolah lonjakan saujana (f). Menentukan kepimpinan sekolah lonjakan saujana dan (g). Menentukan iklim sekolah lonjakan saujana.

Dalam konteks ini sekolah lonjakan saujana didefinisikan sebagai Sekolah yang pencapaian akademiknya mencapai lebih 70% setahun selama tiga tahun berturut-turut. Pencapaian kokurikulumnya pula sekurang-kurangnya pingat perak di peringkat daerah. Sekolah ini pula mempunyai asas kerjasama, semangat setiakawan serta sokongan diantara guru, guru besar dan PIBG yang erat. Kepimpinan sekolah berusaha meningkatkan infrastruktur untuk meningkatkan pencapaian akademik muridnya.

1.10.2 Sekolah Kebangsaan pula didefinisikan sebagai Sekolah Rendah yang dibiayai kerajaan dan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar resminya. SK merupakan SR yang banyak dibina di merata tempat di Malaysia.

1.10.3 SRJK pula adalah Sekolah Rendah yang menggunakan Bahasa Cina atau Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. SRJK merupakan salah satu jenis SR yang diperakui undang-undang. Dari tahun 1995 hingga 2000, pengagihan Rancangan Malaysia RM Ketujuh membahagikan 96.5% kepada SK yang hanya mempunyai 75% daripada pelajar SR. SRJK Cina (21% daripada pelajar sekolah

rendah) mendapat 2.4% daripada pengagihan manakala SRJK Tamil (3.6% daripada pelajar SR) mendapat 1% daripada pengagihan.

1.10.4 Sekolah Kebangsaan di Lembah Klang adalah sekolah-sekolah kebangsaan SK, Sekolah Rendah Kebangsaan SRK yang terletak di daerah Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak. Sekolah tersebut termasuk Sekolah Wawasan, Sekolah Bestari dan Sekolah Harapan Negara.

1.10.5 Persatuan Ibu Bapa dan Guru PIBG adalah Persatuan untuk para Ibu Bapa dan Guru di sekolah kerajaan dan perantikannya direstui oleh guru besar sekolah. Dalam kajian ini PIBG didefinisikan sebagai sebuah persatuan yang dianggotai oleh ibu, bapa atau penjaga yang sah kepada murid yang sedang bersekolah di sekolah berkenaan yang berperanan membantu menambahkan kewangan sekolah. PIBG dalam apajua keadaan tidak boleh menjadi perantara diantara guru dan ibu bapa.

1.10.6 Persaingan dalam kajian ini bermaksud berupaya menghasilkan kualiti yang lebih baik atau sama dalam pencapaian akademik dan kegiatan kokurikulum setiap peringkat murid, guru dan sekolah.

1.12 Rumusan

Walaupun lonjakan saujana di SK masih samar, usaha gigih perlu dilakukan agar mempengaruhi keyakinan masyarakat terhadap keupayaan SK. Guru besar dan guru

perlu diberikan kepercayaan dan panduan membina ciri sebuah sekolah lonjakan saujana untuk memastikan SK menjadi sekolah pilihan ibu bapa. Jika SK gagal membina imej baru, ibu bapa terus membuat pilihan sendiri dan tidak mustahil jika SK akan lenyap dan di gantikan dengan Sekolah Swasta (SS). Mampukah masyarakat Melayu menghantar anak mereka ke sekolah di masa akan datang? Ini bermakna kos pendidikan akan meningkat dan taraf kehidupan masyarakat akan terjejas. Saranan serta dapatan kajian ini akan dijadikan wadah mampan kajian-kajian akan datang untuk membina lonjakan saujana di SK. Semoga SK mampu bersaing menghadapi cabaran di peringkat global.



BAB 2

SOROTAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Hishamuddin (2006) menegaskan lonjakan saujana menjadi asas penjenamaan sekolah pada hari ini. Sekolah Bestari, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) hanya dipilih daripada sekolah yang menunjukkan lonjakan saujana. Lonjakan saujana akan menjadi dimensi baru dalam pengurusan pendidikan di masa akan datang. Lonjakan saujana dilihat akan memimpin SK lebih strategik ke arah yang lebih mampan melalui ciri-ciri sebuah SK lonjakan saujana. Usaha gigih sangat diperlukan di sekolah rendah sebagai langkah membudayakan kegemilangan tersebut.

Menurut Edaris Abbu Bakri (2004) dalam usaha mendidik murid, terdapat peperiksaan piawai yang merupakan ciri yang biasa diamalkan bagi negara-negara Asia seperti di Singapura, Cina termasuk Malaysia. Menurut Williams (2000) pula di Amerika Syarikat dan kebanyakan sekolah di negara barat,

sekolah-sekolah rendahnya dipanggil “*elementary schools*”. Kebanyakan kanak-kanak dihantar ke tadika sewaktu berusia lima tahun dan memulakan darjah satu atau “*first grade*” pada usia enam tahun. Di barat tiada sistem SK, yang ada hanyalah SR. Semua sekolah adalah dijalankan oleh kementerian pendidikan negeri masing-masing. Sistem pendidikan di Amerika Syarikat dan Kanada juga dipanggil “K-12” iaitu dari tadika atau “*kindergarten*” hingga ke gred 12 atau “*twelfth grade*” yang bersamaan dengan tingkatan enam di Malaysia.

Perkembangan pendidikan ini semakin tidak diamalkan di Britain. Keutamaan pendidikan di Britain, menumpukan kepada perubahan minda dan perkembangan individu (Williams 2000). Keseragaman semakin tidak diamalkan seperti di Malaysia. Menurut Oustan (1979), Mortimore (1999) dan Rutter (2006) di Britain pada masa kini mereka telah mengenepikan pandangan bahawa setiap sekolah mempunyai pengaruh terhadap pembentukan diri dan modal insan (murid). Daripada kajian-kajian ini beberapa asas ciri SK lonjakan saujana telah mulai dikenalpasti.

Berdasarkan laporan TOLEDO (2007) menyatakan lonjakan saujana di Amerika dikenali sebagai “*Quantum leap*”. Di England pula ia dikenali sebagai “*Momentum leap*”. (USA Nation Today 2008). Perkembangan ini juga berlaku di Indonesia, dikenali sebagai “sekolah unggul” malah di negara lain Sekolah Menengah Umum Titian Teras (2007). Menurut Model “*Toledo Public School (2007)*”, sekolah lonjakan saujana adalah didefinisikan sebagai sekolah yang mencapai peningkatan 5% setahun selama tidak kurang tiga tahun berturut-turut

dalam PA, kokurikulum, mengekalkan disiplin muridnya dan hubungan kemasyarakatan. Berdasarkan definisi Model tersebut bermakna dapatan di dalam kajian ini jelas menunjukkan faktor yang sama boleh diguna pakai. Di Britain dan Amerika, perkembangan sekolah lonjakan saujana hanya berlaku selepas kejayaan Rusia melancarkan roket ke angkasa. Pada waktu itu tumpuan mereka hanya melihat peningkatan kurikulum dan kokurikulum (USA Nation Today 2008).

Di sekitar tahun-tahun 70-an dan 80-an pengkaji seperti Edmonds (1979) dan (Goodlad 1984) mendapati tanpa mengambil kira latar belakang murid di sesetengah sekolah, didapati pencapaian yang berbeda diantara sekolah. Ada sekolah memperlihatkan pencapaian lebih '*berkesan*' atau '*memuaskan*' daripada yang lain. Fenomena ini menarik perhatian tokoh pendidik pada waktu itu.

Walaupun idea lonjakan saujana ini telah mula diperkatakan dalam dunia pendidikan sejak 1965 di Amerika tetapi sehingga hari ini masih belum ada sebuah sekolah pun di Amerika yang benar-benar berjaya diisytiharkan sebagai sebuah sekolah lonjakan saujana. Di Amerika sekolah "*quantum leap*" didasarkan kepada pencapaian kurikulum, kokurikulum, komunikasi dan kepimpinan.

Terdapat juga beberapa kajian lain, laporan (Accountability 2007) bertajuk "*Blueprint for government schools*", (Apakah Pembestarian sekolah 2007), Laporan (ASCD December 2007) bertajuk (*Educational Leadership*,

Effective Schools 2007) bertajuk “*Blueprint for government schools*”, Ekofeum-Jurnal / Demokratisasi pendidikan bertajuk Kajian pada jenjang pendidikan dasar, (April 2005) dan laporan (Mooemoirku, 2007) bertajuk “Guru sebenar guru” telah dijadikan asas dalam kajian ini. Kajian-kajian ini pada asasnya membincangkan mengenai persaingan yang perlu dihadapi dalam mengurus sekolah.

Menurut Murdiyat Moko (2007) mengingatkan peningkatan pencapaian akademik di sekolah, belum cukup menyediakan modal insan berkemahiran untuk perkembangan sebuah negara. Kemampuan untuk melakukan peningkatan yang tinggi penting untuk menggambarkan satu masyarakat yang gemilang dinamakan lonjakan saujana.

Perkembangan serupa juga dirasai di Indonesia, di sana ia dikenali dengan sekolah unggul. Di Indonesia menurut Menurut Murdiyat Moko (1997) lagi sekolah unggul diwujudkan berdasarkan teori pendidikan, psikologi berdasarkan peningkatan bilangan murid yang mempunyai pencapaian luar biasa diletakkan di sekolah yang tertentu. Contoh sekolah unggul di Indonesia Sekolah Menengah Umum Titian Teras, Jambi. Malah Indonesia telah mengubal undang-undang untuk sekolah unggul sejak 1995. Menurut Abdul Rahman Arshad (1989) mengatakan bahawa kalau kita hendak menebus mutu pendidikan negara ini, yang paling penting bukan di sekolah menengah. Apa sebabnya?

Bagi beliau beberapa keadaan di sekolah-sekolah rendah memerlukan 'perubahan' dan 'pembangunan' yang amat mendesak jika 'keberkesanan' sekolah sekaligus mutu pendidikan dan pencapaian para pelajar hendak dipertingkatkan. Keadaan-keadaan yang beliau sebutkan ialah:

- *Satu perbincangan mengenai kerjasama untuk menghasilkan pencapaian cemerlang di SK perlu dilaksanakan. Inilah keutamaan untuk meningkatkan profesionalisme guru di SK.
- * Majlis Guru Besar (MGB) perlu mempunyai pasukan guru yang pakar dalam menilai, mencadangkan dari segi kesesuaian buku teks dan sistem di sekolah.
- *Mengajar guru, kaedah-kaedah yang digunakan, keperluan infrastruktur SK.
- *Oleh kerana tahap akademik juga rendah, maka profesionalismenya juga rendah, setiakawan di SK juga rendah.
- *Sekolah-sekolah itu kecil, oleh itu kaitan dan perhubungan masyarakatnya dari segi membangunkan fikiran hampir tidak ada.
- *Terdapat guru-guru di sekolah rendah yang kurang mendapat latihan dalam perkhidmatan.
- *MGB hendak dibangunkan secaras lebih luas, jangan jadi satu badan yang "ceremony"; badan yang bertemu hanya untuk melantik jawatankuasa.
- *Suasana di SK dari segi persekitarannya tidak begitu menggalakkan.

Pandangan Abdul Rahman Arshad (1989) ini jika diamat-amati boleh dijadikan asas lonjakan saujana di SK. Walau bagaimana pun Jemaah Nazir (JN), guru besar, guru, para pendidik dan pemimpin pendidikan waktu itu dan hari ini masih gagal mengesan hasrat murni tersebut. SK sehingga ke hari ini, terus mengalami masalah keciciran (Ibrahim 1997). Ini bermakna, SK telah mengalami krisis yang tenat sejak sekian lama. Sekolah Kebangsaan hari ini memerlukan tindakan dan strategi baru yang berbentuk penstrukturan semula SK meliputi kewangan sekolah, tanggapan sosial, perhubungan dengan masyarakat serta kepimpinan SK (Lim Yu Book 2001). Sistem dan struktur organisasi SK perlu direkabentuk semula untuk berubah. Ini bermakna berbagai cabaran akan dilalui untuk perubahan.

Respon pandangan ikhlas ini mula berkesan. Ibu bapa Melayu mula mendesak dan menukarkan anak ke SRJK Cina. Keadaan ini memaparkan kepincangan ketara, Sekolah Kebangsaan mula tidak diyakini masyarakat. Hasilnya pada tahun 2006 satu program dinamakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) diperkenalkan kepada umum. Melalui PIPP enam strategi diperkenalkan termasuk program memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK). Kesedaran masyarakat termasuk guru wujud setelah 18 tahun dikemukakan secara terbuka. Mampukah SK terus melangkah ke hadapan bersama cabaran yang semakin sukar?

Kini kesedaran tentang persaingan, keciciran dan pencapaian semakin lantang diperdebatkan di kalangan masyarakat Melayu. Malahan kritikan

terhadap SK semakin ketara sejak tahun 60-an, menurut Davies & Ellison (1999) sikap masyarakat menjadi pesimistik kepada pemikiran yang mengatakan latar belakang dan pengaruh sosial menentukan pencapaian murid-murid lebih daripada pengajaran rasmi di sekolah. Banyak perbincangan pakar pendidikan di Malaysia selama ini sekadar berkisar mengenai usaha meningkatkan pencapaian akademik di SK. Menurut Zainal (1996) paradigma kajian perlu dianjak untuk membina satu rupa bangsa Melayu baru yang lebih berdaya saing di peringkat global melalui kegemilangan di SK.

Para guru besar masih keliru. Mereka mencari bentuk, ciri-ciri, syarat pembentukan sebuah SK lonjakan saujana. Mengikut Zulkifli Hamzah (1998) guru besar juga menghadapi berbagai masalah kerjasama guru, semangat setiakawan dan kemudahan infrastruktur yang sangat serius. Menurut pandangan Al-Ramaiah (1995) guru besar di SK di seluruh negara yang berbagai saiz juga menghadapi kesulitan memajukan sekolah akibat kurangnya kerjasama PIBG dan pengalaman kepimpinan yang terhad. Keupayaan mereka terbatas dan perlukan suntikan baru yang lebih agresif. Dalam satu laporan Mooemoirku (2007) memberitahu guru besar memerlukan latihan dan dorongan untuk memajukan SK sebelum melakukan lonjakan saujana.

Kecenderungan dan kesedaran orang Melayu mengenai pembangunan pendidikan jelas dan semakin ketara. Dalam apa jua pertemuan sarjana Melayu, di peringkat pemimpin, dialog atau seminar. Menurut Isahak (2001) masyarakat

Melayu semakin lantang membincangkan mengenai kepincangan pencapaian pendidikan Melayu dan SK.

Jika kepincangan ini gagal dibendung, apapun yang dirancang tidak akan menghasilkan natijah yang berkesan. Anugerah Sekolah Harapan Negara (SHN), Anugerah Sekolah Kluster (ASK), Anugerah Perdana Menteri (SAPM) dan sebagainya sekadar satu retorik kata (Hishamuddin 2006). Walau bagaimana pun masih belum ada usaha, kajian saintifik di kalangan sarjana Melayu dan Malaysia membincangkan secara khusus agenda membantu melakukan perubahan atau satu anjakan paradigma yang lebih besar. Menurut Ibrahim Saad (1992) dan Md. Hasidin (1996) menyelar kemimpinan guru besar sekolah belum bersedia melakukan lonjakan saujana dalam pengurusan di SK.

Memetik pandangan Abdul Rahman Arshad (1989) yang bertujuan menyatukan berbagai jenama sekolah yang baru. Kekeliruan semakin ketara di kalangan guru besar untuk menjenamakan kembali SK. Isu mencirikan sekolah cemerlang, sekolah kluster, sekolah wawasan dan sekolah efektif perlu diperjelaskan secara terbuka. Konsep keberkesanan sekolah tidak seharusnya mencakupi kejayaan akademik semata-mata. Mengikut pandangan Astin (1985) konsep keberkesanan harus mencakupi perkembangan intelektual dan sendiri pelajar serta kerelevanan sajian kurikulum dengan keperluan pelajar. Menurut pandangan Ruggiero (2002) pula sekolah harus dapat menjamin perkembangan intelektual, sahsiah murid serta menyediakan peluang pendidikan untuk semua.

Menurut Ruggiero (2002) lagi yang menegaskan konsep keberkesanan ini bermakna sekolah memastikan semua pelajar mendapat pendidikan sewajarnya dan tidak ada pelajar yang gagal atau berhenti sekolah semata-mata kerana tidak berjaya dalam pelajaran. Sebaliknya mengikut Rohani (1998), konsep keberkesanan ini, sekolah yang berjaya adalah sekolah yang kadar kecicirannya sifar, tiada pelajar yang tidak tahu membaca, menulis atau mengira. Menurut Zulkifli Hamzah (1998) pula berpendapat tiada sistem diskriminasi, sebaliknya setiap pelajar mendapat layanan yang adil saksama dari pihak sekolah.

Menurut Astin (1985) pekara yang mengaitkan sekolah berkesan ialah pendidikan yang disampaikan oleh sekolah harus mampu untuk menyuburkan kreativiti dan perkembangan bakat, kebolehan berfikir dan '*power of expression*' para muridnya. Sebagai rumusannya Heng Hui Tuan (1998) menyatakan sekolah yang menitik beratkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik, penguasaan kemahiran asas, keberkesanan pengajaran guru, iklim sekolah yang dapat membangkitkan suasana belajar, mengurangkan masalah disiplin pelajar serta kepimpinan yang cekap atau dengan kata lain keberkesanan sekolah adalah sama dengan kecermelangan sekolah.

Menurut pandangan Najib (2002) usaha memartabatkan SK supaya bertaraf global telah menjadi tumpuan dan perbincangan umum. Keghairahan ini perlu dijadikan kesempatan mewujudkan sekolah efektif, sekolah kondusif, sekolah gemilang tetapi untuk membina lonjakan saujana di SK. Pendapat Ibrahim (1997) pula sebuah sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang

sering mengalami perubahan dari segi struktur fizikal, komposisi, struktur kewangan dan tahap pendidikan guru, perubahan kurikulum serta aktiviti pengajaran dan pembelajarannya. Laporan (ASCD Disember, 2007) menyatakan perubahan ini sejajar dengan perubahan persekitarannya yang memaksa sekolah dan masyarakat bertindak menyesuaikan diri. Menurut Isahak (2001) perubahan perlu dalam usaha mencapai pendidikan berkualiti dan kecemerlangan pendidikan.

Mengenai pekara yang sama Ron Kurtus (2007) menyarankan untuk sekolah di Amerika mereka mengamalkan enam pekara sebagai langkah untuk mencapai sekolah lonjakan saujana: Sentiasa mengamalkan "pemikiran lonjakan saujana" setiap ketika dengan melatih minda berfikir serta-merta dan berterusan. Membudayakan sikap proaktif di kalangan masyarakat. Mendorong pemikiran lonjakan saujana. Sentiasa bertindak secara realistik. Meneliti setiap peristiwa dan memperbaiki keadaan. Membina persekitaran yang menyokong lonjakan saujana.

Lonjakan saujana mampu membaiki dan membangunkan imej SK dengan syarat sekolah wujud keazaman melaksanakannya. Menurut Renihan (1985) membahagikan imej sekolah kepada lima jenis, setiap jenis diperjelaskan dengan dua dimensi yakni: imej dalaman (memupuk perhubungan berkesan, hormat-menghormati, keterbukaan) dan imej luaran (mempromosikan kejayaan sekolah dalam masyarakat, beri perhatian kepada penampilan). Di Indonesia permasalahan kualiti pendidikan dan pencapaian akademik juga menjadi cabaran

utama. Berdasarkan Laporan Darul Fallah (2007) menjelaskan era globalisasi selain membawa kemajuan tetapi juga mengancam iman dan moral rakyat Indonesia. Laporan Jemaah Nazir (1999) pula menetapkan penjenamaan sekolah berdasarkan keupayaan dalam Jadual 2.1 berikut;

Jadual 2.1
Panduan Penarafan Jenama sekolah

PENARAPAN	SKOR SEKOLAH	GRED SEKOLAH	KATEGORI SEKOLAH
1	0% - 24%	1 bintang	Sekolah Lemah
2	25% - 34%	2 bintang	Sekolah Lemah
3	35% - 49%	3 bintang	Sekolah Lemah
4	50% - 69%	4 bintang	Sekolah Sederhana
5	70% - 79%	5 bintang	Sekolah Harapan
6	80% - 89%	6 bintang	Sekolah Cemerlang
7	90% - 100%	7 bintang	Sekolah Gemilang

Sumber Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1999).

Skor dalam Jadual 2.1 adalah skala dalam Proses penggredan sendiri dilakukan di sekolah berdasarkan pencapaian tahun semasa. Proses ini diikuti dengan pemantauan penaziran menyeluruh di sekolah-sekolah. Skor pemantauan berdasarkan dilakukan berdasarkan Jadual 2.2.

Jadual 2.2
Rumusan skor Instrumen Pemastian Standard

DIMENSI	% PEMBERATAN	ELEMEN	SKOR
DIMENSI 1	10	Visi dan Misi	3
		Kepimpinan	7
DIMENSI 2	30	Struktur Organisasi	6
		Perancangan	6
		Iklim	6
		Pengurusan Sumber	6
		Pengurusan Maklumat	6
DIMENSI 3	45	Pengurusan Program	
		Kokurikulum dan HEM	15
		P&P	20
		Pembangunan Sahsiah Murid	5
		Penilaian Pencapaian Murid	5
DIMENSI 4	15	Kemenjadian Murid	
		Dalam Akademik,	
		Kokurikulum dan Sahsiah	15
JUMLAH	100		100

Sumber: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1999).

Jemaah Nazir menetapkan skor dibahagikan kepada dimensi tertentu untuk dijadikan asas skor sekolah. Dalam penilaian penarafan sekolah walaupun subjektif namun inilah instrumen yang digunapakai oleh JN. Instrumen ini telah digunapakai sejak 1999. Berdasarkan berbagai tanggapan dan tafsiran di atas, Abdul Rahman Arshad (1989) mencadangkan pembentukan SK lonjakan saujana perlu bercirikan berikut. Ciri sebuah SK lonjakan saujana dinyatakan dalam Jadual 2.3, perlu wujud kerjasama guru, terdapat kemudahan infrastruktur, semangat setiakawan guru dan guru besar, mendapat sokongan PIBG, kepimpinan guru besar yang berkesan dan wujud iklim pembelajaran di sekolah tersebut.

Jadual 2.3

Faktor-faktor yang mempengaruhi lonjakan saujana Abdul Rahman Arshad (1989)

Bil	Faktor lonjakan saujana
1	Kerjasama guru dan guru besar
2	Kemudahan infrastruktur
3	Semangat setiakawan guru dan guru besar
4	Sokongan PIBG
5	Kepimpinan guru besar
6	Iklim pembelajaran di sekolah

2.2 Cadangan Pembinaan Sekolah Lonjakan Saujana

Sekolah Kebangsaan menurut Abdullah (2006) perlu diberi imej baru melalui proses memperkasa sekolah kebangsaan. Pengisian dan pendekatan P&P oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) akan direka secara lebih konstruktif. Konsep dan keperluan kemahiran latihan guru menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) perlu dikaji semula bersesuaian dengan keperluan zaman akan datang. Usaha bersepadu meningkatkan kemahiran pengendalian infrastruktur Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan teknologi masa kini. Peruntukan yang mencukupi Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1999) perlu disediakan untuk memastikan sekolah mencapai objektif lonjakan saujana.

Reformasi SK lonjakan saujana menurut Zulaida (2008) perlu menukar imej dan berkembang sebagai sekolah yang mempunyai guru yang rajin, dedikasi dan tangkas melaksanakan pengajaran. Para guru di SK sentiasa proaktif kepada

perkembangan teknologi, menyediakan pengajaran subjek dan kaedah bersesuaian dengan kreativiti murid. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Majlis Guru Besar (MGB) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengadakan dialog terbuka merumus dan memikirkan keperluan kurikulum akan datang untuk membangunkan generasi Malaysia. Forum dan dialog ini boleh memfokus kepada kehendak pasaran pekerjaan akan datang dan merintis kurikulum yang bersesuaian dengan kehendak zaman itu. Kegagalan merancang keperluan kurikulum akan datang menurut Wan Mohd.Zahid (1987) menyebabkan ramai graduan tidak mendapat pekerjaan.

Hakikatnya SK menurut Abdul Rahman Arshad (1988) telah mengalami pelbagai perubahan, dari segi fisiologinya SK berkembang daripada sebuah sekolah atap kepada sekolah tersergam indah. Kini SK menjadi pengeluar tenaga manusia paling pintar dan kini menerajui negara. Kehebatan para guru SK zaman tersebut perlu dicontohi supaya sumbangan dan perubahan sikap dapat diteruskan.


2.2.1 Ciri-Ciri SK Lonjakan Saujana

Berdasarkan dapatan Laporan TOLEDO (2001) ciri SK lonjakan saujana akan hanya terbentuk berdasarkan pembinaan iklim pembelajaran sekolah, kemudahan infrastruktur, sokongan PIBG, kepimpinan guru besar, kerjasama dan semangat setiakawan yang wujud di sekolah. Dapatan kajian ini menentukan diantara ciri asas tersebut adalah;

2.2.1.1 Menentukan ciri pembinaan iklim pembelajaran SK lonjakan saujana.

Menurut Abdul Rahman Arshad (1989) setiap guru besar, guru dan PIBG perlu bersama menggunakan kreativiti dan merancang pengajaran berkesan. Guru perlu sentiasa mengamalkan dan memahami visi dan misi sekolah. Guru mengambil inisiatif untuk menguasai dan mahir dengan ICT. Dasar memastikan setiap guru mengekalkan dan mempunyai hubungan baik dengan setiap murid perlu dijadikan asas di setiap sekolah. Amalan ini membolehkan setiap guru sentiasa meletakkan harapan yang tinggi dengan semua murid di sekolahnya.

Secara umumnya lonjakan saujana di sekolah digambarkan dalam Rajah 2.1 dimana semua pembolehubah bebas perlu berlaku serentak dalam pembinaan lonjakan saujana. Tidak mungkin untuk berlaku lonjakan saujana tanpa usaha membina secara berterusan. Jika kesemua unsur berlaku disesebuah sekolah bermakna sekolah lebih mudah menuju pembinaan lonjakan saujana. Sekolah ini lebih berpotensi dimajukan. Untuk satu penjenamaan semula. Lonjakan saujana menurut Robbins (2003) hanya berlaku di sekolah yang dipimpin oleh pemimpin yang sentiasa menyedari keperluan akan datang.



Rajah 2.1
Ciri-ciri SK Lonjakan Saujana

2.2.1.2 Ciri-ciri SK Lonjakan Saujana

Menurut Darren Elsby (2007) pula untuk menentukan kejayaan lonjakan saujana guru besar dan guru sentiasa dedikasi dengan tugas dan tanggungjawabnya setiap masa. Amalan guru menepati masa semasa P&P di kelas akan mendorong murid sentiasa menghormati guru sepanjang masa.

2.2.1.3 Menentukan ciri sokongan PIBG SK lonjakan saujana.

Laporan ASCD September (2007) pula menyebut dengan tegas bahawa PIBG wajar menjadi menyumbang penambahan kemudahan infrastruktur utama sekolah. Malahan dalam laporan yang serupa PIBG dan guru perlu sepakat. PIBG pada setiap masa perlu menghargai usaha para guru di sekolah dan luar sekolah.

PIBG juga perlu prihatin masalah murid dan keperluan persekitaran yang semakin mencabar. Di sinilah perlunya dilantik kepimpinan PIBG di kalangan pemimpin setempat yang berpengaruh dan berpengetahuan luas. PIBG juga perlu terlibat dalam usaha membina mercu tanda sekolah yang akhirnya menjadi kebanggaan murid, guru dan komuniti. Semua usaha ini akan membantu PIBG untuk mengekalkan keberhasilan sekolah.

2.2.1.4 Menentukan ciri-ciri kemudahan infrastruktur SK lonjakan saujana.

Laporan kajian Sonia Blandford (1999) dan Hishamuddin(2006) pula menegaskan keperluan kemudahan tandas, perabot mencukupi di sesebuah sekolah akan membantu memberi keselesaan pembelajaran murid. Bekalan elektrik, air yang sempurna akan menambah kemudahan dan daya tarikan di sekolah. Kemudahan makmal dan bilik lain yang lengkap memberikan peluang luas murid menerokai pelajaran secara terpadu. Malahan menurut Daren Elsbey (2007) kemudahan padang, tapak permainan yang mencukupi mendorong motivasi murid ke sekolah. Justeru kemudahan fotostat, telefon awam dan papan kenyataan di sekolah turut memudahkan hubungan sekolah dan komuniti secara berterusan.

2.2.1.5 Menentukan ciri kepimpinan guru besar SK lonjakan saujana.

Dalam era perubahan SK menurut Sergiovanni (1984), Edward de Bono (1995) dan Ahmad Faizal (2002) dengan tegas menyarankan untuk sekolah terus berjaya menghadapi cabaran kepimpinan guru besar perlu berkelulusan tinggi, bijak berucap tetapi mahir mendengar. Seorang pemimpin sekolah seperti guru

besar hanya perlu menegur secara berhemah. Guru besar perlu berfikiran terbuka dalam semua keadaan. Kemahiran dan pengetahuan guru besar yang bijak mengesan masalah, mentafsir indikator masyarakat akan menguntungkan sekolah dan komuniti. Pada masa yang sama seorang guru besar berani membela guru untuk memastikan imej sekolah dijaga. Semua ini memerlukan seorang guru besar yang berpengetahuan, berkemahiran, tegas dan dedikasi.

2.2.1.6 Menentukan ciri semangat setiakawan guru dan guru besar SK lonjakan saujana.

Suasana mencabar di sekolah-sekolah masa kini perlu difahami oleh setiap peringkat guru besar dan guru. Kajian Educators (2007) turut menjelaskan guru besar perlu bijak menjelaskan kepada guru mengenai kekananan seorang pegawai. Ini bermakna guru jujur dan sabar menunggu giliran masing-masing. Menurut (brahin (2001) guru pada setiap masa melakukan kerja secara ikhlas demi memastikan kejayaan sekolah. Guru perlu terus berkhidmat demi agama, bangsa dan masa depan negara.

Menurut Davies, B.& Ellison (1999) dalam suasana negara yang berubah semua pihak perlu membuka peluang seluas-luasnya kepada guru besar, pengusaha dan pelabor pendidikan yang berkemampuan membuka SK lonjakan saujana kepada murid-murid pada kohort umur sekolah rendah yang mempunyai kelayakan. Usaha terbuka ini memberi peluang para guru menyediakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum berprestasi tinggi yang mencabar dan diperlukan oleh Malaysia.

Para guru SK memerlukan bimbingan melaksanakan program perubahan masyarakat setempat. Menurut Kim Chan (2000) kesungguhan mengembalikan budaya belajar semula atau kembali ke dewan kuliah di kalangan guru wajar diberi perhatian untuk mengukuhkan kemahiran dan mampu menonjolkan pelbagai agenda memartabatkan guru. Kejayaan guru menghasilkan perubahan perlu diketengahkan sebagai ciri dorongan lonjakan saujana.

Sebagai langkah kawalan SK lonjakan saujana memerlukan satu peruntukan undang-undang atau arahan berbentuk Surat Pekeliling Iktisas (SPI) yang menentukan peruntukan kewangan untuk operasi sekolah. Peraturan SPI sebegini belum wujud di negara ini yang merangkumi keperluan kelayakkan murid ke sekolah tersebut, kebitaraan di sekolah, nilai-nilai yang boleh dipelajari dari sekolah tersebut. Kementerian Pelajaran Malaysia menurut Rohani (1998) perlu membina sebuah sekolah lonjakan saujana yang menjadi model sekolah lonjakan saujana di masa akan datang. Pada masa yang sama Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan latihan khusus untuk guru di sekolah lonjakan saujana

Walau bagaimana pun sentuhan itu masih belum memadai untuk sebuah SK lonjakan saujana. Robiah Sidin (1998) pula menegaskan kesedaran masyarakat untuk memenangi persaingan memaksa semua jentera SK bersedia, bertindak untuk memacu keharmonian. Untuk sebuah masyarakat madani yang mahukan perubahan perkembangan kurikulum semakin diperlukan. Pemimpin masyarakat dan guru menurut Yahya Don (2007) perlu menyedari keperluan

bangsa ini kerana orang Melayu hanya memiliki kekuatan diri tanpa disokong oleh faktor kebendaan. Pendidikan dan SK lonjakan saujana menjadi harapan bangsa Melayu sekarang dan akan datang.

Masa depan SK menurut Zainal (1996), Zulkifli Hamzah (1998) dan Mohd. Khir (2004) bukan ditentukan oleh kemandirian politik Melayu sahaja tetapi juga ditentukan oleh kualiti P&P dan kemantapan pengurusannya. Masa depan SK dan keyakinan masyarakat sangat bergantung kepada kualiti guru. Ini bermakna iklim, sokongan PIBG, kemudahan infrastruktur, kepimpinan guru besar, setiakawan dan kerjasama guru sangat penting demi mengekalkan pembelajaran mampan di sekolah tersebut.

Masa depan SK menurut Zainal (1996) juga berhubung dengan sokongan PIBG serta masyarakat setempat untuk memastikan pembinaan kemudahan sekolah berterusan. PIBG perlu mengambil tanggungjawab membiayai penghantaran peralatan gantian ke sekolah-sekolah setiap tahun. Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia juga tahu bahawa peralatan yang dibekalkan tidak mungkin mampu dipakai selamanya. Menurut Zulkifli Hamzah (1998) kesediaan ibubapa dan komuniti masyarakat membantu dan mengeluarkan kos menampung kekurangan ini akan menentukan kesinambungan kegemilangan sekolah.

Ini bermakna SK lonjakan saujana adalah satu kemestian dalam era pendidikan di Malaysia. Landasan kemajuan itu hanyalah kecemerlangan dalam

pendidikan. Kejayaan kemajuan pendidikan menurut Isahak (2001) adalah terletak kepada kerjasama guru, kemudahan infrastruktur, kepimpinan, semangat setiakawan, kemampuan mewujudkan iklim pembelajaran di sekolah.

Menurut Ibrahim (2001) walaupun setelah lebih 52 tahun merdeka SK belum muncul sekolah yang terkemuka dalam apa jua bidang. Telah tiba saatnya untuk semua SK menjadi sekolah kluster dan sekolah berprestasi tinggi di negara ini. Menurut Ibrahim (2001) semua guru besar SK menjadi lebih yakin, walaupun baru menyandang atau mengambilalih tugas di sekolah baru. Isahak (2001) menyarankan agar peluang itu bukan sekadar satu pengalaman pengurus tetapi memberikan suntikan baru meningkatkan kecekapan pengurusan guru besar.

Menurut Al-Ramaiah (1995) para guru besar SK bersedia belajar, meningkatkan usaha membina lonjakan saujana khususnya guru besar terdahulu. Guru besar terlibat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan bertujuan mendekatkan masyarakat dan sekolah. Hubungan rapat begini dapat mengikis rasa curiga diantara dua institusi. Menurut Zulkifli Hamzah (1998) guru besar mengiktiraf secara terbuka kejayaan orang lain disamping mempelajari kemahiran baru mengurus dalam usaha memartabatkan SK. Sekolah, guru dan guru besar membina budaya gemilang di SK. Contohnya guru dan guru besar terus menghargai jasa dan pengorbanan pemimpin sebelumnya. Memberi pengiktiraf kejayaan orang lain dan menjadikan teladan segala kebaikan yang dihasilkan mereka kepada sekolah. Kini telah tiba masanya SK lonjakan saujana dijadikan sebagai amalan dan objektif pengurusan sekolah kebangsaan.

Sekolah kebangsaan menurut Hishamuddin (2006) perlu mendahului dalam pelaksanaan dasar kerajaan. Sekolah kebangsaan mesti sentiasa menjadi sekolah ulung, menjadi pilihan para ibu bapa membuat penempatan anak-anak mereka dan menjadi kebanggaan murid-muridnya. Adalah diharapkan agar kegagalan segelintir guru besar mengurus sekolah tidak dijadikan ukuran satu kecuaian kelemahan pengurusan SK.

2.2.2 Kerjasama Guru Dan Guru Besar

Kajian Sabrina Laine, Amy (2007) menjelaskan bahawa kerjasama guru hanya berlaku jika wujud kepercayaan, keyakinan dan kepentingan di sesebuah sekolah. Dalam kajian tersebut mendapati para guru memberikan kerjasama dalam melaksana tugas dengan dibimbing, diarah bertujuan untuk mencapai objektif sekolah. Guru kurang berinteraksi dengan guru besar bukan kerana tidak percaya tetapi akur untuk melaksanakan kepentingan bersama. Ini tidak bermakna terdapat konflik dalam melaksanakan tanggungjawab diantara guru besar dan guru di sekolah.

Laporan "*School For Champions*"(2008) menjelaskan bahawa sekolah yang memiliki kelengkapan infrastruktur yang lengkap dan sempurna lebih berjaya dalam melaksanakan misi dan visinya berbanding yang kurang sempurna. Hasil kajian ini juga mendapati perkakasan sekolah mempengaruhi kerjayaan muridnya untuk mencapai kegemilangan sekolah. Ini bermakna hasil kajian ini selari dengan kajian lain.

Guru besar dan guru berkerjasama mengawasi kemajuan murid berpandukan kepada kehendak dan objektif pengajaran. Di SK lonjakan saujana guru mendidik murid bertanggung jawab menguruskan kegiatan seharian seperti menjaga peralatan kemudahan sekolah dan buku mereka. Sementara kerja rumah, latihan diperbanyakkan dapat diperiksa oleh guru. Keutamaan adalah terhadap pencapaian prestasi akademik yang tinggi. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), guru sentiasa membantu murid dan murid digalakkan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya. Murid yang berjaya akan diberi penghargaan serta maklum balas yang cepat dan berterusan terhadap prestasi murid berkenaan.

Laporan Kementerian Pelajaran Malaysia (2002), guru wajib berkerjasama memainkan peranan penting mendidik berbanding guru di sekolah lain. Guru besar di SK lonjakan saujana memberi keyakinan kepada guru bahawa mereka bertanggung jawab sepenuhnya terhadap perkembangan pelajaran murid. Dalam kajian Zulkifli (1998) mereka telah menjawab persoalan apakah yang telah digunakan sebagai ukuran kepada keberkesanan sekolah. Berdasarkan hasil kajian, mereka berpendapat bahawa keberkesanan kerjasama guru di sekolah selalunya diukur dari segi keputusan, pencapaian atau hasil persekolahan yang lazimnya dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar.

Walau bagaimana pun menurut Hishamuddin (2006) kerjasama guru di SK masih rapoh dan perlu sering ditekankan untuk membina komitmen terhadap profesion perguruan. Menurut Syed Othman (2001) faktor kerjasama guru

menentukan kejayaan menjadikan sekolah efektif. Penekanan pembinaan kerjasama dan kerja sepasukan guru di SK dapat dipergiatkan. Kajian ini menekankan bagaimana kerjasama guru diperlukan untuk menjana lonjakan saujana demi kegemilangan di SK. Kerjasama dalam perkongsian idea, pemantauan, penambah baik sistem serta komitmen untuk membina lonjakan saujana.

2.2.3 Kemudahan Infrastruktur

Menurut Mahathir (2005) menjelaskan masalah infrastruktur di SK telah berlarutan, masalah kelewatan penghantaran, tidak memenuhi spesifikasi, kekurangan peralatan, peralatan usang, alat yang tidak mencukupi, alat gagal diselenggara dengan baik masih terus berlaku. KPM gagal berfungsi mengawasi hal ini sebaiknya.

“.... those actions that a principal takes, or delegates to others, to promote growth in student learning with good equipments.... ”

Sonia Blandford (1999).

Walau bagaimana pun terdapat percanggahan dengan hasil laporan

“Stimulating & secure learning environment (May 8, 2007)” yang menyatakan;

..kemudahan infrastruktur hanya menjadi pemangkin dalam menjamin kejayaan sesebuah sekolah. Sesebuah sekolah masih boleh berjaya dengan kebolehan guru mengajar muridnya.

Menurut Sarasson (1971) pula guru besar efektif memberi tumpuan kepada penyediaan keperluan aktiviti pengajaran guru dan memastikan peningkatan prestasi pengajaran guru di bilik darjah. Masalah utama SK ialah kegagalan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap. Walau pun

kemudahan infrastruktur diakui mempengaruhi kejayaan dalam pembelajaran murid di sekolah. Laporan TOLEDO (2007) dan Quantum Leap (2008), di sekolah-sekolah berkesan, menyediakan kemudahan infrastruktur asas yang mencukupi, sesuai untuk bertindak menghadapi cabaran pengajaran dan pembelajaran. Menurut Darren Elsby (2007) kemudahan infrastruktur diperlukan untuk menjadi pemangkin memacu lonjakan saujana di SK secara menyeluruh.

2.2.4 Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar

Semangat setiakawan sangat penting dalam menentukan keharmonian institusi sekolah. Sekolah yang mempunyai semangat setiakawan yang tinggi lebih mudah melaksanakan misi dan visinya berbanding sekolah yang tidak mengamalkan semangat setiakawan. Suasana ini akan mewujudkan suasana saling meyakini antara kakitangan, membina keyakinan dan kerjasama yang terjalin. Melalui semangat setiakawan ini juga guru besar dan guru terus membina semangat kekitaan.

“Strategic quality planning for teachers in the new millennium (2004)” menyatakan untuk menjayakan misi yang besar sesebuah sekolah, guru dan guru besar harus menjalin hubungan yang baik dan saling memberikan perlindungan untuk menjadikan suasana lebih selesa. Hasil kajian ini memperlihatkan wujud keselarian faktor yang menentukan lonjakan saujana dengan *“Strategic quality planning for teachers in the new millennium “*.

Hasil kajian yang dilaporkan dalam “*How Can a successful avoid failure?; (2004)*” juga menunjukkan semangat setiakawan menjadi pendorong mengurangkan persaingan dalaman sehingga mewujudkan suasana harmoni, keyakinan subordinat menjamin objektif dicapai secara mutlak. Sebuah kajian lain, Educators (2007) menjelaskan sekolah yang berjaya melakukan lonjakan saujana dan mengekalkan prestasi tinggi selalunya dipimpin oleh seorang guru besar dan para gurunya mengamalkan semangat setiakawan dalam apajua keadaan. Semangat setiakawan ini menjadi teras “*teamwork*” di sekolah.

Sebaliknya menurut Jemaah Nazir (1999) sekolah perlu memberi keutamaan kepada proses pengajaran di sekolah. Guru di sekolah sepatutnya sanggup mengorbankan tenaga dan perhatian yang lebih untuk memastikan matlamat pengajaran dilaksanakan secara teratur dan memberi berfaedah kepada murid. Menurut Edmond (1979) dengan tegasnya mengatakan bahawa mendidik murid membina keupayaan menguasai kemahiran akademik sangat perlu diberi keutamaan dibandingkan kemahiran lain dalam keutamaan pengurusan di sekolah.

Dalam situasi kepelbagaian fungsi dan tugas, setiap guru perlu bertindak secara bersepaduan terhadap matlamat sekolah. Menurut Ginsburg & Baron (1981) kemudiannya menyatakan bahawa guru-guru di sekolah berkesan mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran dan pembinaan sosial murid di sekolah mereka.

“Change is fundamentally about feeling; companies that want their workers to contribute with their heads and hearts have to accept that emotions are essential to the new management style....

Duke (1989)

Menurut Fred et al. (2003) menjelaskan semangat setiakawan di sekolah Amerika dan England tertumpu kepada pembinaan semangat berkumpulan. Tumpuan utama mereka adalah untuk pembinaan imej institusinya. Menurut Sagaladoola (2007) semangat setiakawan juga telah berjaya meningkatkan pencapaian akademik di SRJK Cina. Namun semangat setiakawan di SRJK Cina hanya berjaya membina kecemerlangan akademik sahaja. Ini bermakna SK juga memerlukan pendekatan yang sama dan pelaksanaan program serupa. Satu kajian khusus semangat setiakawan di SK semakin mendesak untuk membantu membina lonjakan saujana. Pembinaan semangat setiakawan guru dan guru besar perlu dalam usaha berterusan SK memartabatkan imej di masa akan datang untuk mencapai taraf global. Cadangan kajian ini diperlukan disegerakan sebagai asas lonjakan saujana di SK seluruh Malaysia.

2.2.5 Sokongan PIBG

Laporan ASCD September (2007) menyarankan supaya ibu bapa perlu sentiasa memberi kepercayaan yang tinggi kepada sekolah untuk merekabentuk, merancang serta meningkatkan pelibatan orang awam. Walau bagaimana pun Hishamuddin (2006) menjelaskan PIBG di kebanyakan sekolah masa kini lebih cenderung mencampuri urusan pentadbiran dan cuba menguasai sekolah.

Semangat saling meyakini antara guru dan ibubapa akan meningkatkan perpaduan dalam sesebuah komuniti. Perpaduan ini penting sebagai unsur menyatukan tenaga yang pelbagai ragam di dalam dan luar sekolah. Lebih ramai ahlinya maka lebih kritikal bagi seorang guru besar untuk memastikan wujudnya semangat bekerja dalam satu pasukan dan satu keluarga.

Pengurusan sekolah perlu mempunyai hubungan rapat dengan komuniti. Laporan ASCD September (2007) ibu bapa perlu memberi kepercayaan yang tinggi kepada sekolah untuk merekabentuk, merancang serta melibatkan orang awam. Walau bagaimana pun guru besar perlu mengetahui serta memberitahu keperluan dan kehendak murid untuk disesuaikan dengan hasrat masyarakat setempat.

Masalah PIBG di SK menurut Hishamuddin (2006) ialah tidak memahami peranan yang harus dimainkan dalam usaha meningkatkan PA di sekolah. Kajian mengenai PIBG sebelum ini menurut Zulaida (2007) gagal menyarankan kepada sekolah bagaimana peranan harus dimainkan di SK. Laporan BEST (2007) merumuskan sokongan PIBG sangat penting semasa pengurusan sekolah menghadapi masalah kewangan, pengendalian aktiviti murid, meningkatkan keselamatan, kebersihan, memberikan pengalaman atau pendedahan luar dan membantu usaha-usaha perundingan. PIBG juga berperanan, meningkatkan hubungan kejiwaan sekolah-ibu bapa dan perhubungan dengan agensi lain yang berkaitan.

PIBG di SK mengikut Yahya Don (2007) perlu beranjak paradigma dengan berperanan menambah baik hubungan, memainkan peranan meningkatkan kedudukan kewangan, berusaha menjamin keselamatan serta meningkatkan keceriaan SK. Satu kajian berkaitan peranan PIBG wajar dilakukan untuk mengisi kekosongan ini.

2.2.6 Gaya Kepimpinan Guru Besar

Satu petikan Edward de Bono (1995) dalam bukunya menjelaskan ...bahawa saya belum menemui sekolah yang baik dipimpin oleh guru besar yang kurang baik sebaliknya sekolah yang kurang baik jika dipimpin oleh guru besar yang baik juga akan berubah menjadi sekolah yang lebih baik.

Guru besar merupakan pengurus utama kepada sesebuah organisasi persekolahan. Sekiranya pengurusan dapat dilaksanakan dengan efektif dan cekap secara tidak langsung masalah di sekolah dapat diselesaikan dan ini membantu ke arah pembentukan sekolah berkesan. Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan mengenai SK dapatlah dirumuskan bahawa apa yang membezakan keberkesanan sesebuah sekolah dengan sebuah sekolah yang lain adalah kepimpinan guru besar.

Menurut Sergiovanni (1995) matlamat seorang pemimpin transformasional di dalam satu budaya sekolah seperti berikut: Komitmen kepada nilai-nilai teras (core values) yang dipersetujui dan dilaksanakan oleh semua staf.

Mengamalkan etika penyayang. Mewujudkan visi yang jelas dan hala tuju dengan staf. Menggalakkan lebih banyak membuat keputusan secara permuafakatan.

Sergioranni (1984) menyatakan keberkesanan kepimpinan guru besar untuk meraih kerjasama erat guru juga akan dipengaruhi pengetahuan peribadi, sikap guru besar, komitmen, gaya kepimpinan dan latarbelakang seorang guru besar tersebut. Di Sekolah Kebangsaan guru besar wajar berusaha merangsang lonjakan saujana sebagai usaha mempromosi dan memperkasa sekolah dalam masyarakat yang semakin matang.

Menurut Ahmad Faizal (2002) kepimpinan di sekolah meliputi kebolehan seseorang guru besar itu menggerakkan gurunya untuk berganjak paradigma menjadi lebih sensitif dan bergandingan dengan arus perdana yang melanda masyarakat, sistem dan budaya bekerja cemerlang. Untuk mencapai status sebuah sekolah berkesan, sekolah gemilang dan mampu melakukan lonjakan saujana.

Semua program yang dirancang untuk menjadikan sekolah lebih kondusif untuk memastikan P&P berjalan sebaik mungkin. Rancangan Kementerian Pelajaran Malaysia ini adalah bukti jelas usaha berterusan Kementerian Pelajaran Malaysia memastikan kegemilangan akses pendidikan di SK berjalan sebagaimana dirancang. Menurut (Rutter 2007) sekolah yang berkesan adalah sekolah yang kurang mengalami masalah disiplin dan ponteng sekolah di samping pencapaian akademik yang baik serta konsisten.

Menurut Edmond (1979) seorang guru besar yang berkesan akan memainkan peranannya sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin yang tegas. Menurut Sergiovanni (1983) yang mengkonsepsikan keberkesanan itu pula ialah dari segi kuasa dan kemudahan yang ada padanya bagi melaksanakan sesuatu perubahan. Oleh itu jika ingin mencapai kecermerlangan, guru besar mestilah memainkan peranan sebagai pemimpin yang berketrampilan.

Menurut Edmond (1979) pula guru besar boleh menjadikan sekolah itu berjaya atau cemerlang. Oleh sebab itu, kajian akan membuktikan penentu utama kejayaan atau keberkesanan sesebuah sekolah adalah aspek kepimpinan . Kepimpinan guru besar menurut Fred (2003) sebenarnya adalah faktor penentu dalam melahirkan sekolah lonjakan saujana.

Sebaliknya ramai guru besar menurut Abdul Shukor (1999) terjebak dengan bebanan '*administratif*' yang memerlukan pematuhan syarat dan peraturan kerja. Guru besar pada masa kini dibebani dengan pelbagai tugas sehingga mereka lupa akan tugas sebenar mereka. Menurut Abdul Syukor (1998) tugas utama guru besar ialah kepemimpinan pedagogi dan mereka tidak berkemampuan membuat pembaharuan kerana terlampau tertumpu kepada perkara bercorak pentadbiran.

Menurut Siegler (1991) semua guru besar memberikan tumpuan masa, tenaga dan kuasa terhadap misi utama sekolah iaitu pedagogi. Mengikut

pandangan Sternberg (1996) guru besar di SK lonjakan saujana perlu memainkan peranan utama sebagai pemimpin pengajaran dan memastikan keberkesanan pengajaran, menyediakan kekuatan, sokongan dan peralatan yang mencukupi. Sebaliknya Sweeney (2008) menekankan keberkesanan pencapaian akademik akan memacu sekolah mencapai lonjakan saujana.

Menurut laporan Biro Tata Negara (2004) perubahan struktur budaya masyarakat di Malaysia pada masakini sangat ketara. Menurut Morteill (2000) guru besar perlu sedar, agar sentiasa berusaha gigih merapatkan jurang untuk membina kegemilangan SK. Seluruh jentera di Sekolah Kebangsaan dipimpin menerajui kegemilangan. Menurut Resnick (1983) kejayaan sekolah efektif terletak dalam tangan guru besar. Mengikut pandangan Glickman (1989) dan Hallinger (1982) tiada bukti menunjukkan sekolah efektif diterajui oleh guru besar yang lemah. Sebaliknya, sekolah yang kurang maju boleh bertukar menjadi sekolah yang berjaya dengan adanya kepimpinan guru besar yang berkualiti.

Menurut Sergioranni (1984) lagi keberkesanan kepimpinan guru besar untuk meraih kerjasama erat guru dipengaruhi pengetahuan peribadi, sikap guru besar, komitmen, gaya kepimpinan dan latarbelakang seorang guru besar. Guru besar wajar berusaha merangsang lonjakan saujana sebagai usaha mempromosi dan memperkasa sekolah dalam masyarakat yang semakin matang. Menurut Ahmad Faizal (2002) kebolehan seseorang guru besar menggerakkan gurunya berganjak paradigma akan menjadi lebih sensitif dapat bergandingan dengan arus perdana yang melanda masyarakat, sistem dan budaya bekerja cemerlang. Untuk

mencapai status sebuah sekolah berkesan, sekolah gemilang dan mampu melakukan lonjakan saujana.

Walau bagaimana pun kajian sebelum ini gagal menjelaskan bagaimana guru besar harus berperanan. Justeru itu satu kajian lain diperlukan untuk memecahkan kebuntuan bagaimana peranan kepimpinan mampu membina satu lonjakan saujana. SK memerlukan kepimpinan guru besar yang mantap dan mampu membawa perubahan. Jika fenomena ini gagal diubah SK tidak akan maju dan masyarakat serta negara dalam kerugian.

Orang Melayu dan Sekolah Kebangsaan memerlukan pemimpin yang berani membina kemajuan dan menghadapi risiko. Kajian ini perlu mencadangkan bentuk pemimpin sepatutnya untuk membawa perubahan di SK. Pemimpin transformasional yang berkesan mesti menyedari dan menghayati ungkapan watak General Hopper (2003) dalam filem animasi "*In A Bug's Life*": "*The first rule of leadership, everything is your fault.*" Dengan kata-kata lain kemunduran, kegagalan, ketidakberkesanan, kelewatan, kecairan dan kegagalan adalah disebabkan oleh kesalahan diri kita, berpunca daripada diri kita selaku pemimpin yang tidak berkesan, pemimpin yang tidak berwawasan; ringkasnya pemimpin yang lemah.

2.2.7 Iklim Pembelajaran di Sekolah

Menurut Zulkifli (1998) dalam artikelnya yang bertajuk “*Kajian Iklim Pembelajaran Sekolah*” sekolah berkesan, guru-guru mempunyai peranan yang penting dalam membuat keputusan. Oleh itu, dalam membuat keputusan atau melaksanakan sesuatu tugas, guru perlu bekerja atau merancang secara berkumpulan melalui satu sistem penyeliaan dan penyelarasan oleh guru kanan. Ini memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat adalah hasil kerjasama atau komitmen semua pihak di sekolah.

Untuk membentuk sekolah lonjakan saujana, pelajar-pelajar di sekolah berkenaan perlulah diterapkan dengan nilai-nilai murni. Pandangan Abdul Rahman Arshad (1988) menjelaskan nilai murni akan membentuk peribadi, sahsiah pelajar yang cemerlang dan mengatasi masalah disiplin di sekolah kerana sekolah yang mengalami masalah disiplin akan menjejaskan reputasi guru besar, guru-guru, murid dan sekolah itu sendiri. Kadang kala masalah disiplin juga menurut Wan Mohd. Zahid (1987) yang di alami disekolah ini akan disusuli pula dengan prestasi pencapaian akademik yang merosot terutamanya dalam UPSR. Keadaan ini akan menjejaskan imej dan kepercayaan masyarakat terhadap SK.

Menurut Mortimore (1999) perbezaan sekolah efektif dengan sekolah lain ialah budaya yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Menurut Coleman et al. (1966) dan Johnson (2000) latar belakang sosio-ekonomi pelajar merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah. Ini

bermakna pembinaan budaya belajar di sekolah perlu untuk melakukan perubahan di SK, menurut Wan Mohd. Zahid (1987), Ibrahim (1997) dan Abdul Shukor (1999) menjelaskan;

“Guru-guru perlu dapat menyampaikan ilmu pengetahuan secara berkesan, menjadi pembimbing yang dihormati dan memastikan diri masing-masing dapat dijadikan contoh kepada pelajar. Oleh itu pada setiap masa, kaum guru sekalian hendaklah menampilkan watak terpuji, berimej, berperibadi mulia dan berwawasan sebagai pendidik yang unggul”.

Faktor luaran sesebuah sekolah sebagaimana yang dinyatakan ternyata memberikan kesan kepada pembangunan sekolah. Kajian ini sangat perlu untuk melihat perkaitan sejauh mana faktor ini berpengaruh. Berdasarkan ucapan Abdul Rahman Arshad (1986) dan tindakan KPM dalam PIPP ternyata lonjakan saujana merupakan langkah ke arah memperkasa Sekolah Kebangsaan.

2.3 Kekuatan SK Lonjakan Saujana

Dalam kajian-kajian sebelum ini menurut Abdul Rahman Arshad (1989) dan Ibrahim (2001) lonjakan saujana memberi kekuatan kepada guru besar mengenalpasti faktor yang menentukan lonjakan saujana di sekolah SK. Melalui faktor ini guru besar lebih yakin untuk membimbing, memantau, membina dan kerjasama di kalangan guru. Kajian-kajian tersebut akan menentukan semangat setiakawan di sekolah berkekalan untuk membina kegemilangan sesebuah sekolah.

Laporan kajian tersebut memberikan pandangan bagaimana fokus perlu diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran di SK lonjakan saujana. Guru besar sebagai pemimpin pendidikan dapat mengurus penggunaan masa untuk pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Menurut Abdul Rahman Arshad (1981) menyatakan sekolah yang berjaya melakukan lonjakan saujana berjaya menguruskan sumber untuk menentukan pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara berkesan.

Menurut Md Hasidin (1996) pula menjelaskan kemampuan melaksanakan lonjakan saujana di sekolah akan meyakinkan ibu bapa. Menurut Mohidin (2009) sekolah yang berjaya membina lonjakan saujana akan berusaha melaksanakan aktiviti mencabar, mampu untuk meningkatkan kesan pengajaran-pembelajaran. Tumpuan perancangan perlu difokus kepada perkembangan pembangunan akademik dan peningkatan kemahiran pedagogi guru akan menjamin keberhasilan sebuah sekolah.

Sebaliknya Rosnah Ahmad (2005) menyatakan berasaskan pengalaman pengurusan pendidikan yang berbeza SK lonjakan saujana mendorong kerjasama erat di kalangan guru. Keupayaan membina SK lonjakan saujana menurut Sabrina Laine Amy (2008) akan menolak konflik dan membina semangat setiakawan berharga untuk diteladani. Bukan semua pengalaman pengurusan di sekolah itu sama malah ia memberikan impak yang mendalam kepada diri seseorang guru besar.

Pandangan ini selari dengan saranan Syed Othman (2001) yang menyatakan faktor kerjasama guru menentukan kejayaan untuk membina sekolah efektif. Kementerian Pelajaran Malaysia (1997) turut memberi penekanan supaya pembinaan kerjasama, kerja sepasukan guru di SK wajar dipergiatkan. Aktiviti SK lonjakan saujana berupaya membabitkan aktiviti keseluruhan kokurikulum sekolah. Menurut Zainal (1996) SK lonjakan saujana sering menjadi idola menekankan usaha berterusan guru, menyemai semangat setiakawan, membina perasaan kekitaan di kalangan murid terhadap sekolah masing-masing.

Amalan SK lonjakan saujana mampu memberikan panduan kepada pengurusan fizikal sekolah, pembinaan sahsiah serta iklim pembelajaran yang menjadi asas disiplin pembelajaran yang berkesan di sesebuah sekolah. Seterusnya menurut Abdul Rahman Arshad (1981) menjelaskan,

...mengajar guru, kaedah-kaedah yang digunakan di bilik darjah disamping melengkapi keperluan kemudahan infrastruktur SK adalah satu langkah wajar.

Guru besar juga berpeluang membimbing dan menggalakan guru-guru menimba pengalaman yang lebih bermanfaat. Kemampuan ini menurut Zulkifli Hamzah (1998) akan melatih guru-guru menguasai kemahiran dan kepakaran dalam sesuatu bidang matapelajaran di masa akan datang. Kepakaran menguasai kemahiran akan memberikan kelebihan kepada murid mendapat pengajaran berkesan dari kalangan guru yang bermotivasi. Hasilnya menurut Yahya Don (2007) membantu dalam memberikan rumusan ketika membuat keputusan

penting yang strategik untuk membangunkan sekolah dan murid. Kesungguhan guru besar membina kegemilangan sekolah akan menjadi lebih mudah.

Sekolah lonjakan saujana secara tidak langsung menurut William (2000) akan meningkatkan keselamatan murid di sekolah. Menyokong pandangan itu Coleman (1996) menjelaskan keselamatan di sekolah akan meningkatkan hubungan sekolah dan komuniti, mengubah scenario sekolah dan mampu membina sebuah sekolah berkesan. William (2000) sekali lagi menjelaskan keselamatan akan menentukan peluang pendidikan dapat dinikmati bersama oleh semua murid.

Sebaliknya Jencks (1972) menyatakan usaha ini mampu meningkatkan daya saing sekolah dalam menghadapi cabaran akan datang. Dalam kajian lain Zulaida (2007) menunjukkan latarbelakang murid dan sejarah sekolah memberi kesan kepada peningkatan pencapaian murid. Sebaliknya Wan Mohd. Zahid (1987) menegaskan terdapat berbagai kajian seumpama ini hanya terumpu kepada pencapaian akademik sekolah tetapi tidak memberikan pandangan dari pengalaman pengurus secara praktikal yang dialami di Malaysia. Menurut Wan Mohd. Zahid (1987) usaha menonjolkan SK lonjakan saujana belum dilakukan secara saintifik.

2.4 Kelemahan SK Lonjakan Saujana

Perbezaan ketara dalam membina kebitaraan di sekolah menyebabkan ciri-ciri keunikan sekolah semakin rencam. Kebitaraan sekolah telah didefinisikan dalam pelbagai keperluan dan persekitaran. Menurut Hishamuddin (2006) menjelaskan kebitaraan sekolah membina keunikan telah melewati usaha mengredkan sekolah kebangsaan.

Berbagai maklumat dan sumber telah diterokai namun tidak terdapat jawapan tepat menjelaskan mengenai sekolah lonjakan saujana. Di Amerika, England, Australia, Singapura, Indonesia termasuk negara kita Malaysia belum ada sekolah yang mampu disenaraikan sebagai sekolah lonjakan saujana. Berbagai pendekatan cuba dibuat namun tiada jawapan tepat. Kesukaran ini mendorong untuk kajian ini dibuat secara saintifik untuk dijadikan pedoman membina sekolah lonjakan saujana yang mantap dan mampan.

Konflik berlaku diantara keberhasilan akademik dan keunikan sekolah. Konflik ini menurut Zainal (1996) menyukarkan sokongan PIBG kepada kepimpinan guru besar di sekolah. Kajian ini membolehkan guru besar menentukan pilihan lebih berani diantara perkara penting dan segera. Pilihan ini sering mendapat kritikan tetapi perlukan keyakinan melaksanakan di sekolah. Diantara kelemahan SK lonjakan saujana menurut Robiah (1998) ialah masalah hubungan dengan PIBG yang sering berubah kepimpinan setiap tahun. Kecenderungan PIBG menurut Wan Mohd. Zahid (1987) mendesak dan

memberikan tekanan kepada guru besar yang tidak berpengalaman mengurus sekolah sering mengundang konflik berpanjangan dengan pihak sekolah.

Konflik PIBG dan kepimpinan sekolah mampu dikawal dengan kerjasama dan semangat setiakawan guru dan guru besar di sekolah. Sebaliknya dapatan kajian ini kurang menekankan kaedah perkongsian idea diantara guru dan guru besar. Perkongsian ini jika dirancang dengan teliti mampu meningkatkan kerjasama dan semangat setiakawan di kalangan guru. Sharifah (2000) pula menyatakan masih kedapatan strategi pengajaran dan amalan pengajaran yang tidak memenuhi kehendak pembelajaran, gaya serta kehendak murid sekolah. Sikap guru besar menurut Zainal (1996) masih gagal bersikap adil, tanpa memberikan layanan saksama sering menimbulkan kemarahan guru-guru lain.

Sikap guru besar menurut Sharifah (2000) yang sering mengambil jalan mudah membenarkan penggunaan strategi pengajaran asing dari sekolah tertentu tanpa memikirkan kesan kepada budaya pembelajaran murid. Amalan ini mengugat keupayaan murid yang masih kurang pengalaman.

Kajian ini menunjukkan sikap serta pengalaman seseorang guru besar akan menentukan keyakinan dan membina semangat setiakawan. Robiah (1998) juga menjelaskan pengalaman akan mempengaruhi sikap dan tindakan seseorang dalam kerjaya. Menurut Murad (1977) jika guru besar gagal berkerjasama dengan guru, maka usaha membina lonjakan saujana akan terjejas.

Sebaliknya Sabrina Laine Amy (2007) dalam tulisannya juga ada menegaskan untuk sesebuah sekolah berjaya mesti wujud kepercayaan, keyakinan dan menyingkirkan kepentingan. Dapatan kajian ini menjelaskan sesuatu kejayaan hanya boleh berlaku jika wujud bimbingan, pemantauan dan keyakinan mencapai matlamat yang serupa.

2.5 Cabaran SK Lonjakan Saujana

Diantara cabaran besar yang terpaksa dihadapi dalam kajian SK lonjakan saujana, tiada sekolah yang boleh dicontohi, disenarai atau telah diiktiraf sebagai SK lonjakan saujana. Walaupun semua guru besar di SK telah berusaha untuk mencapai lonjakan saujana namun mereka juga menghadapi kesukaran kerana ketiadaan ciri SK lonjakan saujana di Malaysia. Maklumat mengenainya terpaksa dicari daripada pelbagai sumber di serata dunia. Semua maklumat yang dikutip sukar untuk dibuktikan kesahihannya.

Sejak tahun 1989 hingga 2006 pelbagai usaha dilakukan oleh pelbagai agensi Kementerian Pelajaran Malaysia namun tiada syor atau cadangan dapat dibuat untuk SK lonjakan saujana. Walau bagaimana pun menurut Mohidin (2009) pelbagai jenama sekolah baru telah diperkenalkan. Daripada sekolah berkesan, sekolah Bestari, Sekolah Kluster dan kini penjenamaan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut Jemaah Nazir (1999) semua jenama ini memerlukan keberhasilan

mantap dan berterusan. Keberhasilan inilah yang didefinisikan semula daripada SK lonjakan saujana.

Beberapa cabaran terpaksa dilalui semasa menjalankan kajian ini. Masalah kerjasama daripada guru besar, GPK dan guru dalam menyampaikan maklumat yang betul dan tepat. Menurut Robiah (1998) mereka bimbang memberikan maklumat yang betul dan tepat. Mereka kuatir dikritik apabila menyalurkan maklumat secara terbuka. Menurut Wan Mohd.Zahid (1994) masalah ini berlaku kerana guru besar masih gagal mencipta penanda aras yang mantap dan stabil walaupun telah lama berkhidmat di sekolah tersebut. Kegagalan ini mengancam daya saing guru, murid dan sekolah dalam komuniti.

Masalah kegagalan menguasai bahasa kedua juga menurut Sharifah (2000) sering menjadi halangan kepada guru besar memberikan pandangan dan bimbingan kepada para guru yang ingin melaksanakan program memotivasikan murid. Malah guru dan guru besar menurut William (2000) enggan mengemukakan pandangan sewaktu perbincangan atau membuat rumusan.

Untuk membina SK lonjakan saujana menurut Ibrahim (1997) guru besar perlu mempamerkan kefahaman yang jelas, matlamat dan objektif sekolah. Matlamat ini menurut Ibrahim (1997) lagi memfokus kaedah pembelajaran murid, kekangan peningkatan kecemerlangan dan penyelesaian masalah. Sekolah lonjakan saujana mengikut Lah Poh Chin (1998) memiliki persefahaman diantara guru, kaedah melaksanakan matlamat dan nilai bagaimana mereka akan

menjadikan satu amalan. Seterusnya Kothler (2000) menegaskan langkah wajar perlu memastikan kurikulum, pengajaran guru secara professional diatur secara konsisten selari dengan matlamat dan visi sekolah. Hubungan baik diantara guru, guru besar, ibu bapa, murid dan komuniti sekitar tidak tergambar dalam pembinaan matlamat sekolah itu sendiri.

Sering berlaku menurut Mohd. Khir (2004) maklumat yang disalurkan gagal memberikan gambaran yang sebenar sesebuah sekolah. Kelemahan pentadbiran ini mengikut Isahak (2001) mengancam aliran bantuan luar untuk pembangunan sekolah. Aliran ini sepatutnya mampu mengurangkan masalah kewangan yang sangat terbatas. Aliran kewangan yang kukuh menurut Zulkifli Hamzah (1998) mampu membina keyakinan guru dan masyarakat setempat. Kemasukan aliran kewangan menurut Kothler (2000) akan memberi peluang kepada guru besar menyediakan keceriaan, mempromosi sekolah, meningkatkan kualiti aktiviti malah meyakinkan komuniti sekitar.

Sebaliknya Ibrahim (2001) menegaskan ancaman ketara SK di Lembah Klang kerana wujud sekolah antarabangsa dan sekolah persendirian. Sekolah antarabangsa dimiliki pemodal yang berkemampuan disamping mengenakan yuran yang tinggi, maka tidak mustahil untuk sekolah tersebut menyediakan kemudahan yang lebih baik. Kini menurut Isahak (2001) ancaman kegagalan menghasilkan pencapaian akademik gemilang berlaku di SK. Sejarah pencapaian akademik kurang mantap mendorong pertukaran dan perpindahan murid ke

sekolah berhampiran. Jika fenomena ini berlaku ia mengancam keyakinan ibu bapa, merugikan kerajaan dan masyarakat.

Kegagalan pengurusan guru besar menurut Mohd. Khir (2004) akan menyebabkan sekolah terbuka kepada aduan awam, menghasut ibu bapa lain, berkelahi serta menimbulkan gangguan kepada pentadbiran sekolah. Kegagalan ini bakal merugikan SK. Pada masa ini kata Wan Mohd Zahid (1994) murid-murid yang berpotensi termasuk murid asing, anak pegawai diplomatik, anak pemodal asing, anak kakitangan professional enggan belajar di SK. Mengikut Kothler (2000) dan Hishamuddin (2006) peluang keemasan mempromosi sekolah sangat penting dalam memartabatkan SK di peringkat global.

2.6 Peluang SK Lonjakan Saujana

Sekolah Kebangsaan lonjakan saujana menurut Hishamuddin (2006) menjadi asas penjenamaan sekolah Kluster dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Kajian ini akan membuka ruang perbincangan luas mencirikan kembali SBT di masa akan datang. Abdullah (2006) seterusnya menyeru guru besar di SK agar mengambil tindakan wajar dalam usaha meletakkan sekolah masing-masing dalam senarai kedudukan paling baik sekolah-sekolah Malaysia.

Keupayaan guru besar mengikut Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1999) meletakkan sekolahnya dalam senarai kedudukan paling baik akan

menarik minat, keyakinan, dorongan, sokongan dan sumbangan ibu bapa kepada sekolah. Kejayaan ini menurut Sharifah (1988) bukan sekadar mempromosi sekolah tetapi meyakinkan guru untuk kekal berkhidmat di sekolah tersebut.

Kajian ini juga mendapati harapan guru besar untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur, membina iklim pembelajaran yang lebih kondusif di sekolah dan mendapatkan sokongan PIBG semakin kritikal. Menurut Abdul Rahman Arshad (1989) mengatakan kalau kita hendak menebus mutu pendidikan negara ini, yang paling penting bukan di sekolah menengah. Apa sebabnya?

Beliau berpendapat suasana di sekolah kebangsaan memerlukan 'perubahan' dan 'pembangunan' yang drastik dan amat mendesak. Hanya langkah ini akan memastikan 'keberkesanan' sekolah sekaligus meningkatkan mutu pendidikan serta pencapaian murid hendak dipertingkatkan. Kesungguhan usaha guru dan guru besar menurut Mohd.Khir (2004) membina sekolah pasti disokong ibu bapa dan PIBG di setiap sekolah.

Sikap dan pandangan guru SK lonjakan saujana menurut Wan Mohd. Zahid (1987) menganggap semua murid berupaya untuk belajar, mereka bersedia, mampu dan pasti berjaya cemerlang jika sanggup berusaha. Untuk memastikan kejayaan itu menurut Yahya Don (2007) para guru sentiasa bersedia mendidik murid yang memiliki pelbagai pencapaian.

Kajian-kajian begini menurut Isahak (2001) akan membantu meningkatkan hubungan guru besar dengan PIBG sekolah yang bermasalah. Melalui hubungan baik PIBG sekolah akan lebih harmoni untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Kajian begini juga kata Mohd. Khir (2004) mampu memujuk murid dari keluarga professional yang berpendapatan tinggi menyumbang untuk sekolah, jika keadaan ini berlaku gangguan keluarga bermasalah akan berkurangan dan pembangunan serta kegemilangan pendidikan akan berlaku di SK.

Melalui persekitaran yang kondusif menurut Sharifah (2000) kita akan menyaksikan SK lonjakan saujana menjadi tumpuan murid, ibu bapa, pelawat dari dalam dan luar negara. Persekitaran kondusif menambah keyakinan ibu bapa yang berpendidikan tinggi menempatkan anak mereka di sekolah ini. Kekerapan lawatan orang kenamaan ke sekolah menurut Kothler (2000) akan memberikan impak sangat baik untuk SK, guru, murid dan guru besar. Keyakinan ini menyebabkan bantuan serta aliran kewangan mudah diperolehi. Promosi ini mampu meningkatkan daya saing murid dan memberikan dorongan kepada komuniti untuk menyokong aktiviti sekolah.

Guru besar di sekolah kluster pula menurut Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1999) mempunyai autonomi menentukan aliran kewangan, memilih guru dan memilih murid berbanding dengan sekolah biasa. Keistimewaan ini sepatutnya mendorong guru besar SK untuk berusaha menjadi sekolah lonjakan saujana.

2.7 Syarat SK Lonjakan Saujana

Guru besar perlu bertindak sebagai pemimpin teknikal yang seharusnya meminimumkan peranan sebagai jurutera pengurusan. Kemahiran ini termasuklah aspek perancangan, pengelolaan, penjadualan, penilaian dan penyelarasan. Guru besar sebagai pemimpin manusia. Guru besar menurut Sharifah (2000) memainkan peranan sebagai jurutera manusia yang mahir dan cekap dalam aspek perhubungan manusia, dan perundangan serta mampu menggerakkan kakitangannya.

Guru besar sebagai pemimpin pendidikan. Guru besar memainkan peranan sebagai '*clinical practioner*', iaitu menyumbang kepakaran dalam bidang pendidikan dan persekolahan. Guru besar menurut Sharifah (2000) juga perlu mahir dalam bidang kurikulum, diagnosis keperluan pelajar, penilaian dan penyeliaan atau pencerapan yang berkesan. Guru besar sebagai pemimpin simbolik yang meminimumkan peranan sebagai penghulu yang memberi isyarat tentang nilai dan kepentingan atau tujuan sesuatu perkara yang hendak dicapai. Kepemimpinan guru besar mengikut Zulkifli Hamzah (1998) seumpama ini termasuklah aktiviti seperti melawat bilik darjah dan kawasan sekolah dan di samping cuba mengenali pelajar dengan lebih dekat.

Guru besar sebagai pemimpin budaya yang amat penting bagi mencapai kecemerlangan sekolah. Guru besar mengikut Yahya Don (2007) yang menjalankan peranan ini dapat dilihat menerusi usaha-usahanya mencari,

mentafsir, memperkukuhkan nilai, kepercayaan dan unsur budaya yang dapat menjadikan sekolah itu sebagai sebuah sekolah yang unik.

Menurut pandangan Ibrahim (1997) sekiranya semua guru besar dapat berperanan seperti yang dinyatakan, maka salah satu dari ciri SK lonjakan saujana telah dapat dipenuhi. Menurut Abdul Shukor (1998) dan Isahak (2001) memperingatkan tidak semua guru besar yang ada pada hari ini dapat berperanan sedemikian rupa dan hasrat untuk mencapai tahap sekolah lonjakan saujana akan terbantut.

2.8 Konsep Teori Pendidikan

Perkembangan sekolah telah berlaku di seluruh dunia sejak seribu enam ratus tahun yang lalu. Jika ditinjau perkembangan pendidikan di seluruh dunia secara umumnya telah bermula sejak sekian lama. Perkembangan teori pendidikan mula rancak dibahaskan sejak zaman Rom. Di Eropah perkembangan pendidikan menjadi penting sejak zaman Locke (1690). Pada waktu itu mereka beranggapan bahawa kuasa kawal diri datangnya dari latihan dan diamalkan sejak manusia mempelajari perkembangan. Fahaman itu dikenali sebagai preformatisme.

Dalam Islam pula Perkembangan Pendidikan (PP) dirujuk kepada teori Imam Al Ghazali (1971) yang menerangkan perkembangan manusia berdasarkan pertemuan roh dan jasad. Manusia dicipta daripada saripati tanah liat dan sel

benih, setelah mengalami beberapa proses akhirnya terjadilah manusia mengikut pendapat (Imam Al-Ghazali 1971) dan (Kamarulzaman 2003). Perkembangan ini tidak dibincangkan oleh sarjana lain dalam dunia pendidikan. Perkembangan serta pemikiran ini mungkin dianggap agak berbeza dengan pemikir barat.

Untuk memenuhi keempat-empat elemen ini guru besar perlu memastikan persekitaran sekolah yang kondusif. Mewujudkan iklim bilik darjah yang kondusif adalah memenuhi teori perkembangan Locke sekitar tahun 1690. Teori ini menerangkan bahawa zaman kanak-kanak adalah gambaran semasa dewasanya. Teori ini diperkukuhkan oleh Teori Perkembangan Rousseau (1712-1778) yang percaya perkembangan seorang kanak-kanak perlu diawasi supaya lebih bebas dan mampu berkembang pesat. Dalam menyatakan perkembangan ini SK melalui PIPP berusaha mewujudkan persekitaran yang kondusif. Malahan JN menyenaraikan 13 elemen untuk menjadi sekolah yang Gemilang.

Elemen tersebut adalah : Visi dan Misi, Kepimpinan, Struktur Organisasi, Perancangan, Iklim, Pengurusan Sumber, Pengurusan Maklumat, Pengurusan Kokurikulum, Pengurusan Program HEM, Pengajaran dan Pembelajaran, Pembangunan Sahsiah Murid, Penilaian Pencapaian Murid dan Kemenjadian Murid Dalam Akademik, Kokurikulum dan Sahsiah.

Berdasarkan Teori yang dikemukakan oleh Fred (1981) dalam "*Taking the Quantum Leap*" dan lapuran oleh Napoleon Hill (1928), Earl Nightingale

(2002), Zig Ziglar (2006), Robert Schuller (1963), Brian Tracy (2003), Robbins (2003), Wayne Dyer (1976) mengenai "*Quantum leap Thinking*" yang menjelaskan keadaan pembentukkan lonjakan saujana seperti berikut; Membina iklim dan persekitaran sekolah lonjakan saujana. Memastikan kerjasama jentera sebuah sekolah lonjakan saujana. Kepimpinan memfokus sekolah lonjakan saujana. Kemudahan infrastruktur bersesuaian dengan sekolah lonjakan saujana. Sokongan persekitaran membina sekolah lonjakan saujana. Setiakawan yang berterusan untuk sekolah lonjakan saujana.

Teori ini kemudian diterjemahkan oleh Lapuran "*Building Educational Success Together BEST (2005)*" menyokong, untuk membina kecemerlangan sekolah ciri di atas adalah perlu. Setelah meneliti ciri sekolah berkesan sebagai asas dalam sekolah lonjakan saujana. Definisi sekolah lonjakan saujana adalah seperti berikut ;

...sekolah lonjakan saujana didefinisikan sebagai sekolah yang pencapaian akademiknya mencapai lebih 70% setahun selama tiga tahun berturut-turut. Pencapaian kokurikulumnya pula sekurang-kurangnya pingat perak di peringkat daerah. Sekolah ini pula mempunyai asas kerjasama, semangat setiakawan serta sokongan diantara guru, guru besar dan PIBG yang erat. Kepimpinan sekolah berusaha meningkatkan infrastruktur untuk meningkatkan pencapaian akademik muridnya.

Secara teorinya kerangka kajian ini dapat dipermudahkan dengan melihat kolorasi diantara pembolehubah berikut. Pembolehubah yang dilihat adalah faktor yang mampu mempengaruhi Pencapaian akademik di sesebuah sekolah. Ini bermakna sebuah sekolah yang berjaya perlukan semua ciri di atas. Ramai ibu bapa inginkan anak mereka mencapai kemajuan, mengamali peningkatan,

mencipta kecemerlangan dan mengenggam kegemilangan agar mereka mampu membuat perubahan. Semoga perubahan ini akan membentuk kejayaan peribadi, kejayaan yang dikongsi untuk sebuah organisasi yang akhirnya menguntungkan komuniti.

Ramai ibu bapa inginkan anak mereka mencapai kemajuan, mengamali peningkatan, mencipta kecemerlangan dan mengenggam kegemilangan agar mereka mampu membuat perubahan. Semoga perubahan ini akan membentuk kejayaan peribadi, kejayaan yang dikongsi untuk sebuah organisasi yang akhirnya menguntungkan komuniti. Untuk berjaya dalam kehidupan menurut Ibrahim (1992) kita mesti memenuhi kesemua keperluan ini. Kesan nyata tersebut mengikut West (1998) ialah kaedah berfikir, bertindak, melaksanakan, menilai dan memelihara setiap aktiviti mesti berubah.

Keperluan perkembangan sekolah lonjakan saujana mengikut Zig Ziglar (2006) di masa akan datang secara berkesan adalah usaha penambahan ilmu pengetahuan, kemahiran, pendedahan dan pengalaman. Guru besar sebagai pemimpin di sekolah perlu mendapat kemahiran dan pengetahuan lebih mendalam. Menurut Duke (1987) pula kemahiran dan pengetahuan akan membantu membina kerangka kerjaya dan meningkatkan kehidupan seharian. Ini bermakna peningkatan ilmu, pendedahan dan pengalaman mampu meningkatkan keupayaan profesion, terutama apabila seorang pemimpin memerlukan pencapaian yang tinggi.

Apapun langkah yang bakal diambil oleh guru besar selaras dengan kenyataan Ibrahim (2001) akan memberikan kesan hubungan sesama guru dan kakitangan yang melaksanakan tugas di sekolah. Kelangsungan hubungan dengan Guru Penolong Kanan (GPK), ialah kesediaan mengubah suasana kerja tetapi bukan mengubah tempat kerja yang kekal dan harmoni. Sebaliknya menurut Kothler (2000) pula menjelaskan keupayaan merancang awal semua aktiviti bertujuan mencapai kejayaan memerlukan pengorbanan dan risiko.

2.9 Rumusan

Berdasarkan berbagai andaian dan pertimbangan sedia ada keutamaan sangat diperlukan untuk melakukan kajian ini. Berdasarkan pemikiran "*momentum leap*" yang pernah dibuat di Amerika dan kesan kepada pemikiran pelajar yang pernah dibuat di England. Rekod juga mendapati lonjakan saujana yang pernah dibuat di Jepun, memerlukan usaha gigih dan berterusan. Ini bermakna SK lonjakan saujana di Malaysia perlu dirancang dan lakukan secara sistematik. Semoga pembangunan ini akan menjadi perubahan yang lebih penting. Justeru itu kajian ini sangat penting dalam usaha memberikan panduan kepada guru besar di SK untuk mencapai lonjakan saujana. Sinifikan di sebalik kajian ini ialah mengembalikan maruah bangsa dalam era globalisasi dan meletakkan SK bertaraf dunia. Lonjakan saujana perlu mudah diukur dengan skala yang tersendiri. SK lonjakan saujana perlu mempunyai ciri yang mampu dilihat, dirasakan dan dibuktikan secara fizikal. Lonjakan saujana dijangkakan mampu memacu SK ke

arah pencapaian global. SK dan orang Melayu tidak mampu lagi hanya menjadi pemerhati, mereka perlu menjadi pencipta sejarah, pesaing dalam apajua bidang khususnya pembinaan SK lonjakan saujana. Kepimpinan SK memerlukan kebebasan melakukan perubahan demi kedaulatan dan maruah bangsa di masa akan datang.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan Metodologi Kajian

Kajian ini ditumpukan khusus untuk sekolah kebangsaan di sekitar Lembah Klang di dalam negeri Selangor. Lembah Klang di pilih kerana kepadatan penduduknya jika dibandingkan di daerah lain di Malaysia. Dalam sistem pendidikan negeri Selangor ia terbahagi kepada Pejabat Pelajaran (PPD) Petaling Perdana, PPD Petaling Utama, PPD Hulu Langat, PPD Gombak dan PPD Klang. Kelima-lima daerah ini dipilih berdasarkan bilangan sekolah yang banyak di Malaysia.

Beberapa kaedah digunakan dalam kajian ini. Diantaranya ialah kaedah tinjauan “(*survey method of research*)”. Kaedah ini dipilih kerana keperluan memahami keseluruhan skop kajian serta dapat mengukur pendapat, sikap dan tingkahlaku responden (Fox 1998).

Merujuk Jadual 3.1 menunjukkan taburan penduduk mengikut daerah dalam tahun yang berkenaan. Taburan ini menunjukkan kepadatan dan keperluan yang berbeza di negeri Selangor..

Jadual 3.1
Unjuran Jumlah Penduduk Daerah-Daerah Negeri Selangor

DAERAH	TAHUN				
	2005	2006	2007	2008	2009
Kuala Langat	231,000	236,500	242,000	247,300	249,121
Kuala Selangor	192,400	197,100	201,600	206,000	208,112
Hulu Langat	1,035,300	1,060,200	1,084,600	1,108,600	1,112,341
Hulu Selangor	178,500	182,800	187,000	191,200	195,345
Sabak Bernam	135,100	138,400	141,500	144,700	148,278
Gombak	643,400	658,900	674,100	689,000	698,531
Petaling	1,418,700	1,452,900	1,486,300	1,519,100	1,763,289
Klang	1,112,132	1,231,523	1,454,336	1,745,228	1,987,714
Sepang	130,700	133,800	136,900	139,900	142,311
Selangor	5,077,232	5,292,123	5,608,336	5,991,028	6,505,042

Sumber: (2010), *Statistik Perkembangan Pendidikan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*, Shah Alam, Jabatan Pendidikan Selangor.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sebagai sumber data. Menurut Nunndy (1974) kaedah tinjauan adalah cara terbaik membuat kajian.

3.2 Pemilihan Sampel Sekolah Kajian

Pemilihan sekolah sampel berdasarkan pencapaian keseluruhan UPSR sekolah sejak 2000-2008. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah SK dalam Lembah Klang yang terdiri dari daerah Petaling Jaya, Gombak, Hulu Langat dan Klang sahaja. Daerah ini dipilih berdasarkan kepadatan penduduk dan bilangan sekolah paling banyak di negeri Selangor.

Berdasarkan data Jadual 3.2 menyaksikan jumlah sekolah, murid, bilik darjah, guru serta kakitangan yang sentiasa meningkat setiap tahun. Peningkatan ini memaksa penambahan kemudahan, kos dan kakitangan peringkat pengurusan walaupun keluasan tanah yang masih kekal dan semakin padat.

Berdasarkan lebih 600 sekolah rendah di Selangor, dan 350 SK di Lembah Klang, pilihan dibuat daripada 276 buah SK dalam daerah Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat. Daripada bilangan tersebut semua SK berkenaan yang mengekalkan pencapaian 70% dalam UPSR sepanjang tahun 2000-2008 terpilih untuk dijadikan sampel.

Jadual 3.2
Bilangan Sekolah, Murid, Kelas, Guru dan Kakitangan Sokongan Sekolah Rendah di Negeri Selangor.

Tahun	2004	2005	2006	2007	2008	2009
Jumlah Sekolah Rendah	628	635	637	631	633	637
Jumlah SK	289	290	310	312	340	364
Jumlah Murid	496,145	512,650	525,298	531,922	535,115	541,683
Jumlah Kelas	14,016	14,619	15,072	15,217	15,344	15,898
Jumlah Guru	24,719	26,467	27,658	28,586	29,402	30,748
Jumlah Staf Sokongan	2530	2575	2802	3012	3201	3633

Sumber: (2010), *Statistik Perkembangan Pendidikan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*, Shah Alam, Jabatan Pendidikan Selangor.

SRJK Cina dan SRJK Tamil tidak dipilih dalam kajian ini. Menurut Mahathir (2005), SRJK Cina telah memiliki prasarana yang lebih baik daripada SK. Menurut laporan Sagaladoola (2007) turut menjelaskan sistem yang

diamalkan di SRJK Cina juga tidak memenuhi kehendak yang diharapkan dalam kajian ini.

SRJK Tamil pula tidak diambil kerana bilangan murid yang terlalu kecil. Bilangan murid bukan India di SRJK Tamil sedikit dan sukar diperolehi. Ini bermakna sekolah ini gagal menggambarkan hasrat nasional. Jadual 3.3 menggambarkan bilangan murid, bilangan kelas, bilangan sekolah kebangsaan, bilangan guru dan bilangan staf sokongan mengikut daerah di Lembah Klang pada tahun 2009.

Jadual 3.3

Bilangan Murid, Kelas, Sekolah, Guru dan Kakitangan Sokongan Daerah Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk tahun 2009.

TAHUN	Petaling	Klang	Gombak	Hulu Langat	Jumlah
Murid	151,112	88,769	81,154	92,988	414,023
Kelas	3,967	2,618	2,186	2,661	11,432
Sekolah SK	134	93	65	84	350
Guru8,	102	4301	3,736	4,591	20,730
Staf Sokongan	688	476	417	520	2101

Sumber: (2010), *Statistik Perkembangan Pendidikan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*, Shah Alam, Jabatan Pendidikan Selangor.

Sebagai perbandingan kita menilai kepadatan keempat-empat daerah yang melingkungi Kuala Lumpur. Jumlah murid, kelas, sekolah, guru dan staf sokongan dapat menggambarkan keperluan yang serius perlu disediakan.

Jika dikaji Jadual 3.4 menunjukkan agihan bilangan sekolah SK, SRJK Cina, SRJK Tamil mengikut daerah Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat pula kita akan menjelaskan secara terperinci taburan jenis sekolah di Lembah

Klang. Taburan ini menjelaskan bilangan yang semakin bertambah berdasarkan pertambahan kelahiran dan penghijrahan penduduk di Selangor.

Jadual 3.4
Agihan Mengikut Jenis Sekolah Mengikut Daerah Dalam Lembah Klang.

	SK / SRK / SK ASLI / SK KHAS	SRJK Cina	SRJK Tamil	Jumlah
Petaling Perdana	59	10	12	81
Petaling Utama	43	10	4	57
Klang	58	21	13	92
Hulu Langat	64	15	7	85
Gombak	52	7	7	66
Jumlah	276	63	43	382

Sumber: (2010), *Statistik Perkembangan Pendidikan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*, Shah Alam, Jabatan Pendidikan Selangor.

Sekolah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak dipilih kerana berada di luar kawasan pentadbiran JPN Selangor. Bilangan murid di kebanyakan SK Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur mempunyai bilangan murid yang kecil. Bilangan murid di kebanyakan sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tersebut sekitar 500 orang sahaja. Sementara sekolah yang dipilih di daerah Gombak, Hulu Langat serta Klang pula tidak dipilih secara menyeluruh kerana sebahagian besar sekolah berkenaan berada di zon luar bandar.

3.3 Metodologi Kajian Sampel

Data kajian ini diambil secara rawak. Sekolah Kebangsaan yang berjaya mengekalkan pencapaian melebihi 70 % UPSR setiap tahun sejak tempoh 2000-

2008 sahaja dipilih dalam kajian ini. Semua SK yang pernah mengalami lonjakan saujana di senaraikan. Berdasarkan bilangan SK di lembah Klang bermakna semua sekolah kebangsaan dipilih dalam kajian ini. Para guru penolong kanan (GPK) dan guru besar di SK yang tersenarai dalam lonjakan saujana mewakili sekolah yang hampir sama, sekiranya wujud perbezaan ia adalah nisbah yang amat kecil.

Pemilihan SK sampel hanya mengambil kira sekolah kebangsaan, sekolah bantuan modal atau sekolah kerajaan sahaja. Pemilihan ini tidak mengambil kira lokasi sekolah dalam kawasan perumahan, kawasan perindustrian, sekolah lama atau baru. Untuk menghasilkan kajian yang mantap, tumpuan diberikan kepada empat bahagian utama. Pemilihan ini meliputi jantina, Sosioekonomi status (SES), lokasi, asas pendidikan. Kajian juga meliputi kajiselidik, pemerhatian, kajian perpustakaan dan data terhad di Unit Peperiksaan, JPN Selangor dan Pejabat Pelajaran Daerah Daerah (PPD) Klang, Petaling, Gombak dan Hulu Langat.

Sampel akhir mengambil kira guru besar di semua sekolah SK di Petaling Perdana, Petaling Utama, Klang, Gombak dan Hulu Langat. Guru besar dipilih kerana mereka merupakan pengurus pendidikan yang sah di setiap sekolah dan mewakili sekolah. Guru lain tidak dipilih kerana mereka tidak terlibat mengurus sekolah secara langsung, malah pemilihan guru besar tidak menimbulkan gangguan kepada sumber maklumat dalam soalselidik. Guru besar selain mengarah, merancang dan melaksanakan program pembangunan fizikal dan

UPSR di sekolah juga mempunyai hubungan terbuka dengan pihak lain di luar sekolah.

Guru besar sebagai seorang guru yang paling berpengalaman di setiap sekolah, mahir dan telah lama berkhidmat di pelbagai sekolah. Ini bermakna mereka juga bertanggungjawab merancang lonjakan saujana di sekolah walaupun belum berjaya membuktikan pelaksanaan perancangan tersebut. Menurut Rohani (November 1998) pandangan seorang guru besar lebih rasional dan terbuka untuk memberikan gambaran menyeluruh aktiviti yang pernah dilalui di sekolah tersebut. Berikutan keputusan tersebut guru dan GPK tidak diambil sebagai sampel dalam soalselidik ini.

Menurut Krejcie & Mogan (1970) dalam Rescerch method for business, A skill bulding approch Forth Edition, yang dipetik oleh Uma Sekaran (2006) menyatakan sekiranya bilangan sekolah 220 bilangan sampel 135 sampel adalah dibenarkan. Jumlah ini bermakna kira-kira 61.36% bilangan sampel keseluruhan. Kajian ini mengambil bilangan sekolah SK di Lembah Klang sebanyak 274 dan sampel soalselidik yang diterima serta lengkap daripada guru besar sekolah tersebut sebanyak 240. Ini bermakna sebanyak 87.59 % responden telah diambil.

Pada peringkat awal satu set soalselidik telah diuji di tiga buah sekolah sekitar Shah Alam yang mengandungi 320 soalan dalam 7 bahagian, Jadual 3.5. Soalan ini adalah berdasarkan soalan terjemahan yang digunapakai daripada,

“School Policy and Enviroment State Questionnaire – Public Use Version (2006)”.

Jadual 3.5

Bilangan Item soalan awal.

Bahagian	Tajuk	Bil. Soalan
A	Demografi	47
B	Kerjasama Guru dan Guru Besar	52
C	Gaya Kepimpinan Guru Besar	55
D	Kemudahan Infrastruktur	42
E	Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar	30
F	Sokongan PIBG	35
G	Iklim Pembelajaran di Sekolah	59
	Jumlah	320

Jadual 3.6

Data Agihan Soalan kumpulan sasar awal (Kajian 1).

DAERAH SK	GURU BESAR	GPK	GURU DATA	GURU	PIBG	MURID	JUMLAH	
P.Perdana	3	3	12	3	20	3	60	104
P.Utama	3	3	12	3	20	3	60	104
Klang	3	3	12	3	20	3	60	104
Gombak	3	3	12	3	20	3	60	104
H.Langat	3	3	12	3	20	3	60	104
Jumlah	15	15	60	15	100	15	300	520

Sumber: (2010), *Statistik Perkembangan Pendidikan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*, Shah Alam, Jabatan Pendidikan Selangor.

Jadual 3.6 adalah bilangan soalan yang diagihkan mengikut kumpulan sasar semasa diadakan kursus di beberapa tempat dalam di sekitar Lembah Klang anjuran PPD dan JPN. Setiap kumpulan sasar yang terdiri daripada guru besar, GPK, guru data, guru dan murid telah dipilih, yang berjaya dikumpul daripada semua soalselidik, temubual daripada semua edaran akan dianalisis. Data yang dianalisa menggunakan program SPSS Win Versi 15. Kaedah analisis

ditumpukan kepada penggunaan statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan.

Ujian kebolehppercayaan dengan menggunakan Cronbach's Alpha.

Jadual 3.7
Croanbach's Alpha keseluruhan set soalan awal.

Croanbach's Alpha	Bilangan N	Nilai Croanbach's Alpha berdasarkan Soalan
	320	0.670

Jadual 3.7 menunjukkan dapatan set soalan awal. Jadual 3.8 pula memperlihatkan nilai Croanbach's Alpha secara berasingan dalam ujian soalselidik awal mendapati nilai seperti berikut;

Jadual 3.8
Croanbach's Alpha mengikut item awal

Croanbach's Alpha	Bilangan N	Nilai Croanbach's Alpha berdasarkan Soalan
Kerjasama Guru dan Guru Besar	52	0.569
Gaya Kepimpinan Guru Besar	55	0.788
Kemudahan Infrastruktur	42	0.621
Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar	30	0.698
Sokongan PIBG	35	0.724
Iklm Pembesaran di Sekolah	59	0.598

Setelah mengugurkan hampir duapertiga soalan sebagaimana dicadangkan akhirnya sekumpulan set soalan berikut diperolehi. Walau bagaimana pun format soalan ini diubahsuai kepada lebih bahagian tetapi bilangan soalan yang digunakan dikurangkan berbanding set sebelumnya. Langkah tersebut meningkatkan Cronbach's Alpha kepada 0.698. Ini diperlihat dalam Jadual 3.9, nilai Croanbach's Alpha ini lebih meyakinkan dan nilai ini tidak banyak berbeza

di daerah yang berlainan. Akhirnya keputusan diambil untuk mengunapakai set kajiselidik yang sedia diuji.

Jadual 3.9
Croanbach's Alpha keseluruhan set soalan pindaan awal.

Croanbach's Alpha	Bilangan N	Nilai Croanbach's Alpha berdasarkan Soalan
	120	0.698

Jadual 3.1 adalah set soalan dalam kaji selidik seterusnya yang digunakan meliputi soalan yang telah diuji sebelumnya dan perlu disahkan di sekolah rintis. Soalan ini telah diuji di empat buah sekolah lain (luar sampel) mewakili sebuah sekolah setiap daerah dan mendapati hasilnya tidak banyak perbezaan.

Jadual 3.10
Croanbanch's Alpha mengikut item pindaan awal

Croanbach's Alpha	Bilangan N	Nilai Croanbach's Alpha berdasarkan Soalan
Kerjasama Guru dan Guru Besar	13	0.704
Gaya Kepimpinan Guru Besar	12	0.637
Kemudahan Infrastruktur	12	0.621
Bahan pembelajaran	12	0.651
Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar	13	0.619
Sokongan PIBG	13	0.610
Iklim Pembesaran di Sekolah	14	0.605
Sumbangan kokurikulum	14	0.704

Berdasarkan keputusan tersebut, soalan yang sama telah digunakan di sekolah-sekolah sampel. Jadual 3.11 merupakan keputusan soalselidik berbentuk skala Likert. Soalan mengandungi beberapa item diberikan kepada semua guru besar dan GPK di sekolah sampel.

Jadual 3.11
Agihan Set Soalan dan Fokus Sampel

Fokus Soalselidik	Bentuk Soalselidik	Bilangan Soalan
Guru besar	Likert berskala	100

3.4 Pendekatan Kajian

Kaedah soalselidik merupakan cara menyelesaikan permasalahan penyelidikan. Menurut Ahmad Mahdzan (1992) yang menjelaskan kaedah penyelidikan merupakan langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan. Secara umum kaedah penyelidikan utama untuk mendapatkan data terbahagi kepada dua, iaitu menggunakan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif.

Dalam kajian ini kaedah kuantitatif digunakan. Dalam lonjakan saujana tujuan kajian ialah menyelidik faktor lonjakan saujana di SK. Kajian ini hanya menggunakan pendekatan kuantitatif. Kita harus ingat bahawa isu utama yang menjadi asas kepada kaedah penyelidikan adalah permasalahan, bukan kaedah menentukan penyelidikan. Dengan kata lain setiap penyelidikan bermula dengan masalah, bukan metodologi. Setelah ada permasalahan barulah data-data dicari melalui metodologi-metodologi dan strategi pilihan sesuai.

3.5 Menentukan Strategi dan Teknik

Maklumat kajian dapat diperolehi daripada berbagai-bagai sumber. Strategi dan teknik merupakan cara-cara yang akan digunakan untuk mengumpul data-data atau maklumat dalam penyelidikan ini. Menurut Robson (1993) ‘strategi merujuk kepada gaya atau orientasi umum untuk menyelesaikan masalah penyelidikan’. Strategi yang dianggap tradisional ialah seperti eksperimen, tinjauan (*survey*) dan kajian kes.

Tujuan sesuatu kajian akan membantu menentukan strategi kajian. Teknik atau taktik pula merujuk kepada kaedah khusus dalam rekabentuk kajian. Contohnya seperti temubual, soal selidik, partisipasi, dan sebagainya. Setiap strategi dan teknik masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Penyelidikan boleh memilih strategi dan teknik tertentu ataupun menggabungkannya.

Apa yang penting ialah strategi dan teknik yang dipilih mempunyai ciri-ciri kredibiliti, keobjektifan, kebolehanpercayaan, keesahan dan kebolehan untuk generalisasi. Penyelidikan yang empirikal akan memilih strategi dan teknik yang sesuai dan betul dalam mengumpul data. Secara amnya terdapat dua kategori data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data-data yang diperolehi secara langsung daripada ‘kejadian’ sosial sebenar. Antara teknik yang selalu digunakan untuk mendapatkan data primer adalah seperti soal selidik, temubual, dan partisipasi. Data sekunder pula merupakan maklumat-maklumat

daripada bahan sedia ada dan boleh diperolehi melalui rujukan perpustakaan. Ia melibatkan kajian-kajian teks, dokumen, kertas kerja, mikro filem, media massa, dan sebagainya. Dalam contoh mengkaji kesan sekularisasi, data-data yang diperolehi hasil temubual dengan murid tersebut sebagai data primer.

Data-data yang di perolehi melalui bacaan di perpustakaan pula dianggap sebagai data sekunder. Sungguhpun setiap penyelidikan akan menentukan teknik masing-masing, secara umumnya boleh dibezakan antara teknik yang dipilih oleh penyelidikan kualitatif dan penyelidikan kuantitatif. Bagi penyelidikan kuantitatif strategi asas ialah soal selidik, menganalisa maklumat-maklumat data numerikal yang sedia ada dan melakukan eksperimen statistik. Dalam kajian lonjakan saujana, kita mempunyai sampel yang besar, kita akan memilih strategi menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Sekiranya sampel yang dipilih cuma lima orang, kita boleh memilih strategi temubual.

3.6 Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini setelah diuji adalah set soalselidik yang mengandungi pernyataan berkenaan dengan masalah meliputi aspek kerjasama guru, infrastruktur sekolah, semangat setiakawan, kepimpinan guru besar, sokongan PIBG dan iklim sekolah. Data guru meliputi jantina, umur, ras, kelulusan tertinggi, kelulusan iktisas, pengalaman mengajar dan kekerapan menghadiri kursus.

Item soalan berbentuk skala Likert 6 mata. Skala ini mempunyai nilai 1 hingga 6 di mana 1 bermakna tiada bersetuju dan 6 amat bersetuju. Skala 6 diputuskan berdasarkan keseimbangan dalam membuat keputusan. Setiap orang mempunyai kecenderungan membuat keputusan sendiri tetapi arah keputusan mereka perlu diarahkan kepada sangat positif atau sebaliknya. Skala 6 dipilih untuk mengelakkan responden memberikan jawapan kurang pasti yang akan mengganggu proses kutipan data.

Setelah menguji item berkaitan set soalan mengandungi sembilan item utama iaitu Bahagian A, B, C, D, E, F, G, H sehingga I digunakan.

Jadual 3.12

Agihan Bahagian Soalan Kajian

Fokus Kajian	Bahagian
Demografi	BAHAGIAN A
Kerjasama guru dan guru besar	BAHAGIAN B
Kemudahan infrastruktur	BAHAGIAN C
Bahan pembelajaran	BAHAGIAN D
Semangat setiakawan guru dan guru besar	BAHAGIAN E
Sokongan PIBG	BAHAGIAN F
Gaya kepimpinan guru besar	BAHAGIAN G
Iklim pembelajaran di sekolah	BAHAGIAN H
Sumbangan kokurikulum	BAHAGIAN I

Bahagian A; berkaitan demografi meliputi kajian deskriptif meliputi gender, umur, kelulusan dan pengalaman. Bahagian B, C, D, E, F, G, H dan I merupakan inferential statistik yang akan menentukan hubungan diantara pembolehubah seditada dengan lonjakan saujana. Untuk tujuan tersebut bahagian tersebut akan meneliti berkaitan berikut;

Soalselidik Guru Besar

Soalselidik guru besar mewakili sekolah dan bertanggungjawab merancang, mengurus dan mengajar di beberapa kelas di sekolah.

3.7 Kebolehpercayaan dan Keesahan Kajian

Kajian rintis telah dilakukan di beberapa sekolah setelah soalselidik pertama diuji. Nilai Croanbach's Alpha 0.670. Hasil kajian dan pengubahsuaian dilakukan terhadap kandungan borang soal selidik sebelum ianya diedarkan untuk penyelidikan sebenar. Hasil Croanbach's Alpha kedua ialah 0.700 diterima (Nunndy 1978).

Soalselidik diperbaiki untuk set ke-3 akan diuji daripada responden di bawah.

Untuk memastikan responden menjawab sebagaimana yang dirancang dalam kajian ini maka satu jadual lawatan dan kutipan data akan dilakukan dengan kebenaran JPN dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Setiap sekolah sampel akan menerima sejumlah set soalan yang mencukupi, mengikut keperluan kajian.

Soalselidik kajian memerlukan keesahan yang tinggi dan konsisten. Untuk menentukan soalselidik yang mempunyai keesahan yang tinggi dan konsisten semua set soalan diuji di beberapa sekolah berhampiran sebelum diedarkan. Soalselidik tersebut telah diperiksa dan disemak oleh beberapa orang pensyarah

di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tiga sekolah dipilih untuk tujuan Sekolah Rintis SR. SK Seksyen 7, Shah Alam, SK Padang Jawa dan SK Seafield 3. Sekolah ini dipilih kerana terdapat signifikan yang perlu diambil kira sebagai panduan. SK Seksyen 7 Shah Alam adalah sekolah di tengah bandaraya Shah Alam yang mempunyai bilangan murid yang ramai.

SK Padang Jawa pula sekolah lama dan berada disempadan bandaraya Shah Alam dan Klang. Kebanyakan murid sekolah ini pula adalah anak juruteknik kilang, buruh bandaraya dan setinggan sekitar Shah Alam. SK Seafield 3 terletak didua bandaraya Shah Alam dan Petaling Jaya. Murid ini terdiri daripada penghuni rumah pangsa kos murah dan baru berpindah ke suasana kawasan perumahan dari kawasan setinggan. Mereka adalah peniaga kecil sekitar Petaling Jaya, juruteknik dan kakitangan rendah kerajaan.

Lawatan Kajian ke Sekolah Rintis telah dilakukan mulai 28 Julai 2008 hingga 1 Ogos 2008 di Sekolah sekitar Shah Alam. Sekolah Rendah dipilih kerana kajian ini untuk mengkaji lonjakan saujana di SK. Sekolah Kebangsaan dipilih berdasarkan terdapat berbagai program yang dilakukan untuk memajukan sekolah. Usaha dedikasi guru disekolah ini membina iklim pembelajaran sangat dihargai tetapi semuanya belum menampakkan pencapaian yang diharapkan.

Jadual 3.13
Sekolah Kebangsaan Yang Terpilih

Bil.	Nama Sekolah	Lokasi	Keluarga
1	SK Seksyen 7	Bandar	Semua Lapisan
2	SK Padang Jawa	Pinggir Bandar	Juruteknik, buruh
3	SK Seafield 3	Perumahan	Penjaja Kecil

3.8 Kebolehpercayaan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan daripada 240 responden yang meliputi guru besar, nilai Cronbach's Alpha adalah 0.964. Ini bermakna set soalan yang mengandungi 67 faktor analisis yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi.

3.8.1 Faktor Kerjasama Guru dan Guru Besar

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Kerjasama Guru dinyatakan seperti di bawah. Daripada 7 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.878.

3.8.2 Faktor Kemudahan Infrastruktur

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Kemudahan Infrastruktur Guru dinyatakan seperti di bawah. Daripada 10 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.863.

3.8.3 Faktor Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Semangat Setiakawan dinyatakan seperti di bawah. Daripada 9 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.892.

3.8.4 Faktor Sokongan PIBG

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Sokongan PIBG dinyatakan seperti di bawah. Daripada 11 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.910.

3.8.5 Faktor Gaya Kepimpinan Guru Besar

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Kepimpinan Guru Besar dinyatakan seperti di bawah. Daripada 11 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.919.

3.8.6 Faktor Iklim Pembelajaran di Sekolah

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Iklim Pembelajaran dinyatakan seperti di bawah. Daripada 19 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.948.

3.8.7 Nilai Cronbach's Alpha Keseluruhan

Hasil kajian ini menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha untuk Keseluruhan faktor Lonjakan Saujana6 dinyatakan seperti di bawah. Daripada 67 item soalan dalam faktor ini mendapati nilai Cronbach's Alpha 0.964.

Jadual 3.14

Nilai Cronbach's Alpha mengikut Faktor dan keseluruhan.

Kumpulan Soalan	Nilai Cronbach's Alpha	
	Kajian Rintis	
Kerjasama	0.704	0.878
Infrastruktur	0.637	0.863
Setiakawan	0.651	0.892
Sokongan PIBG	0.619	0.910
Kepimpinan	0.610	0.919
Iklim	0.700	0.948
Keseluruhan	0.605	0.964

Daripada Cronbach's Alpha tersebut nilai bagi Iklim Pembelajaran iaitu 0.948 dan diikuti oleh Kepimpinan guru besar mencatatkan nilai 0.919. Nilai terendah ialah Infrastruktur mencatat 0.867 sahaja. Walau bagaimana pun kesemua nilai Cronbach's Alpha adalah melebihi 0.7 sebagaimana yang diperlukan kajian. Menurut Nanddy(1978) Cronbach's Alpha yang melebihi 0.700 boleh diterima sebagai kebolehpercayaan.

Jadual 3.15

Perbandingan Nilai Cronbach's Alpha.

Ujian	Bilangan N	Nilai Cronbach's Alpha
Ujian Rintis 1	320	0.670
Ujian Rintis 2	67	0.798
Kajian 1	67	0.964

Jadual 3.15 merupakan perbandingan kepada semua soalselidik adalah seperti di atas. Walau bagaimana pun tidak terdapat nilai Cronbach's Alpha yang kurang daripada 0.7. Ini meyakinkan bahawa soalselidik yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang agak tinggi.

3.9 KUTIPAN DATA

Data yang berjaya dikumpul daripada semua soalselidik, temubual daripada semua edaran akan dianalisis. Data yang dianalisa menggunakan program SPSSPC Win Versi 15. Kaedah analisis ditumpukan kepada penggunaan statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan manakala Pearson Correlation digunakan untuk menentukan perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah ujian.

Jadual 3.16
Kutipan maklum balas Sampel Mengikut Daerah.

Daerah	Borang Diedar	Borang Dikembalikan
Petaling Perdana	59	57
Petaling Utama	43	43
Klang	58	55
Gombak	52	52
Hulu Langat	64	64
JUMLAH	276	270

Semua rumusan data direkodkan sebagai data mentah. Hasil rumusan data-data ini menentukan hubungan semua pembolehubah kajian. Kesimpulan kajian adalah bergantung kepada ketepatan data yang dikutip sepanjang kajian. Semua guru besar yang hadir terpilih dan mewakili sekolah sampel dalam daerah berkenaan. Sekolah-sekolah ini juga dimaklumkan pernah mengalami lonjakan saujana untuk tempoh 2000-2009.

3.10 Jadual Kutipan Data

Kajian dilaksanakan di sekolah sampel untuk menentukan suasana serta matlamat kajian mampu dicapai sebaiknya. Jadual 3.17 menjelaskan tarikh dan waktu kajian dilakukan mematuhi jadual kerja dan tarikh yang telah ditetapkan. Sampel yang terdiri daripada hanya guru besar sahaja. Guru besar diputuskan sebagai individu yang paling layak menjawab mewakili sekolah kerana beliau bertanggungjawab merancang, melaksana, memantau lonjakan saujana di sekolah. Jadual pertemuan berdasarkan Mesyuarat Pengurusan Daerah yang telah dijadualkan seperti jadual di bawah.

Jadual 3.17

Jadual Mesyuarat Pengurusan Guru Besar Daerah Negeri Selangor.

Tarikh	Masa	Daerah	Tempat Mesyuarat
02.02.2010	8.00 pagi	Petaling Perdana	PPD Petaling Perdana
02.02.2010	4.30 petang	Petaling Utama	PPD Petaling Utama
03.02.2010	8.00 pagi	Klang	PPD Klang
03.02.2010	2.00 petang	Gombak	PPD Gombak
04.02.2010	4.00 petang	Hulu Langat	PPD Hulu Langat

Setelah selesai kajian dan semua borang soalselidik dikembalikan didapati agihan taburan sampel seperti dalam Jadual 3.18 di bawah.

Jadual 3.18
Bilangan Sekolah Sampel Mengikut Daerah.

	SK	Borang Tidak Lengkap	Borang Lengkap
Petaling Perdana	57	7	50
Petaling Utama	43	3	37
Klang	58	5	50
Gombak	64	4	57
Hulu Langat	52	4	46
Jumlah	276	24	240

3.11 Analisis Data

Data yang dikutip dimasukkan ke dalam SPSS Versi 15 dan dibuat analisis menggunakan sistem deskriptif dan inferential. Ujian statistik tersebut adalah untuk menguji hypotesis Ho1, Ho2, Ho3, Ho4, Ho5 dan Ho6. Ujian hypotesis juga untuk mengenalpasti objektif kajian dan menjawab persoalan kajian.

3.12 Rumusan Metodologi Kajian

Perancangan awal adalah penting dalam menentukan kelancaran kajian yang akan dijalankan. Perancangan meliputi masa, lokasi, sasaran, bentuk sekolah dan kos. Diantara cabaran yang ketara ialah keupayaan memutuskan responden paling layaak dan berkesan berdasarkan persekitaran sekolah yang berbeda, budaya sekolah dan gaya pengurusan yang berbeda. Usaha perlu dilihat untuk meneliti semua kemungkinan yang bakal dihadapi sepanjang kajian ini. Berbagai cabaran

pasti akan dilalui dalam melaksanakan kajian ini di sekolah-sekolah dalam Lembah Klang. Perbezaan ini memerlukan satu kaedah penyelarasan supaya mampu mengutip data yang tepat dan relevan. Walaupun ketepatan data bergantung kepada faktor masa, tempat, lokasi, budaya perlu diambil penelitian.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan Dapatan Kajian

Bab ini melaporkan dapatan kajian secara khusus. Dapatan ini memaparkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan berkaitan hubungan lonjakan saujana. Bab ini merupakan peringkat akhir kajian yang dilaksanakan. Dapatan kajian melaporkan dalam beberapa sub-tajuk iaitu pengenalan, data deskriptif, memastikan hubungan diantara pembolehubah dan pengujian hipotesis. Dapatan ini dalam pelbagai bentuk analisis data dan rumusan.

Dapatan kajian meliputi data dan maklumat serta rumusan dapatan. Dapatan berdasarkan kajian dan tidak bersandarkan rujukan-rujukan sekunder. Bab ini membincangkan hasil-hasil ujian hipotesis berdasarkan data yang diperoleh. Hujahan-hujahan yang kritikal disertakan untuk menjelaskan signifikan sesuatu dapatan. Dapatan-dapatan utama merupakan perkara-perkara yang berkaitan secara langsung dengan permasalahan penyelidikan. Kebarangkalian terdapat dapatan yang tiada kaitan tetapi menjadi dapatan

sampingan yang tidak secara langsung memberikan impak kepada kajian. Akhirnya bab ini membuat rumusan dapatan kajian dan membuat cadangan-cadangan yang berkaitan.

4.1.1 Dapatan Umum

Secara umumnya merujuk kepada Jadual 4.1 terdapat seramai 240 sampel dalam kajian ini yang terdiri daripada Melayu 160 (66.6%), Cina 51 (21.3%) dan India 29 (12.1%) dengan pecahan peratusan sampel mengikut kaum seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1
Agihan Guru Besar Mengikut Keturunan

Keturunan	Bilangan	Peratus
Melayu	160	66.6
Cina	51	21.3
India	29	12.1
Jumlah	240	100.0

Jika dilihat sampel ini juga menggambarkan polarisasi ketara di sekolah bandar hari ini. Terdapat hanya 66.6 % guru Melayu, 21.3 % guru Cina dan selebihnya kaum lain. Ini bermakna wujud peningkatan kaum lain dalam sektor perguruan di negara ini semakin ketara.

Jadual 4.2 menunjukkan seramai 52 orang guru besar lelaki dan selebihnya merupakan guru besar perempuan telah membantu dalam kajian ini.

Jadual 4.2
Agihan Guru Besar Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	52	21.6
Perempuan	188	78.3
Jumlah	240	100.0

Ini bermakna di Lembah Klang masih terdapat imbalan ketara dalam perkhidmatan perguruan dari segi kaum walaupun banyak sekolah yang wujud mempunyai komposisi yang berbeza. Komposisi yang berbeza ini memberi kesan kepada iklim pembelajaran di sekolah. Menurut Kothler (2000) kelayakan akademik menggambarkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengurusan di sesebuah institusi. Dapatan kajian menggambarkan kelayakan dan kemahiran guru besar di sekolah-sekolah rendah Lembah Klang kini menunjukkan perkembangan yang menggalakan. Bilangan guru besar berkelulusan Diploma, Ijazah pertama dan Sarjana semakin meningkat. Ini bermakna perkembangan kualiti pengurusan pendidikan dan kelayakan guru besar semakin baik. Langkah awal Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) berhasil ke arah wawasan SK lonjakan saujana.

Jadual 4.3 kajian mendapati di sekolah sekitar Lembah Klang telah memperlihatkan 62.1 % guru besarnya memiliki Diploma, seramai 34.6% telah memiliki Ijazah dan selebihnya Sarjana. Butiran lanjut ditunjukkan di dalam Jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3

Agihan Kelulusan Guru Besar Di sekolah

Kelayakan Tertinggi	Bilangan	Peratus
Diploma	149	62.1
Ijazah	83	34.6
Sarjana	8	3.3
Jumlah	240	100.0

Merujuk kepada Jadual 4.4 terdapat guru besar di sekolah sekitar Lembah Klang juga bukan sekadar memberikan perkhidmatan di sekolah malah mereka juga terlibat secara aktif dengan kegiatan kemasyarakatan. Malahan terdapat juga guru besar yang mengetuai kejiranan dan menganggotai khidmat masyarakat di sesuatu kawasan.

Jadual 4.4

Sumbangan guru besar kepada Masyarakat

Khidmat Masyarakat	Bilangan	Peratus
JKKK / JKKR	1355	6.4
Imam/ Bilal / Siak	682	8.2
Ketua Kampong	26	10.9
Pengerusi NGO	7	3.6
Ahli Majlis	4	0.9
Jumlah	240	100.0

Jadual 4.5, menunjukkan lokasi sekolah di Lembah Klang terletak dalam kawasan bandar dan pinggir bandar. Sebanyak 77.7% terletak dalam bandar dan selebihnya 22.3 % adalah sekolah pinggir bandar.

Jadual 4.5

Lokasi Sekolah

Lokasi Sekolah	Bilangan	Peratus
Bandar	186	77.7
Luar Bandar	54	22.3
Jumlah	240	100.0

Merujuk Jadual 4.6, daripada sejumlah 276 buah sekolah yang dicadangkan dalam kajian awal hanya 240 buah sekolah telah memberikan respon yang betul dalam kajian ini. Berdasarkan sekolah tersebut (135 buah) 56.4 % sekolah gred A dan (81 buah) 33.6 % gred B terletak di sekitar Lembah Klang. Walau bagaimana pun terdapat sekolah kurang murid (SKM) di sesetengah kawasan di sekitar Lembah Klang.

Jadual 4.6

Gred sekolah sampel mengikut daerah

Bil	Daerah	Gred A	Gred B	SKM
1	Petaling Perdana	28	17	5
2	Petaling Utama	20	12	5
3	Klang	24	20	6
4	Gombak	35	18	4
5	Hulu Langat	28	14	4
	Jumlah	135	81	24

Peratusan guru besar sekolah yang tidak menghadiri mesyuarat di daerah berjumlah 10 orang(3.62%) daripada keseluruhan 276 buah sekolah sekitar Lembah Klang. 10 orang guru besar yang tidak hadir kerana bercuti, sakit, menunaikan Fardhu Haji atau berada di luar negara. Guru penolong kanan tidak dibenarkan menggantikan guru besar dalam Mesyuarat Pentadbiran tersebut.

Jadual 4.7, menunjukkan daripada bilangan 266 orang guru besar, Jadual 4.7 yang mengembalikan sebanyak 26 telah ditolak kerana tidak menjawab dengan lengkap. Ini bermakna hanya 240 responden diterima dalam kajian ini. 26 jawapan yang rosak dikenalpasti kerana tidak pasti jawapan dan tidak cukup masa untuk menjawab.

Jadual 4.7
Cadangan sekolah dilawati dan taburan sekolah sebenar memberi respon

Bil	Daerah	Bilangan Sekolah	Mengembalikan	Jawapan Tidak Lengkap	Jawapan Lengkap
1	Petaling Perdana	59	57	7	50
2	Petaling Utama	43	43	6	37
3	Klang	58	55	5	50
4	Gombak	64	61	4	57
5	Hulu Langat	52	50	4	46
	Jumlah	276	266	26	240

Dalam kajian ini soalan diagihkan kepada semua responden dan jawapan dikutip pada hari yang sama. Tiada penangguhan waktu. Untuk menggalakkan responden menjawab beberapa galakan diberikan sebagai penghargaan kepada mereka.

Responden dalam kajian ini umumnya merujuk kepada Jadual 4.8 menyatakan agihan sekolah yang terdapat iaitu sekolah Gred A, Gred B dan Sekolah Kurang Murid. Di Lembah Klang berlaku penurunan dan peningkatan bilangan murid berdasarkan beberapa pekara iaitu lokasi penempatan baru, sekolah ternama dan sekolah dipimpin oleh guru besar yang dikenali. Namun apa yang jelas adalah sekolah ini dibahagikan kepada tiga kategori sahaja.

Jadual 4.8

Gred sekolah

Gred Sekolah	Bilangan	Peratus
Gred A	135	56.4
Gred B	813	3.6
SKM	24	10.0
Jumlah	240	100.0

Masih terdapat sistem persekolahan yang mengasingkan murid lelaki dan murid perempuan. Walau bagaimana pun dalam Jadual 4.9 menunjukkan terdapat sebanyak 90.0 % (216 buah) sekolah di lembah Klang adalah bercampur lelaki dan perempuan dan selebihnya sekolah perempuan sahaja. Walau bagaimana pun hampir kesemua sekolah yang diambil adalah sekolah bercampur.

Jadual 4.9

Taburan Jenis sekolah

Jenis Murid Sekolah	Bilangan	Peratus
Semua Lelaki	0	0
Semua Perempuan	24	10.0
Bercampur Lelaki Perempuan	216	90.0
Jumlah	240	100.0

Jadual 4.10 menunjukkan majoriti guru besar di sekolah-sekolah dalam Lembah Klang juga berumur diantara 38 hingga 58 tahun. Bilangan guru besar yang baru berkhidmat di sekolah-sekolah sekitar Lembah Klang sekitar 17.7% sahaja. Daripada dapatan ini jelas menggambarkan kebanyakan guru besar adalah merupakan guru yang berpengalaman di sekolah sekitar mereka.

Jadual 4.10
Taburan Umur Semasa Perkhidmatan

Taburan Umur	Bilangan	Peratus
35-39 tahun	24	10.0
40-44 tahun	31	12.8
45-49 tahun	44	18.6
50-54 tahun	48	20.0
55-59 tahun	93	38.6
Jumlah	240	100.0

Ini bermakna keperluan pentadbiran di SK sekitar Lembah Klang adalah mencukupi. Jawatan guru besar hampir di semua sekolah telah dipenuhi oleh guru yang berpengalaman mengikut subjek, lokasi dan mampu menangani persoalan di kebanyakan sekolah.

4.2 Analisis Korelasi

Analisis Korelasi adalah untuk mencari hubungan diantara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Jadual 4.11 adalah skala korelasi dan hubungan kepada korelasi berkaitan. Pembolehubah tidak bersandar lonjakan saujana dan pembolehubah bersandar pula kerjasama guru dan guru besar, kemudahan infrastruktur, semangat setiakawan di antara guru dan guru besar, sokongan PIBG, gaya kepimpinan guru besar dan iklim pembelajaran di sekolah.

Jadual 4.11

Analisis Korelasi

Skala Korelasi	Gambaran korelasi
0.1 - 0.2	Sangat Lemah
0.3 - 0.4	Lemah
0.5 - 0.6	Sederhana
0.7 - 0.8	Kuat
0.9 - 1.0	Sangat Kuat

Butiran lanjut analisis korelasi di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar ditunjukkan dalam Jadual 4.12 dibawah. Pembolehubah bersandar meliputi faktor-faktor kerjasama guru dan guru besar, kemudahan infrastruktur, semangat setiakawan guru dan guru besar, sokongan PIBG, gaya kepimpinan guru besar dan iklim pembelajaran di sekolah.

Berdasarkan kepada Jadual 4.13 didapati semua pembolehubah kemudahan infrastruktur, semangat setiakawan guru dan guru besar, sokongan PIBG, gaya kepimpinan guru besar dan iklim pembelajaran adalah sangat signifikan (0.000) dan hanya kerjasama (0.168).

Jadual 4.12

Ringkasan Perhubungan

	Kerjasama	Setiakawan	Infrastruktur	PIBG	Kepimpinan	Iklim	Lonjakan
Kerjasama							
Pearson Perhubungan							
Sig. (2-tailed)							
Setiakawan							
Pearson Perhubungan	0.240(**)						
Sig. (2-tailed)	0.000						
Infrastruktur							
Pearson Perhubungan	0.357(**)	0.782(**)					
Sig. (2-tailed)	0.000	0.000					
Sokongan PIBG							
Pearson Perhubungan	0.248(**)	0.886(**)	0.728(**)				
Sig. (2-tailed)	0.000	0.000	0.000				
Kepimpinan							
Pearson Perhubungan	0.213(**)	0.763(**)	0.624(**)	0.766(**)			
Sig. (2-tailed)	0.001	0.000	0.000	0.000			
Iklim							
Pearson Perhubungan	0.230(**)	0.827(**)	0.7000(**)	0.879(**)	0.806(**)		
Sig. (2-tailed)	0.001	0.000	0.000	0.000	0.000		
Lonjakan Saujana							
Pearson Perhubungan	0.093	0.405(**)	0.343(**)	0.408(**)	0.181(**)	0.325(**)	
Sig. (2-tailed)	0.168	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	
	Kerjasama	Setiakawan	Infrastruktur	PIBG	Kepimpinan	Iklim	Lonjakan

Jadual 4.13

Hubungan Antara Pembolehubah (*Inter Correlations*)

Lonjakan	Kerjasama	Setiakawan	Infrastruktur	PIBG	Kepimpinan	Iklim
Pearson						
Correlation	0.093	0.405(**)	0.343(**)	0.408(**)	0.181(**)	0.325(**)
Sig. (2-tailed)	0.168	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000
N	240	240	240	240	240	240

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil keputusan menunjukkan hubungan Semangat Setiakawan guru dan guru besar adalah signifikan dengan lonjakan saujana ($r = 0.405$ dan $p < 0.01$). Begitu juga hubungan kemudahan Infrastruktur adalah signifikan dengan lonjakan saujana ($r = 0.343$ dan $p < 0.01$). Manakala hubungan sokongan PIBG adalah signifikan dengan lonjakan saujana ($r = 0.408$ dan $p < 0.01$). Hubungan Gaya kepimpinan guru besar adalah signifikan dengan lonjakan saujana ($r = 0.181$ dan $p < 0.01$). Begitu juga hubungan Iklim pembelajaran di sekolah adalah signifikan dengan lonjakan saujana ($r = 0.325$ dan $p < 0.01$) dan hubungan Kerjasama guru dan guru besar adalah tidak signifikan dengan lonjakan saujana kerana nilai ($r = 0.093$ dan $p > 0.01$ iaitu $p = 0.168$).

4.3 Pengujian Hipotesis

Berdasarkan hipotesis yang dinyatakan seperti Jadual 4.14 pengujian hipotesis dilakukan menggunakan ujian penentuan. Merujuk Jadual 4.14 menunjukkan berdasarkan hipotesis yang dinyatakan seperti di bawah pengujian hipotesis dilakukan menggunakan ujian penentuan.

Jadual 4.14

Hipotesis dalam kajian

Ho	Hipotesis Nol
Ho1	Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kerjasama guru dan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana.
Ho2	Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kemudahan infrastruktur di sekolah dengan lonjakan saujana.
Ho3	Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara semangat setiakawan disekolah dengan lonjakan saujana.
Ho4	Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara sokongan PIBG di sekolah dengan lonjakan saujana
Ho5	Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kepimpinan guru besar di sekolah dengan lonjakan saujana
Ho6	Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara iklim pembelajaran di sekolah dengan lonjakan saujana

Ujian Correlations Pearson (2 Tailed) juga menyatakan hubungan sangat signifikan. Didapati semua faktor-faktor tidak bersandar adalah signifikan kecuali faktor hubungan ($r = 0.093$, $p < 0.01$). Berdasarkan Ringkasan Pearson Correlations di atas didapati tidak semua hasil kajian ini menunjukkan hubungan signifikan.

Ho1 ditolak menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara lonjakan saujana dengan kerjasama dengan hubungan setiakawan ($r = 0.24$, $p < 0.05$), ini bermakna kajian ini menolak Ho1. Manakala Ho2 ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan diantara lonjakan saujana dengan kemudahan infrastruktur yang disediakan di sekolah ($r = 0.36$, $p < 0.05$). Ini bermakna Ho2 ditolak. Begitu juga Ho3 ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan diantara lonjakan saujana dengan semangat setiakawan diantara guru dan guru besar di sesebuah sekolah ($r = 0.24$, $p < 0.05$). Ini bermakna Ho3 ditolak.

Ho4 juga ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan diantara lonjakan saujana dengan sokongan PIBG kepada sekolah ($r = 0.25$, $p > 0.05$). Ini bermakna Ho4 ditolak. Manakala Ho5 ditolak kerana menyatakan terdapat hubungan yang signifikan diantara lonjakan saujana dengan gaya kepimpinan Guru Besar di sekolah ($r = 0.18$, $p > 0.05$). Ini bermakna Ho5 ditolak..

Ho6 juga ditolak menyatakan terdapat hubungan yang signifikan diantara lonjakan saujana dan iklim pembelajaran di sekolah ($r = 0.33$, $p < 0.05$).

Jadual 4.15

Keputusan Ujian Hipotesis.

Ho	Nilai r	Nilai p	Keputusan
Ho1 (Kerjasama Guru dan Guru Besar)	$r = 0.24$	$p < 0.05$	Gagal menolak Ho1
Ho2 (Kemudahan Infrastruktur)	$r = 0.36$	$p < 0.05$	Menolak Ho2
Ho3 (Semangat Setiakawan Guru dan Guru Besar)	$r = 0.24$	$p < 0.05$	Menolak Ho3
Ho4 (Sokongan PIBG)	$r = 0.25$	$p > 0.05$	Menolak Ho4
Ho5 (Gaya Kepimpinan Guru Besar)	$r = 0.18$	$p > 0.05$	Menolak Ho5
Ho6 (Iklim Pembelajaran di Sekolah)	$r = 0.33$	$p < 0.05$	Menolak Ho6

Dalam kajian ini Ho1 gagal menolak Hipotesis nol Ho.

Dari kajian di atas terdapat korelasi yang lemah diantara kerjasama yang diberikan oleh guru kepada guru besar dalam melaksanakan tugas mereka yang dijalankan secara paksaan dan bukan secara sukarela.

4.4 Analisis Regresi


Berdasarkan persamaan linear: $y = mx + c$ dan kerangka teoritikal seperti berikut:

Jika dikatakan:

- y = lonjakan saujana
- a = konstan
- b = Coefficients
- X_1 = kerjasama guru
- X_2 = kemudahan infrastruktur
- X_3 = semangat setiakawan guru dan guru besar
- X_4 = Sokongan PIBG
- X_5 = Kepimpinan guru besar
- X_6 = Iklim pembelajaran ekolah
- e = ralat piawai

maka persamaan SK lonjakan saujana sebagai:

$$y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + b_5X_5 + b_6X_6 + e$$



Rajah 4.1

Persamaan pembolehubah parameter lonjakan saujana

Berdasarkan kepada Jadual 4.16 Model Summary di bawah, dapatan kajian ini menyatakan R square bernilai 0.830. Ini bermakna sebanyak 83% faktor lonjakan saujana di SK adalah sangat dipengaruhi oleh iklim, sokongan PIBG, kemudahan infrastruktur, kepimpinan guru besar dan semangat setiakawan guru di sekolah. Walau bagaimana pun masih terdapat hanya 17% faktor lain yang masih belum diketahui. Ini bermakna kajian ini sangat penting dan dapatan kajian ini perlu diambil perhatian serius oleh semua pihak.

$$y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + b_5X_5 + b_6X_6 + e$$

$$\begin{aligned} \text{Lonjakan saujana} = & \text{konstan} + (0,002)\text{Kerjasama} + (0.018) \text{Infrastruktur} \\ & + (0.223) \text{Setiakawan} + (0.251) \text{Sokongan PIBG} \\ & + ((0.240) \text{Kepimpinan} + (0.280) \text{Iklim} + \text{Ralat Piawai} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Lonjakan saujana} = & (- 0.805) + (0,002)\text{Kerjasama} + (0.018) \text{Infrastruktur} \\ & + (0.223) \text{Setiakawan} + (0.280) \text{Sokongan PIBG} \\ & + ((0.240) \text{Kepimpinan} + (0.280) \text{Iklim} + (0.207) \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Lonjakan saujana} = & -0.805 + 0.002X_1 + 0.018X_2 + 0.223X_3 + 0.280X_4 + \\ & 0.240X_5 + 0.280X_6 + 0.207 \end{aligned}$$

Berdasarkan kerangka teoritikal di atas untuk membina sebuah sekolah lonjakan saujana cirri-ciri kerjasama guru dan guru besar, kemudahan infrastruktur, semangat setiakawan guru dan guru besar, sokongan PIBG, gaya kepimpinan guru besar serta iklim pembelajaran di sekolah perlu berlaku serentak. Walau bagaimana pun kajian ini menyokong bahawa factor lonjakan saujana ditentukan oleh Iklim pembelajaran di sekolah (0.278), Sokongan PIBG (0.263), Kemudahan Infrastruktur (0.238) dan Gaya Kepimpinan guru besar (0.198). Faktor Semangat Setiakawan di antara guru dan guru besar serta kerjasama guru dan guru besar sangat kecil pengaruhnya.

Jadual 4.16

Ringkasan Model (*Model Summary*)

Coefficients(a)		Std. Error of the Estimate			Change Statistics			
R	R Square	Adjusted R Square		Sig. F Change	R Square Change	F Change	df1	df2
0.911(a)	0.830	0.825	0.33165	0.830	173.374	6	233	0.000

a Predictors: (Constant), iklim, kerjasama, setiakawan, kepemimpinan, PIBG, Infrastruktur

Jadual 4.17

Analisis Regresi

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta	B	Std. Error
(Konstant)	-0.085	0.207		-0.411	0.682
Kerjasama	0.002	0.028	0.003	0.083	0.934
Setiakawan	0.018	0.052	0.017	0.351	0.726
Infrastruktur	0.223	0.068	0.238	3.286	0.001
PIBG	0.251	0.068	0.263	3.695	0.000
Kepimpinan	0.240	0.060	0.198	4.021	0.000
Iklim	0.280	0.052	0.278	5.392	0.000

a Dependent Variable: sumbangan

Dalam Jadual 4.17, faktor iklim pembelajaran di sekolah ($\beta = 0.278$ dan $B = 5.392$) paling mempengaruhi lonjakan saujana di sekolah-sekolah berbanding faktor lain seperti Gaya kepimpinan guru besar, Sokongan PIBG, Kemudahan infrastruktur, Semangat setiakawan guru dan guru besar dan Kerjasama guru dan guru besar. Ini bermakna pembinaan faktor nilai budaya sekolah, kawalan disiplin murid, kaedah pembelajaran serta hubungan di antara komuniti sekolah menjadi faktor utama lonjakan saujana di sesebuah sekolah.

4.5 Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian ini jika sesebuah sekolah ingin mengalami SK lonjakan saujana maka semua faktor seperti iklim pembelajaran di sekolah, kemudahan infrastruktur, sokongan PIBG, gaya kepimpinan guru besar dan semangat setiakawan guru dan guru besar perlu berlaku serentak di sesebuah sekolah. Dalam hal ini tiada pihak yang boleh menyatakan diri mereka atau peranan mereka lebih penting dibandingkan orang lain. Faktor ini merupakan asas perpaduan, keharmonian dan kepercayaan masyarakat kepada sekolah untuk membina imej yang baru. Melalui asas inilah keadaan sejahtera mengekalkan iklim kondusif sesebuah sekolah dapat dilakukan. Sebuah sekolah yang kondusif akan menarik minat dan membuka minda murid belajar di sekolah tersebut.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini pada asasnya berdasarkan pemerhatian di Sekolah Kebangsaan di sekitar Lembah Klang. Kajian ini juga mengambil kira penelitian dalam tempoh 15 tahun pengalaman para guru besar di sekolah-sekolah berkenaan. Pemerhatian ini juga melibatkan 240 sekolah yang pernah direkodkan mencapai dan mengekalkan kejayaan gemilang dalam tempoh 2000-2009. Pemerhatian ini mengambil kira lokasi sekolah-sekolah, nilai-nilai dalam sesebuah komuniti, dasar dan undang-undang yang digunapakai, keperluan perubahan setempat dan segala bentuk hasil yang diharapkan daripada sesebuah sekolah. Semua unsur ini dilaksanakan atas nasihat yang diberikan oleh Jemaah Nazir, JPN, PPD, Institut Aminuddin Baki (IAB) untuk menambahbaik pengurusan SK berkenaan.

Keperluan perkembangan kehidupan manusia secara berkesan adalah melalui ilmu pengetahuan, kemahiran, pendedahan dan pengalaman. Kemahiran dan pengetahuan akan membantu membina kerjaya dan meningkatkan kehidupan seharian. Pendidikan juga meningkatkan keupayaan profesion, terutama apabila kita memerlukan pencapaian yang tinggi.

Apapun langkah yang diambil akan memberikan kesan hubungan sesama guru dan kakitangan yang melaksanakan tugas di sekolah. Kelangsungan hubungan dengan Guru Penolong Kanan (GPK), kesediaan mengubah suasana kerja tetapi tidak mengubah tempat kerja yang kekal dan harmoni. Keperluan merancang awal semua aktiviti yang baik dengan mengabaikan emosi, untuk mencapai kejayaan pengorbanan dengan menanggung risiko adalah besar dan wajar. Ini bertujuan guru berfungsi sebagaimana dikehendaki.

5.2 Perbincangan Dapatan

Dapatan kajian ini menunjukkan kerjasama guru tidak signifikan berbanding faktor lain. Kajian juga mendapati guru besar dan guru kurang berinteraksi secara terus. Hubungan antara mereka melalui GPK atas urusan rasmi sahaja. Keadaan ini berlaku di sekolah berpunca daripada kesuntukan masa, perbezaan status kuasa, umur, kelulusan dan pengalaman perkhidmatan.

Menurut Ibrahim (2001) kepimpinan seorang guru besar yang pernah mendapat Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Anugerah Sekolah Harapan Negara mengamalkan pendekatan Pengurusan Autokratik. Para guru perlu melalui sistem birokerasi di sekolah dan wajib akur dalam pelaksanaan P&P. Guru tidak diberikan kebebasan dalam memilih atau menentukan subjek yang dikehendaki. Penentuan subjek adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan. Suasana ini meletakkan kuasa menentukan halatuju sekolah di tangan guru besar. Guru besar tidak terus berhubung dengan guru tetapi melalui GPK. Konsep “*empowerment*” dilaksanakan melalui GPK yang ada. Guru besar akan menjalankan peranan pemantauan dan membuat keputusan.

Di sinilah wujudnya konflik guru. Diantara konflik itu ialah perbezaan kategori guru siswazah dan GPK. Konflik ini sangat ketara di sekolah bandar. Konflik guru lelaki dan guru wanita sering merujuk kepada perbezaan status yang sangat ketara. Wujud juga konflik jantina dan usia yang sering menimbulkan pertikaian pengaruh sehingga menimbulkan kegagalan pematuhan arahan yang disampaikan.

Walau bagaimana pun dapatan kajian ini menyokong bahawa faktor lonjakan saujana adalah ditentukan oleh iklim pembelajaran, sokongan PIBG, kemudahan infrastruktur, kepimpinan guru besar dan setiakawan. Berdasarkan kajian ini didapati iklim sekolah menunjukkan faktor paling dominan berbanding faktor lain. Iklim

pembelajaran memainkan peranan penting untuk memastikan semua murid berada dalam suasana selesa dan selamat untuk belajar. Program ini selari dengan Program Sekolah Sihat dan Selamat, Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan Program Pengajaran Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Kajian iklim pembelajaran sekolah yang berbagai sepatutnya mampu menyenaraikan bentuk persaingan sihat sebuah SK lonjakan saujana. Dalam kajian ini turut mencadangkan pembinaan sistem, nilai dan kepercayaan untuk meneguhkan iklim sekolah. Malah membina semangat serta budaya murid, guru, bukan guru dan pentadbir di SK. Kajian baru yang menjurus kepada pembentukan iklim pembelajaran sekolah perlu untuk menjadi pemangkin pembinaan SK lonjakan saujana.

Dapatan kajian ini mengambil kira lokasi sekolah-sekolah, nilai-nilai dalam sesebuah komuniti, dasar dan undang-undang yang digunakan, keperluan perubahan setempat dan segala bentuk hasil yang diharapkan daripada sesebuah sekolah. Semua unsur ini dilaksanakan atas nasihat yang diberikan oleh Jemaah Nazir, JPN, PPD, Institut Aminuddin Baki (IAB) untuk menambahbaik pengurusan SK berkenaan.

Dapatan kajian ini membimbing guru besar mengendalikan masalah guru, meyakinkan guru, meningkatkan komitmen guru dan menyediakan pasukan guru yang proaktif supaya lebih bersedia untuk berkhidmat. Selari dengan pandangan Ibrahim (2001) guru dan guru besar lebih bersedia menghadapi kegagalan serta cabaran dengan tabah.

Faktor kerjasama guru perlu dipertingkatkan untuk memastikan peningkatan pembangunan fizikal dan kemanusiaan di SK. Melalui interaksi yang terancang semangat kerjasama dapat dimajukan. Setiakawan akan memastikan keakraban guru terjalin erat di sesebuah sekolah. Kerjasama ini akan meningkatkan imej sekolah di mata masyarakat, penyaluran maklumat, kawalan kualiti dan pembinaan perubahan sekolah mampu dilaksanakan.

Dapatan kajian ini turut menyokong kajian Elsby (2007) menjelaskan bahawa kemudahan infrastruktur diperlukan untuk menjadi pemangkin memacu lonjakan saujana di sekolah secara menyeluruh. Daripada pandangan ini ternyata dapatan kajian ini sangat bertepatan dengan apa yang telah dibuktikan. Ini bermakna kemudahan infrastruktur di sekolah menjadi faktor yang menentukan sebuah lonjakan saujana.

Ini bermakna cadangan pemantauan kemudahan infrastruktur sedia ada perlu lebih tegas, agar SK dilengkapi kemudahan infrastruktur agar mampu bersaing aktif

dalam pelajaran. Satu kajian menyeluruh yang baru diperlukan untuk mengurangkan masalah kekurangan kemudahan infrastruktur di SK. Seajar dengan pandangan Najib (2002) SK perlu muncul sebagai sekolah serba maju dan disegani. Murid dan gurunya perlu diberikan peluang sebaiknya. Walaupun Hishamuddin (2006) juga menegaskan masalah kemudahan infrastruktur di SK tidak boleh dijadikan alasan sehingga boleh menjejaskan usaha membina lonjakan saujana.

Dapatan kajian ini turut menyokong Laporan *Educators* (2007) menjelaskan sekolah yang berjaya meningkat dan mengekalkan prestasi tinggi selalunya dipimpin oleh seorang guru besar dan para gurunya mengamalkan semangat setiakawan dalam apajua keadaan. Semangat setiakawan ini menjadi teras "*teamwork*" di sekolah. Semangat setiakawan perlu dalam menangani keperluan lonjakan saujana di SK. Dapatan kajian ini turut bersetuju dengan Ibrahim (1997) yang menegaskan semangat setiakawan ini meliputi jatidiri dan kesediaan berkhidmat yang berterusan untuk bangsa dan negara. Satu kajian di University of Texas, (January 18 2007) pula mendapati unsur utama yang menentukan kejayaan sesebuah sekolah ialah kepimpinan guru besar. Kajian ini juga mendapati kepimpinan guru besar menentukan kejayaan sesebuah sekolah.

Guru besar perlu meningkatkan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan untuk menyalurkan ruang idea kepada masyarakat melalui pelbagai kerjasama guru. Guru besar juga perlu mengurangkan konflik peribadi yang mampu menjejaskan

hubungan dan kerjasama dengan guru. Untuk mengurangkan masalah ini pemilihan dan penempatan guru besar perlu didasarkan kepada keupayaan, kelayakkan, kelulusan dan bukan kepentingan peribadi semata-mata. Sependapat dengan kajian Zulkifli Hamzah (1998) juga menyatakan perlunya pengetua dan kepimpinan mereka diperkemaskan agar mereka mampu memberikan perkhidmatan yang berkesan.

5.2.1 Faktor-faktor SK Lonjakan Saujana

Kajian ini mendapati faktor yang menentukan lonjakan saujana di SK Lembah Klang adalah kerana wujudnya iklim pembelajaran, sokongan PIBG, kemudahan infrastruktur, kepimpinan guru besar dan semangat setiakawan di sekolah. Dapatan kajian ini selari dengan saranan Ron Kurtus (2001) untuk memastikan kejayaan di sekolah segenap lapisan warga sekolah perlu berusaha untuk melakukan lonjakan saujana.

Malah, dapatan kajian ini mendapati tidak bertentangan dengan laporan Educators dalam "*A journal for educator* (2007)" yang menyatakan keupayaan seorang pemimpin instruksional merancang akan memberi ruang kerjasama dan sokongan terbuka masyarakat kepadanya. Ini bermakna kepimpinan guru besar akan menentukan sokongan dan kerjasama kepada sekolah. Dapatan kajian ini juga menyokong laporan "*Quantum Leap Strategies* (2008)", menyarankan pembinaan iklim pembelajaran di sekolah akan menentukan peningkatan pencapaian yang

berterusan. Dalam laporan lain "*Building Educational Success Together BEST (October 2006)*" pula menyatakan kejayaan pendidikan lebih mudah di sekolah yang mempunyai disiplin dan iklim pembelajaran yang kondusif. Ini bermakna dapatan kajian ini tidak bertentangan dan disokong oleh hasil kajian yang lain.

Dapatan kajian ini turut mencadangkan usaha peningkatan berterusan dalam sekolah lonjakan saujana, pandangan ini selari dengan laporan TOLEDO (2008) yang menekankan ciri yang serupa. Malahan dalam laporan yang lain Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1999), sekolah yang tiada misi dan visi tidak akan berlaku anjakan paradigma. Ini bermakna sekolah tanpa misi dan visi tidak akan mengalami lonjakan saujana.

5.3 Implikasi Kepada Pengurusan Sekolah

Selaras dengan Fred (2003) dapatan kajian ini turut menjelaskan falsafah SK lonjakan saujana ialah kecacatan sifar, berpengetahuan, mencapai kegemilangan, membina nilai, keselamatan idea dan kesihatan minda. Kajian ini bukan sekadar satu pengalaman pengurus tetapi memberikan kekuatan dan keupayaan pengurusan guru besar dalam meningkatkan kecekapan bertindak. Guru besar wajar menghargai tugas yang telah dilaksanakan oleh pemimpin terdahulu. Langkah ini menjadi asas keharmonian hubungan professional guru besar.

Penglibatan berterusan guru besar menurut Isahak (2001) berinteraksi dengan masyarakat akan membantu mereka memimpin dan membangunkan sekolah lebih berjaya. Dapatan kajian ini mendapati keupayaan berucap, ketegasan, kebolehan berinteraksi menjadi harapan guru dan murid. Berdasarkan saranan Napoleon Hill (1928) guru besar perlu memahami faktor kejayaan, hubungan masyarakat, perasaan hormat kepada orang lain, mengiktiraf kejayaan akan membina kegemilangan untuk sekolah lonjakan saujana.

Kajian ini sangat penting dalam usaha memartabatkan SK yang dipandang masyarakat sebagai sekolah kelas kedua. Selari dengan pandangan Napoleon Hill (1928) menegaskan untuk membina budaya menghargai, mengiktiraf dan menjadikan teladan segala kebaikan yang terhasil dari perhubungan duahala seorang pemimpin perlu mempunyai kemahiran berkerjasama, membina kesetiaan dan rendah diri. Telah tiba masanya SK lonjakan saujana dijadikan sebagai amalan sekolah pada hari ini.

Kajian ini memberi implikasi kepada kaedah berfikir guru besar, GPK, guru, murid dan ibu bapa. Para guru mahu usaha berterusan dilakukan di dalam dan luar bilik darjah. Sebagaimana mengikut Brian Tracy (2003) ibu bapa berharap anak mereka melakukan aktiviti pendidikan untuk mendewasakan mereka. Walaupun bertentangan dengan pandangan Simmons (1980) kronologi pemikiran guru besar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di SK perlu dianjakkan. Sifat peribadi

guru besar akan berubah kepada lebih adil, ikhlas, hormat dan menghargai kakitangan bawahan. Budaya murid sekolah lonjakan saujana juga akan beranjak menjadi cergas, cepat, tangkas dan "*versetile*". Kesan ketara lonjakan saujana kepada SK ialah pengurangan sifat bergantung kepada bantuan kerajaan, mengharapkan orang lain dan menunggu perubahan disogokkan oleh komuniti. Ibu bapa di SK lebih terbuka dan bersikap radikal, liberal serta berdikari.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Brian Tracy (2003) yang mendapati guru besar memerlukan kerjasama sepenuhnya daripada guru-guru dalam melaksanakan pelbagai aktiviti di sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia akan berdepan dengan kekurangan peruntukkan kerana lebih banyak sekolah akan muncul sebagai sekolah lonjakan saujana, sekolah kluster dan sekolah berprestasi tinggi.

Dapatan kajian ini turut menyaran ibu bapa mendesak Jabatan Pelajaran Negeri melakukan pembesaran sekolah kluster dan sekolah berprestasi tinggi. Ibu bapa juga akan memilih sekolah berkualiti untuk anak mereka. Akibatnya guru besar yang kurang keupayaan akan diturunkan pangkat, bersara atau ditukarkan dan diganti dengan guru baru yang berpengetahuan, berkemahiran, gigih, cekap dan mempunyai sejarah perkhidmatan yang gemilang. Kesan dan akibat ini perlu dihadapi dengan fikiran terbuka demi SK lonjakan saujana.

Perubahan sikap ini akan mengubah budaya masyarakat khususnya guru besar. Perubahan ini akan disambut dengan berbagai reaksi di kalangan orang Melayu. Ramai akan mengikuti jejak dan berubah tetapi terdapat yang hanya menyalahkan keadaan atau terus tercicir tidak menyedari perubahan. Di SK lonjakan saujana, mereka meletakkan harapan yang tinggi kepada semua individu. Semua murid bersungguh-sungguh belajar kerana mahu berjaya dengan gemilang. Malah guru besar akan memaksimumkan peluang berjaya dan semua muridnya tidak mengira murid pintar atau sederhana akan melibatkan usaha, kerjasama sesama mereka. Para guru pula akan memaksimumkan usaha menjangka keupayaan individu (*headcount*) mengesan kepincangan murid dan mengembeleng komitmen sesama mereka untuk dijana.

Pada masa yang sama pelbagai tahap dalam sekolah akan diwujudkan. Pelbagai kategori guru, gaji dan rupa bilik darjah akan muncul di negara ini. Pada waktu itu persaingan ialah bagaimana ibu bapa membantu murid memastikan pencapaian, kebolehan yang tinggi melewati tahap sebenar anak mereka. Malah komuniti sekolah meletakkan indeks harapan pencapaian yang gemilang kepada semua produks murid yang akan dihasilkan. Ini bermakna keberkesanan perancangan strategik yang dipersetujui dilaksana dan diharapkan akan menggambarkan pencapaian sebenar murid di sekolah ini.

Pengetahuan asas tersebut meliputi keupayaan Teknologi maklumat (ICT), kemahiran komunikasi dan kemahiran membuat keputusan yang tepat menjadi keperluan memahami keperluan murid, guru dan masyarakat sekitarnya. Sekolah Kebangsaan lonjakan saujana mampu menukar strategi kepimpinan guru besar di sesebuah sekolah. Guru besar menjadi lebih terbuka, berwibawa dalam melaksanakan tugas secara lebih berkesan. Mereka sentiasa meneliti keperluan masadepan yang mencabar dan bukan menerima tanpa berfikir.

Sekolah Kebangsaan lonjakan saujana akan menilai pengetahuan, kemahiran dan tingkahlaku perlu dicapai oleh murid pada setiap tahap yang ditetapkan. Sekolah akan meyakinkan murid dan ibu bapa melalui pencapaian yang ditetapkan. Ini bermakna SK lonjakan saujana wajar dicapai setiap sekolah untuk mendorong murid pada tahap lebih tinggi. Walau bagaimana pun guru dan guru besar memerlukan semangat setiakawan dan kerjasama yang tinggi. Hubungan kerjasama yang munasabah, jelas dan mampu capai akan menentukan kualiti kerja gemilang sekolah berkenaan.

Berdasarkan konflik PIBG dan sekolah pada masa ini, suasana ini akan menjadi lebih gawat. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan mengenakan tekanan, desakkan dan paksaan supaya guru besar mengubah atau menyesuaikan semula dasar yang diamalkan. Khususnya aktiviti melibatkan pengajaran dan pembelajaran, keceriaan, kewangan, kokurikulum dan kawalan disiplin di sekolah.

Sebaliknya jika guru besar gagal mengendalikan konflik di sekolah guru, murid dan sekolah akan menghadapi pelbagai aduan awam.

Sebaliknya Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan mendesak dan mencampuri pentadbiran sekolah khususnya kelayakan guru, enrolmen murid dalam kelas, perbandingan pencapaian tahun sebelumnya, perbandingan dengan sekolah berhampiran dan program yang disusun di sekolah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru tidak akan berdiam diri dan terus mendesak perubahan di sekolah. Perubahan ini menjadi tamparan besar jika usaha memperkasa SK gagal. Ini bermakna guru besar sendiri perlu meningkatkan kemahiran mengurus, kualiti kemahiran runding cara dan semangat setiakawan di kalangan guru.

Kajian ini mampu diaplikasi di semua peringkat pengurusan sekolah samada guru, guru besar, ibu bapa atau mana-mana pihak yang mengambilalih tugas pengurusan di mana-mana sekolah. Kajian ini juga mampu menjadi panduan untuk melakukan perubahan di SK lonjakan saujana. Perubahan di SK tetap berlaku. Sekiranya guru besar mahukan lonjakan saujana pertingkatkan kerjasama, setiakawan dan kepimpinan tetapi jika mereka mahukan sebaliknya siapapun tidak mampu mengubahnya kecuali pertukaran.

Penekanan bahawa nilai sebuah SK lonjakan saujana ialah keciciran sifar, pengetahuan, kegemilangan dan kesihatan. Untuk berjaya dalam persaingan dan

meletakkan diri sebagai sekolah lonjakan saujana guru besar mesti memenuhi kesemua keperluan ini. Kesan nyata ialah kaedah berfikir, bertindak, melaksanakan, menilai dan memelihara setiap hari. Kesan pandangan dan syor kepada guru besar di SK, bersedia melangkah dengan perubahan ilmu, kemahiran, membina kelainan tersendiri, mempertimbangkan semula perancangan strategik di sekolah. Perubahan ini mendorong usaha pembentukan sekolah kluster dan sekolah berprestasi tinggi.

Pengalaman guru besar yang berjaya akan menjadi contoh tokoh berterampilan untuk meningkatkan kopetensi, kecerdasan intelektual dan emosional di kalangan guru. Selain membina jiwa kaum guru yang professional di mata dunia. Dapatan kajian ini membimbing untuk menerapkan pengetahuan teknik pengurusan SK lonjakan saujana dalam keadaan sebenar. Usaha ini mampu memperkasa SK. Selain itu ia menjadi panduan kepada JN dan KPM untuk memantau, harapan, keinginan ibu bapa terhadap sekolah lonjakan saujana.

Kajian untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi lonjakan saujana di SK wajar dilakukan. Lonjakan saujana akan menjadi faktor yang mempengaruhi kecemerlangan SK. Melalui usaha sekolah lonjakan saujana JN dan KPM mengenalpasti permasalahan sebenar di SK pada hari ini, sehingga gagal membina kecemerlangan. Implikasi dalaman di sekolah lonjakan saujana usaha meningkatkan kerjasama guru di sekolah. Semangat setiakawan yang tinggi, peningkatan kemudahan infrastruktur di sekolah dan keyakinan kepada kepimpinan di sekolah.

Faktor-faktor ini akhirnya akan meningkatkan iklim pembelajaran di sekolah lonjakan saujana.

Kajian ini akan memberi implikasi kepada kaedah bertindak seorang guru besar. Kronologi pemikiran mereka menjadi sistematik untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab di sekolah. Sifat dan sikap peribadi guru besar akan berubah kepada lebih adil, ikhlas, hormat dan menghargai kakitangan bawahan untuk membina perubahan. Kesan ketara dalam SK lonjakan saujana ialah pengurangan sifat bergantung kepada kerajaan, mengharapkan orang lain dan menunggu perubahan disogokkan kepada komuniti. Ibu bapa dan mesyarakat Melayu akan menjadi lebih yakin serta berdikari.

Perubahan sikap ini akan mengubah budaya masyarakat serta pengurusan sekolah. Perubahan ini akan disambut dengan berbagai reaksi di kalangan orang Melayu. Ramai orang Melayu akan mengikuti jejak dan berubah, ada yang menyalahkan keadaan dan ramai juga akan terus tercicir menjadi kудis bangsa. Di sekolah lonjakan saujana mereka meletakkan harapan yang tinggi kepada semua individu. Semua murid bersungguh-sungguh belajar, mereka yakin untuk berjaya dengan penuh gemilang. Untuk memaksimumkan peluang kejayaan kepada semua muridnya tanpa mengira murid yang pintar atau sederhana sangat memerlukan penglibatan kerjasama murid dan ibu bapa. Para guru pula akan berusaha

